

**KESAN DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN
MASYARAKAT IBAN DI PEDALAMAN SARAWAK:
KAJIAN KES DI NANGA ENKGUAH, SONG,
SARAWAK**

MULA ANAK KELABU

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**KESAN DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN
MASYARAKAT IBAN DI PEDALAMAN SARAWAK:
KAJIAN KES DI NANGA ENGKUAH, SONG,
SARAWAK**

MULA ANAK KELABU

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **MULA ANAK KELABU**

No. Matrik: **AGB 150012**

Nama Ijazah: **MASTER OF ART**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
**KESAN DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN MASYARAKAT IBAN DI
PEDALAMAN SARAWAK: KAJIAN KES DI NANGA, ENKGUAH, SONG,
SARAWAK**

Bidang Penyelidikan: **ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

KESAN DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN MASYARAKAT IBAN DI PEDALAMAN SARAWAK: KAJIAN KES DI NANGA ENKUAH, SONG, SARAWAK

ABSTRAK

Kajian membuat kupasan mengenai aspirasi pembangunan masyarakat Iban dan pentingnya pembangunan mengikut aspirasi masyarakat Iban itu sendiri. Aspirasi masyarakat sasaran merupakan pelengkap kepada kaedah pembangunan ikut-serta yang mengukuhkan pembangunan mampan. Kajian ini mengetengahkan satu kumpulan masyarakat Iban yang tinggal di kawasan pedalaman di daerah Song, Kapit, Sarawak. Secara umum, kajian ini mengaplikasikan teori yang dikemukakan oleh Amartya Sen (1999) yang menyarankan pembangunan adalah kebebasan. Teori beliau menjadi kerangka sebagai panduan dalam meneroka penerimaan pembangunan dalam kalangan masyarakat sasaran. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun terdapat program atau rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Iban di kawasan kajian, namun pada peringkat pelaksanaan atau perancangan, program pembangunan tersebut kurang berjaya. Kegagalan dalam mencapai penerimaan sepenuhnya aspirasi pembangunan menurut kehendak masyarakat itu sendiri dilihat sebagai kegagalan dalam merealisasikan kebebasan yang dicitakan. Berikutan dengan itu, masyarakat Iban di rumah panjang mempunyai aspirasi pembangunan sendiri bagi memastikan kehidupan mereka bergerak ke arah yang lebih baik meskipun berada jauh di pedalaman. Aspirasi pembangunan menurut masyarakat di kawasan kajian akan dikupas secara holistik iaitu merangkumi aspek sosioekonomi, politik dan identiti peribumi dengan menggunakan kaedah kajian etnografi dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik iaitu berdasarkan tema-tema yang berpola dalam satu fenomena.

Kata kunci: kebebasan, kesan pembangunan, pembangunan Orang Iban, aspirasi lokal, hak peribumi.

Universiti Malaya

THE IMPACT OF DEVELOPMENT AND ASPIRATION AMONG THE IBAN COMMUNITIES IN THE INTERIOR OF SARAWAK: A CASE STUDY IN NANGA ENKGUAH, SONG, SARAWAK

ABSTRACT

The developmental aspiration of Iban society and the importance of development according to Iban society themselves are the overviews made in this research. The aspiration of the target society is complementary to participatory development that strengthens the sustainable development. This research highlighted a group of Iban society lives in a remote area of Song district, Kapit, Sarawak. Generally, this research applied a theory proposed by Amartya Sen (1999) that suggests development as freedom. His theory sets as a framework to guide in exploring the acceptance of development among target society. The findings of this research shown that despite the implemented programs or plans by the government to the Iban society in research area, those developmental programs are less successful on the stage of implementation or planning. The failure in achieving the full acceptance of developmental aspiration in accordance to Iban society themselves is seen as a failure in the realization of the aspired freedom. As a result of that, the Iban society in the longhouse has their own developmental aspiration to ensure their livelihood is moving towards a betterment although they live far in a remote area. The developmental aspiration according to the society in the research area will be explained holistically through the aspect of socioeconomic, political and indigenous identity by using ethnographic method of research and will be analyzed by using thematic analysis method that is based on the themes patterned in a phenomenon.

Keyword: freedom, impact of development, development of the Iban, local aspiration, native right.

PENGHARGAAN

“Ia membuat segala sesuatu indah pada waktunya...” (Pengkhabah 3:11)

Segala pujian dan rasa syukur kepada Tuhan di atas kesempatan untuk saya merasai nikmat dan rahmatnya sebuah ilmu. Bersyukur dengan hikmat, kekuatan dan pengalaman yang diberikan sepanjang proses penulisan tesis ini dijalankan.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya, En.Kamal Solhaimi Fadzil yang tidak pernah lelah memberi tunjuk ajar, idea-idea yang bernas serta dorongan mahupun kata nasihat sepanjang penulisan tesis sarjana ini dijalankan. Terima kasih juga kepada Dr. Juli Edo sebagai bekas penyelia saya yang terlebih dahulu bersama saya merintis idea awal tentang hala tuju tesis.

Tidak dilupakan saya dengan rasa rendah diri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden saya khususnya masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang Nanga Engkuah yang sudi memberi kerjasama sepanjang tempoh 2 bulan saya menjalankan kerja lapangan. Ucapan khas dan tulus ikhlas saya tujukan buat mendiang *Ini B* yang sudi memberi tumpangan kepada saya untuk berteduh di rumah beliau sepanjang 2 bulan saya berada di sana. Semoga damai di sana. Begitu juga kepada Kak Y dan keluarga. Hanya Tuhan saja yang mampu membalas kebaikan kalian. Tidak ketinggalan saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pegawai Pentadbiran Daerah Song, Pegawai Penerangan dan Pegawai Pertanian yang sudi memberi kerjasama kepada saya iaitu berkongsi maklumat yang menyokong kajian saya.

Ucapan kasih kepada ibu dan ayah serta seluruh keluarga tercinta yang telah menyokong penuh segala keperluan saya sepanjang perjalanan tesis ini. Terima kasih di atas kesabaran dalam penantian kalian serta kepercayaan yang diberikan. Tanpa

sokongan moral mahupun dukungan dalam segala aspek dari kalian, saya tidak mampu sampai sejauh ini. Terima kasih. Tuhan memberkati.

28 NOVEMBER 2018

Universiti Malaya

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI JADUAL & GAMBAR RAJAH	xiii
GLOSARI	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Orang Iban	3
1.2.1 Definisi Orang Iban	3
1.2.2 <i>The Bilek-family</i>	5
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Metodologi Kajian	10
1.6.1 Kajian etnografi	10
1.7 Analisis kajian	18
BAB 2: KAJIAN KEPUSTAKAAN	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Pembangunan Sarawak	20
2.3 Pembangunan Masyarakat Iban	23
2.4 Kesan-kesan pembangunan dan aspirasi lokal	26

2.5	Kerangka Teori	30
	2.5.1 Pembangunan ialah kebebasan pelengkap pembangunan ikut-serta	34
2.6	Konsep-konsep kajian	40
	2.6.1 Konsep Kemiskinan dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)	40
	2.6.2 Konsep, pembahagian dan isu tanah adat	43
2.7	Kesimpulan	48
BAB 3: LATAR BELAKANG, STATUS FIZIKAL DAN SOSIOEKONOMI		
3.1	Pengenalan	51
3.2	Demografi kawasan kajian	51
	3.2.1 Latar belakang daerah Song	51
	3.2.2 Latar belakang Sungai Katibas	53
	3.2.3 Latar belakang kawasan kajian	54
	3.2.4 Taburan penduduk	58
	3.2.5 Peringkat Umur	59
	3.2.6 Suku kaum	59
	3.2.7 Agama, kepercayaan dan pantang-larang	61
	3.2.8 Perayaan dan Adat Resam Perkahwinan	63
3.3	Status Sosioekonomi berdasarkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)	65
	3.3.1 Status kemiskinan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	66
	3.3.2 Status Pembangunan berdasarkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)	68
	3.3.2.1 Taraf Kesihatan	68
	3.3.2.2 Taraf Pendidikan	72

3.3.2.3	Taraf Kehidupan	74
3.4.	Galeri Khas: Proses pembinaan jalan raya berturap Sibu-Song-Kapit	79
3.5	Kesimpulan	83
BAB 4: KEBERKESANAN, CABARAN DAN KESAN PEMBANGUNAN		
4.1	Pengenalan	85
4.2	Program-program pembangunan di kawasan kajian	86
4.3	Cabaran dan keberkesanan program pembangunan	92
4.3.1	Maklumat pembangunan tidak jelas dan ketirisan pengagihan projek pembangunan	94
4.3.2	Perubahan polisi program pembangunan: Pelawatan pihak kerajaan ke rumah panjang	98
4.3.3	Masalah perhubungan: Sistem komunikasi dan pengangkutan	103
4.3.4	Tidak ada peluang pemasaran	105
4.3.5	Isu dalaman: Kepimpinan di rumah panjang	106
4.4	Kesan Pembangunan: Migrasi masyarakat Iban beramai-ramai ke bandar	108
4.4.1	Perubahan kegiatan pertanian masyarakat Iban di rumah panjang	108
4.4.2	Kegiatan sosial di rumah panjang sukar dilaksanakan	113
4.4.3	Masalah sosial di rumah panjang	115
4.5	Kesimpulan	117
BAB 5: DEFINISI DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN MASYARAKAT IBAN		
5.1	Pengenalan	120
5.2	Definisi pembangunan menurut konteks masyarakat Iban	122
5.2.1	Pembangunan adalah satu perubahan hidup ke arah yang lebih baik	123

5.2.2	Perubahan kehidupan yang dibawa oleh anak-anak yang ada pendidikan akademik	124
5.2.3	Keupayaan untuk menikmati kemudahan infrastruktur yang sedia ada.	126
5.3	Aspirasi pembangunan masyarakat Iban di rumah panjang	128
5.3.1	Jaminan dalam perolehan sumber pendapatan	129
5.3.2	Pembinaan infrastruktur asas pembangunan	137
5.3.2.1	Jalan raya berturap melonjakkan kegiatan ekonomi di rumah panjang	137
5.3.2.2	Kemudahan elektrik dua puluh empat jam	139
5.3.2.3	Kemudahan jambatan gantung dan telekomunikasi	141
5.3.3	Memperkukuhkan aspek pendidikan dalam kalangan generasi muda	142
5.3.4	Aspirasi kepada pengukuhan identiti: Tanah adat yang dipertahankan	143
5.3.5	Aspirasi politik pembangunan masyarakat Iban	147
5.4	Kesimpulan	150
BAB 6: KESIMPULAN		
6.1	Pengenalan	153
6.2	Aspirasi pembangunan masyarakat Iban	155
6.3	Perubahan	165
6.4	Cadangan pembangunan	167
6.5	Batasan kajian	171
6.6	Cadangan kajian susulan	172
	BIBLIOGRAFI	175
	LAMPIRAN	188

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.1	Jeti pekan Song	10
Gambar 2.1	Peta tanah adat masyarakat asal Sarawak	45
Gambar 3.1	Peta Daerah Song	51
Gambar 3.2	Daerah Song dahulu dan kini	52
Gambar 3.3	Peta sungai ke kawasan kajian	53
Gambar 3.4	Panorama sepanjang perjalanan	55
Gambar 3.5	Jeram yang akan dilalui untuk sampai ke kawasan kajian	56
Gambar 3.6	Rumah Lajong Nanga Setuchok	56
Gambar 3.7	Penempatan sementara Rumah Assan Nanga Engkuah	57
Gambar 3.8	Rumah Entaba Nanga Sesibau	57
Gambar 3.9	Klinik Kesihatan Nanga Engkuah	71
Gambar 3.10	Tangki penapis air bersih	72
Gambar 3.11	Sekolah Rendah Kebangsaan Nanga Engkuah	77
Gambar 3.12	Jalan raya berturap dari bandar Sibu ke Nanga Kanowit	79
Gambar 3.13	Jalan tanah merah dari Nanga Ngemah ke Pekan Song	80
Gambar 3.14	Jalan tanah merah sepanjang perjalanan ke Pekan Song	80
Gambar 3.15	Perusahaan ladang sawit milik syarikat Ta Ann	81
Gambar 3.16	Jalan raya berturap setelah sampai di Pekan Song	81
Gambar 3.17	Jalan menuju ke Pekan Song	82
Gambar 3.18	Terminal bot express Pekan Song	82
Gambar 5.1	Hasil anyaman tikar <i>bemban</i>	135
Gambar 5.2	Seorang Ibu sedang menenun <i>pua kumbu</i>	136
Gambar 5.3	Hasil anyaman rotan	136

SENARAI JADUAL & GAMBAR RAJAH

Jadual 3.7.1	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dalam kalangan masyarakat Iban Nanga Engkuah	66
Jadual 3.7.2	Status Pembangunan Masyarakat Iban di Kawasan kajian berdasarkan Indik MPI	68
Gambar Rajah 4.1	Aliran Keberkesanan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	93

Universiti Malaya

GLOSARI

<i>Adat miring</i>	merupakan upacara asas yang penting dalam setiap upacara keagamaan masyarakat Iban
<i>Aki</i>	bermaksud datuk, lelaki yang sudah berumur
<i>Apai</i>	bermaksud bapa atau ayah.
<i>Bilek-family</i>	bermaksud keluarga yang mana dalam keluarga tersebut mereka berkongsi sumber yang sama.
<i>Ini</i>	bermaksud nenek.
<i>Indai</i>	bermaksud emak atau ibu.
<i>Ibu</i>	bermaksud mak cik.
<i>Kain pua</i>	hasil kraf tradisional masyarakat Iban yang mana corak kraf ini diilham daripada mimpi.
<i>Menoa</i>	bermaksud wilayah kekuasaan yang terdiri daripada ladang dan kawasan pertanian, <i>pulau galau</i> , kawasan laman rumah lama, tanah perkuburan, kawasan sungai dan hutan sekitarnya yang diukur keluasannya mengikut jarak perjalanan setengah hari. <i>menoa juga</i> adalah unit teritorial yang dipertahankan oleh mereka bagi mengiktiraf kuasa pemimpin tertentu. Dalam erti kata lain, tanah merupakan simbol kepada pengukuhan harta warisan yang diamanahkan oleh nenek moyang mereka.
<i>Ngayau</i>	budaya potong kepala atau <i>headhunter</i> dalam kalangan masyarakat asli di borneo suatu ketika dahulu.
<i>Petara</i>	panggilan tuhan bagi masyarakat Iban.
<i>Pemansai</i>	peralatan untuk menangkap udang dan anak-anak ikan di sungai yang kecil dan cetek. Peralatan ini adalah sejenis anyaman yang berasaskan rotan.
<i>Ruai</i>	ruang sosial di rumah panjang dan dijadikan sebagai tempat untuk melakukan aktiviti sosial seperti mesyuarat dan berkumpul pada masa lapang atau sewaktu keramaian.
<i>Tanju</i>	halaman rumah.
<i>Tuai rumah</i>	ketua kampung bagi masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang.

<i>Tuak</i>	sejenis minuman yang diperbuat dari tapai. Kebiasaannya dihidangkan kepada tetamu yang datang ke rumah panjang.
<i>Umai</i>	bermaksud huma.
<i>Wi sega</i>	sejenis rotan yang digunakan untuk membuat anyaman kraf. Tumbuh liar di hutan tebal.

Universiti Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan didefinisikan oleh Shamsul (1990) sebagai satu proses perubahan sosial yang bersifat holistik atau menyeluruh. Ia adalah terbahagi kepada dua, iaitu pembangunan dirancang dan pembangunan yang tidak dirancang. Dua aspek pembangunan ini ialah pembangunan yang melibatkan usaha sadar manusia merancang perubahan dalam hidup mereka. Selain itu, tindakan dalam pembangunan yang sering diungkapkan sebagai *social engineering* yang melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya iaitu terdiri daripada perencanaan, pelaksanaan, penerimaan dan pembiayaan (Shamsul, 1990). Sementara, Todaro (1997) mendefinisikan pembangunan sebagai satu proses pelbagai dimensi iaitu melibatkan perubahan terhadap struktur masyarakat, sikap dan institusi serta pertumbuhan ekonomi, pengurangan kadar ketidakadilan dan penghapusan kemiskinan. Pendekatan proses pembangunan yang berlaku pada seluruh sistem sosial adalah bersesuaian dengan keperluan asasi dan keinginan individu dan kumpulan yang pelbagai dalam masyarakat.

Pembangunan di Sarawak telah berlaku pada zaman pemerintahan Rajah Brooke pada tahun 1841 (Ooi, 1999). Pembangunan bertambah rancak apabila Sarawak menyertai pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Sejak itu, Sarawak dibangunkan bersama-sama oleh pihak pentadbiran pusat dan pihak pentadbiran negeri. Contohnya ialah dalam Dasar Ekonomi Baru yang ditubuhkan pada tahun 1971 bertujuan untuk merapatkan jurang kemiskinan bandar dan luar bandar serta membasmi kemiskinan. Keberkesanan polisi tersebut menampakkan hasil termasuklah mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sarawak. Namun begitu, masih terdapat jurang kemiskinan yang agak ketara antara masyarakat bandar dan pedalaman yang ada di Sarawak. Menurut Madeline (2001) walaupun peratusan kemiskinan dapat dikurangkan dari 60.7 peratus kepada 24.7 peratus, terdapat isi rumah yang masih hidup dalam garis kemiskinan yang

terdiri daripada masyarakat bumiputera yang tinggal di pedalaman dengan kadar pendapatan RM593.

Isu pembangunan turut disuarakan oleh bekas Ketua Menteri Sarawak iaitu Allahyarham Pehin Sri Tan Sri Datuk Amar Hj Adenan bin Hj Satem dalam temubual beliau melalui rancangan *Bersama Ketua Menteri Sarawak* dalam soal jawab ketua menteri Sarawak pada 12 September 2015 di TV 1. Beliau mengatakan bahawa pembangunan di Sarawak masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia walaupun setelah 50 tahun dalam Malaysia. Beliau turut mengatakan isu yang sangat penting adalah isu pembangunan luar bandar dan juga pedalaman Sarawak. Kenyataan ini menunjukkan terdapat jurang pembangunan fizikal yang ketara antara bandar dan luar bandar dan juga di kawasan pedalaman yang merangkumi aspek fizikal dan sosioekonomi. Dalam satu lagi temubual program *Randau Sejiwa Senada* pada 28 April 2016 dengan Datuk Alexander Nanta Linggi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak bersama seorang ahli akademik Dr. Madeline Berma memberi penegasan bahawa fokus utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan terhadap negeri Sarawak ialah pembangunan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Menurut Woon (2012), Sarawak adalah antara negeri agak ketinggalan dalam beberapa aspek pembangunan asas yang sangat penting. Sebanyak 70 peratus kawasan pedalaman di Sarawak yang telah dijanjikan mendapatkan bekalan elektrik dan air bersih, namun begitu hanya 59 peratus yang betul-betul mendapatkan faedah itu. Semenjak dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, pembangunan Sarawak secara keseluruhannya masih lagi mundur dalam beberapa aspek. Antaranya ialah belum mendapatkan peluang pekerjaan yang dapat mencapai tahap Peratusan Garis Kemiskinan (PGK) negara. Malah tahap pendidikan masih perlu diperbaiki,

sistem pengangkutan tidak cekap dan juga masih mundur dari segi ICT (*Information and Communications Technologies*).

Kesimpulannya, kawasan pedalaman Sarawak masih tersisih dari aspek pembangunan yang merangkumi aspek pembangunan fizikal dan sosioekonomi. Pengagihan program pembangunan sebelum ini banyak menggunakan pendekatan (*top-down*) atas-bawah (Chamber, 2007) yang jarang mengambilkira penglibatan masyarakat tempatan dalam pembangunan. Pembangunan mapan wajar mengambil pendekatan (*bottom-up*) atau pendekatan bawah-atas (Kothari, 2002) dengan mengambilkira aspirasi masyarakat tempatan bagi memperlengkapkan pembangunan turut-serta (*participatory development*). Chamber (2007) mengatakan bahawa pembangunan turut-serta ini melibatkan beberapa idea seperti perancangan (*planning*), pelaksanaan (*implemantation*), pengawasan (*monitoring*) dan faedah yang dikongsikan bersama (*benefit sharing*). Namun, sebelum pelaksanaan empat proses pembangunan tersebut, ia perlu bermula dengan proses mengenalpasti kehendak atau aspirasi pembangunan masyarakat yang akan diberi pembangunan. Oleh demikian, kajian ini ingin meneroka aspirasi pembangunan masyarakat Iban di pedalaman kerana ia merupakan pelengkap kepada kebebasan dalam pembangunan (Sen, 1999) yang merupakan ciri pembangunan mampan.

1.2 Orang Iban

1.2.1 Definisi Orang Iban

Orang Iban merupakan masyarakat majoriti yang tinggal di Sarawak. Terdapat dua perkara yang boleh digunakan dalam mengklasifikasikan masyarakat Iban. Pertama ialah berdasarkan aspek morfologi dan kepercayaan. Kedua ialah daripada aspek pembahagian kawasan petempatan.

Dari segi morfologi, Jensen (1974) mengatakan bahawa masyarakat Iban asalnya dikenali sebagai Dayak Laut (*Sea Dyaks*). Perkataan *dyak* atau *dayak* itu adalah gelaran

untuk masyarakat yang bukan berbangsa Melayu oleh kolonial *Dutch* di *East Indies*. Tetapi menurut Hart-Everett (Roth, 1896), Kayan lazimnya menetapkan bahawa Dayak Laut merujuk kepada *Ivan* dan akhirnya gelaran itu menjadi Iban. Dalam kalangan masyarakat Iban itu sendiri, perkataan Iban itu boleh diinterpretasikan kepada tiga kegunaan. Antaranya adalah Iban bermaksud kaum yang berbeza daripada Dayak Darat, Kayan, Melayu dan Cina. Interpretasi kedua, Iban mempunyai perbezaan dari segi amalan perubatan iaitu penyembuhan yang dikenali sebagai *manang*¹. Interpretasi ketiga pula mengundang maksud yang begitu mudah, Iban bermaksud *orang* (Jensen, 1974). Contohnya dalam penggunaan ayat “*bisi iban di rumah*” ia bermaksud “*ada orang di rumah*”.

Klasifikasi mengikut pembahagian kawasan petempatan pula adalah berdasarkan suku-suku kaum di Sarawak. Roth (1980) mengkategorikan masyarakat Iban dalam suku kaum Dayak. Suku kaum Dayak pula tersebar di kawasan-kawasan tertentu seperti di Batang Lupar, Batang Rajang yang terdiri daripada bahagian Saribas, Kalaka, Lamanak, sungai Katibas dan juga di Batang Kapuas. Menurut sejarah, masyarakat Iban sebenarnya berasal dari Batang Kapuas, Kalimantan, Indonesia (Sandin, 1967). Mereka dipercayai telah menetap di Kalimantan sejak dari dua belas generasi iaitu bersamaan dengan 400 tahun (Sandin, 1967). Menurut sistem keagamaan masyarakat Iban, pada zaman dahulu, orang Iban hidup bersama dengan kuasa-kuasa tuhan yang dipanggil *petara* (Sandin, 1967). Antaranya ialah termasuk *Sengalang Burong*² dan *Orang Panggau*. Sepanjang mereka hidup bersama dengan *petara*, mereka telah mempelajari cara hidup *petara* dan cara hidup tersebut telah menjadi amalan orang Iban dari generasi ke generasi sehingga ke hari ini. Antaranya ialah seperti adat dalam kegiatan bertani iaitu berhuma khususnya dalam aspek pantang-larang, upacara dan ritual menaman padi dari proses awal membuka kawasan huma sehingga ke proses menuai padi (Sandin,

¹ Rujuk buku, Sandin, B. (1966). *Tusun pendiau*. Kuching: Borneo Literature Bureau. Hl 17-42.

² Rujuk buku, Sandin, B. (1990). *Sengalang Burong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1967). Setiap proses tersebut ada pantang-larang dan aturcara ritual tertentu yang perlu dipatuhi agar mendapat hasil padi yang banyak.

1.2.2 *The Bilek-Family*

Masyarakat Iban merupakan salah satu masyarakat yang mempunyai tempat kediaman yang sangat unik. Kediaman masyarakat Iban dikenali sebagai rumah panjang. Rumah panjang merupakan salah satu struktur seperti rumah teres yang dicantumkan menjadi satu rumah yang panjang. Setiap keluarga memiliki *bilek-family* yang tersendiri. Menurut Jensen (1974), pandangan secara luar dilihat bahawa struktur rumah masyarakat Iban hanya struktur tunggal yang terdiri daripada beberapa kumpulan organisasi dan pemilik. Pihak pemerintah melabelkan setiap keluarga dengan gelaran “pintu” kerana merujuk kepada struktur rumah panjang yang terdapat banyak pintu. Namun, menurut Freeman (1992) istilah yang sesuai ialah *bilek*. Masyarakat Iban menggunakan istilah *bilek* yang merujuk keluarga. Contohnya ialah kalau orang Iban mengatakan “*Nya umai kami se-bilek*” bermaksud “*Itu huma kami sekeluarga*”. Dalam erti kata lain, *bilek* bermaksud keluarga. Di dalam *bilek-family* terdapat beberapa pembahagian ruang antaranya ialah *bilek* atau ruang tamu, *sadau* atau loteng, *ruai* ialah ruang yang mencantumkan setiap *bilek-family*: kebiasaanya tempat aktiviti sosial dijalankan seperti mesyuarat dan *tanju* atau platform terbuka.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini ingin melihat aspirasi pembangunan dari perspektif komuniti sasaran dan melihat penerimaan komuniti tempatan terhadap penyaluran pembangunan seperti penyaluran keperluan infrastruktur dan perkhidmatan serta keberkesanan program pembangunan serta meneroka aspirasi pembangunan masyarakat Iban di pedalaman. Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang kepentingan melihat pembangunan menurut pandangan atau motivasi masyarakat yang akan menerima pembangunan.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Songan (1992) yang bertajuk *Perceived motivation and deterrents associated with participation of peasants in rural development program in Sarawak, Malaysia*. Kajian ini mengkaji tentang kepentingan memahami perkara yang memotivasikan keinginan untuk membangun dalam kalangan masyarakat Bidayuh melalui program pembangunan yang dirangka oleh pihak pentadbiran iaitu *Kalaka-Integrated Agricultural Development Project*. Terdapat kesan positif dan kesan negatif yang dikenalpasti yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan program pembangunan tersebut meskipun program pembangunan yang dirancang pada dasarnya ada menampakkan kebaikan. Antaranya ialah percanggahan idea antara pihak pelaksana dengan masyarakat Bidayuh telah menjejaskan motivasi mereka untuk mengusahakan pertanian mengikut kepada kerangka program pembangunan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Oleh hal demikian, pelaksanaan program pembangunan yang berasaskan program pertanian tersebut kurang mencapai objektifnya. Kajian ini telah mengupas aspek motivasi yang merupakan suara atau luahan dari masyarakat itu sendiri iaitu konteks yang sama dengan aspirasi namun hanya menfokuskan kepada masyarakat Bidayuh sahaja.

Lyndon et al., (2012) dalam kajian yang bertajuk *Makna penyertaan dalam program pembangunan komuniti: Satu tinjauan dari sudut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar* mendapati bahawa, sebagai masyarakat luar atau individu mahupun organisasi yang bukan daripada kelompok atau komuniti asal, seharusnya menghormati atau memahami tentang pandangan dunia ataupun cara masyarakat asal melihat pembangunan menurut pandangan mereka sendiri. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan dari keputusan atas bawah (*top-down*) tidak lagi sesuai dalam tindakan dan perancangan pembangunan. Perkara ini bermaksud bahawa tindakan agen pemerintah yang memaksakan aspirasi mereka ke atas komuniti asal tidak berkesan. Sebaliknya kemampuan komuniti asal perlu difahami sepenuhnya oleh pihak pentadbiran kerana

mereka lebih memahami dan mengalami sendiri masalah yang yang mereka hadapi dan mampu menterjemahkan masalah itu kepada keperluan pembangunan menurut aspirasi mereka sendiri. Aspek ini merupakan salah satu aspek yang sangat penting untuk kita sebagai masyarakat luar tahu dan mengerti sebelum pelaksanaan pembangunan dilaksanakan kerana setiap kejayaan dan kegagalan pelaksanaan pembangunan yang cuba diberi kepada mereka amat bergantung kepada penerimaan masyarakat yang akan diberi pembangunan. Seperti kajian Songan, kajian ini juga hanya memfokus kepada masyarakat Bidayuh.

Satu lagi penulisan yang ditulis oleh Manser (1996) yang bertajuk *Voices from the rainforest: Testimonies of a Threatened People* telah menulis mengenai rintihan kaum Penan yang tinggal di Miri, Sarawak apabila kawasan hutan yang juga merupakan tempat tinggal mereka dimusnahkan ekoran daripada aktiviti pembalakan. Buku ini menceritakan percanggahan pendapat antara pihak pentadbiran negeri Sarawak dengan masyarakat Penan mengenai konsep pembangunan. Contohnya ialah, pihak pentadbiran memandang bahawa aktiviti pembalakan mampu untuk membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak secara amnya, namun bagi kaum Penan aktiviti pembalakan tersebut telah memusnahkan kehidupan mereka. Antaranya ialah hutan yang menjadi sumber kehidupan mereka untuk mendapatkan sumber makanan telah musnah ekoran daripada aktiviti pembalakan. Selain itu, meskipun pihak pentadbiran ada usaha untuk membantu masyarakat Penan di dalam meningkatkan taraf kehidupan seperti menyediakan petempatan baru. Namun bagi masyarakat Penan, kehidupan mereka tidak boleh dipisahkan dengan hutan kerana kehidupan sosial, budaya dan ekonomi mereka bergantung sepenuhnya dengan hutan. Malah terdapat percanggahan di dalam kenyataan pihak pentadbiran Sarawak dari segi penyaluran dana. Meskipun terdapat dana pembangunan yang telah diagihkan kepada masyarakat Penan, namun bagi masyarakat Penan, dana itu tidak pernah sampai kepada mereka. Kajian ini secara terangnyanya

menyatakan tentang konflik antara penerimaan masyarakat Penan ke atas idea pembangunan yang dibawa oleh pihak pentadbiran dan juga berlakunya penyelewengan dari segi sumber dan kepercayaan oleh kerajaan negeri terhadap masyarakat Penan. Kajian ini penting sebagai panduan untuk melihat kesan pembangunan yang bercanggah dengan kehendak masyarakat sasaran.

Ketiga-tiga sorotan di atas adalah berkaitan dengan aspirasi. Oleh hal demikian, mengkaji aspirasi pembangunan merupakan antara salah satu perkara penting bagi meneroka kemahuan pembangunan menurut komuniti asal. Perkara ini juga sewajarnya perlu dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Iban agar setiap program pembangunan yang diberi bertepatan dengan aspirasi mereka. Kajian ini juga bertujuan menjadi medium untuk menyampaikan suara-suara kecil khususnya masyarakat Iban yang tinggal di pedalaman agar suara mereka dapat didengar oleh pihak yang melaksanakan pembangunan terutamanya pihak kerajaan.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

- i. Meninjau status pembangunan fizikal dan sosioekonomi yang sedia ada bagi masyarakat Iban di kawasan kajian.
- ii. Menilai keberkesanan pembangunan menurut perspektif masyarakat Iban di kawasan kajian dan kesan pembangunan.
- iii. Mengenalpasti aspirasi pembangunan masyarakat Iban.

Bagi mengenalpasti aspirasi pembangunan di kawasan kajian, tinjauan ke atas status pembangunan dilakukan. Tinjauan tersebut melibatkan tinjauan ke atas tahap pembangunan khususnya kemudahan infrastruktur yang telah diberikan atau diterima oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Status pembangunan kawasan kajian akan diukur menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang melibatkan empat aspek iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Seterusnya kajian

akan menilai program-program pembangunan dan keberkesanan program pembangunan tersebut kepada masyarakat Iban di kawasan kajian. Dalam objektif kedua ini, penilaian lebih memberi tumpuan kepada pendapat atau suara-suara masyarakat Iban di rumah panjang mengenai keberkesanan program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan serta kesan pembangunan. Objektif ketiga pula memberi fokus kepada perbincangan mengenai aspirasi pembangunan menurut konteks masyarakat Iban itu sendiri. Perbincangan akan dimulakan dengan definisi pembangunan menurut informan. Aspek aspirasi dikupas berdasarkan kepada konsep kebebasan pembangunan menurut Sen (1999) yang terdiri daripada kebebasan dari mendapatkan peluang ekonomi, jaminan sosial, perlindungan hidup, kebebasan politik dan kupasan berdasarkan tiga indeks aspirasi iaitu melibatkan aspek pelbagai pilihan dan nilai, manusia berupaya untuk mempunyai hasrat memiliki dan ada kemungkinan julat norma nilai dan sikap (Sen, 1999).

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dibuat di tiga rumah panjang masyarakat Iban yang terletak di daerah Song, Sarawak. Uniknyanya mengenai pucuk kepimpinan di Daerah Song adalah hanya dipegang oleh satu pucuk kepimpinan iaitu Barisan Nasional setelah lebih daripada 50 tahun Sarawak bergabung dengan Tanah Melayu serta Sabah bagi membentuk negara Malaysia. Pada pertengahan tahun 2018, komponen Barisan Nasional di Sarawak keluar parti dan membentuk parti yang dikenali sebagai Gabungan Parti Sarawak atau GPS. Pertukaran hanya berlaku kepada nama parti namun tidak berubah dari segi wakil rakyat yang mentadbir. Wakil rakyat yang memegang pucuk pemimpin di daerah ini ialah Datuk Ambrose Belikau Enturan, yang mana beliau merupakan wakil Dewan Undangan Negeri (DUN) selama hampir lebih daripada 50 tahun. Pengangkutan untuk sampai ke pekan Song dari bandar Sibu ialah dengan menaiki bot express. Dari pekan Song,

perjalanan yang mengambil masa selama empat jam dengan menaiki perahu panjang untuk sampai ke kawasan kajian.



Gambar 1.1: Jeti pekan Song
Pengangkutan utama masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang ialah dengan menggunakan perahu panjang serta enjin sangkut.

Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 2 Julai 2016

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini mengambil pendekatan etnografi dan berbentuk kualitatif. Kajian etnografi merupakan salah satu kajian yang digunakan untuk mengkaji budaya, tingkah laku, corak interaksi, sosial pemikiran dan cara hidup masyarakat. Terdapat beberapa pendapat berlainan dalam cara melakukan etnografi, namun yang dipersetujui bersama oleh para sarjana ialah pendekatan ini harus melibatkan kajian yang mengambil satu tempoh masa yang agak panjang yang memerlukan pengkaji menyelami budaya dan kehidupan harian masyarakat yang dikaji, memahami masyarakat secara holistik dan cuba memahami sesuatu tingkahlaku atau nilai dari sudut atau perspektif emik.

1.6.1 Kajian etnografi

Menurut Norazit (1993) etnografi merupakan suatu aspek dalam kajian antropologi yang mengkaji cara hidup dan kebudayaan sesuatu masyarakat secara deskriptif yang mementingkan struktur analisis tentang makna kebudayaan yang

terdapat dalam sebuah masyarakat sasaran. Menurut Malinowski (1922), tujuan utama etnografi ialah bagi memahami cara hidup dari pandangan anggota masyarakat yang dikaji. Etnografi menurut Spradley (1980) pula ialah budaya yang mengkaji budaya iaitu mengkaji pengetahuan budaya masyarakat yang dikenali sebagai *natives* (Werner & Schoepfle, 1987) yang juga terdiri daripada pelbagai teknik penyelidikan, teori dan beratus-ratus deskripsi tentang budaya.

Sementara Hashim (1996) mengatakan bahawa etnografi mempunyai beberapa pengertian iaitu gambaran empirikal tentang budaya dan organisasi sosial masyarakat tentang budaya dan organisasi. Pengertian kedua menurut beliau ialah satu himpunan prosedur penyelidikan yang digunakan untuk penyelidikan berbentuk kualitatif yang digunakan secara intensif, terutama melalui pemerhatian ikut serta ke atas satu kumpulan kecil. Pengertian ketiga ialah sebagai satu pengajian akademik yang berbentuk perbandingan antara budaya. Hashim (1996) mengkategorikan deskripsi budaya kepada tiga aspek pengalaman hidup asas manusia. Pertama ialah perkara atau fenomena yang dilakukan oleh anggota masyarakat, pengetahuan budaya iaitu ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh anggota masyarakat dan artifak budaya iaitu pelbagai bentuk peralatan yang diciptakan oleh manusia untuk kegunaan mereka. Oleh itu menurut Metcalf (2002)

...anthropology has a long tradition of relativism, that is, the insistence that other world views be taken seriously, in their own terms, and not dismissed as error...

bermaksud bahawa antropologi mempunyai tradisi relativisme yang panjang, iaitu pandangan dunia lain diambil dengan serius dengan istilah mereka sendiri, dan tidak dibuang sebagai kesilapan. Kerja lapangan merupakan kaedah utama dalam kajian etnografi dan menurut beliau adalah merupakan satu pengalaman yang sangat merendah diri dan kesannya berterusan.

Pengkaji berbangsa Iban dan dibesarkan di Rumah Endah, Tekalit, Song, iaitu sebuah perkampungan masyarakat Iban yang masih bergantung kepada kegiatan pertanian. Bagi penyelidikan ini, pengkaji memilih tiga rumah panjang masyarakat Iban di Nanga Engkuah, Sungai Katibas, Song. Pengkaji telah tinggal di kawasan kajian selama dua bulan iaitu pada awal Jun 2016 hingga akhir Julai 2016. Semasa bermastautin di sana, pengkaji tinggal bersama seorang nenek yang dikenali sebagai *Ini B* berumur 60 tahun. Beliau merupakan seorang balu yang tinggal seorang diri setelah kematian suami beliau lima tahun yang lepas semasa kajian dibuat. Sementara pula, semua anak-anak beliau telah berhijrah ke bandar bagi memenuhi tuntutan kerja untuk menyara kehidupan mereka. Namun begitu, anak-anak beliau akan pulang dua kali setahun atau sekali setahun iaitu semasa perayaan Hari Gawai atau perayaan Hari Krismas. Sepanjang tempoh pengkaji membuat kajian, kondisi kesihatan *Ini B* sangat memerlukan penjagaan yang rapi setelah pembedahan jantung kerana kegagalan fungsi jantung. Namun begitu, beliau tinggal seorang diri tanpa ada penjagaan dari anak-anak beliau. Kehadiran pengkaji semasa kajian secara tidak langsung untuk menjaga beliau walaupun pada masa yang sangat singkat. Pengkaji beroleh pengalaman yang amat berharga dari aspek menjaga orang tua dan dapat menyelami sendiri hidup sebatang kara warga emas. Pengalaman yang banyak menyedarkan pengkaji secara peribadi. Pengkaji sangat bersyukur kerana ternyata kehadiran pengkaji seolah-olah datang bukan sahaja untuk memenuhi tuntutan kajian namun dapat menjaga warga emas ini yang sangat perlukan insan di sisinya pada masa tersebut. Pada pertengahan tahun 2018, mendengar khabar bahawa beliau telah meninggal dunia. Namun, suara dan pendapat beliau masih direkodkan dalam kajian kerana ia masih penting sebagai sebahagian daripada suara pembangunan masyarakat rumah panjang di kawasan kajian.

Disebabkan latarbelakang pengkaji sendiri berbangsa Iban, pengkaji kurang mengalami masalah dari segi komunikasi dan penyesuaian diri. Pengkaji memilih

petempatan rumah panjang tersebut sebagai lokasi kajian kerana majoriti masyarakat di kawasan kajian berbangsa Iban dan lokasi kajian tidak akses ke kawasan pekan yang berhampiran. Kriteria ini diperlukan kerana fokus kajian adalah tentang perkembangan pembangunan masyarakat Iban di rumah panjang yang terletak jauh di pedalaman yang tidak akses kepada pekan dan petempatan lain yang berhampiran. Selain itu, kajian ini bertujuan mengetahui aspirasi dan hasrat pembangunan bagi kelompok masyarakat yang terpinggir daripada arus pembangunan sepertimana masyarakat yang tinggal di pekan dan bandar. Oleh sebab itu, petempatan ini dipilih sebagai lokasi kajian.

Menurut Levi-Strauss (1967), sebagai seorang ahli antropologi, kajian luar merupakan ujian terpenting bagi melayakkan diri sebagai ahli antropologi. Terdapat dua tahap dalam kajian luar yang harus dihadapi oleh ahli antropologi iaitu tahap penyelidikan pasif dan tahap penyelidikan aktif (Freilich, 1970). Tahap penyelidikan pasif termasuklah masalah sosial dan masalah sosiologikal yang perlu melimpasi empat tahap iaitu, penyesuaian fizikal, keselesaan psikologi, pragmatik harian dan dilema moral (Freilich, 1970). Tahap kedua ialah, tahap dalam mendapatkan maklumat kajian. Tahap penyelidikan ini adalah bersifat subjektif, ia bergantung kepada tahap cabaran dan masalah yang dihadapi oleh setiap pengkaji (Shamsul, 1980). Dalam kajian Shamsul (1980) terhadap masyarakat Melayu Sarawak di Maludam, meskipun penyelidik datang dari rumpun budaya yang sama, namun beliau masih dianggap sebagai orang luar dari komuniti sasaran kajian. Beliau tetap berhadapan dengan beberapa masalah dan cabaran sepanjang membuat kajian.

Bagi pengkajian sendiri pula, pengkaji berhadapan dengan peringkat masalah penyelidikan pasif. Masalah yang dihadapi oleh pengkaji sendiri ialah lebih kepada tahap penyesuaian ilmiah dan dokumen. Contohnya ialah dari segi aspek penyesuaian ilmiah seperti aspek untuk memulakan sosialisasi dengan komuniti. Pengkaji mengambil masa untuk masuk dan memahami bagaimana cara sosialisasi masyarakat

kajian seperti topik-topik perbualan mereka. Dari situ, pengkaji perlu untuk memikirkan bagaimana cara untuk menyelitkan perbualan dengan mengajukan soalan yang telah dirangka awal oleh pengkaji tanpa mengganggu proses perbualan. Pengkaji memahami bahawa tidak boleh mengikut keinginan untuk mendapatkan maklumat kajian dengan segera di mana pengkaji perlu mengikut rentak informan. Proses ini memakan masa yang lama. Soalan demi soalan dirangka, diubah dan disesuaikan mengikut maklumat yang diberikan oleh informan bagi melengkapkan maklumat yang diperlukan untuk kajian. Scott (1976) mengatakan bahawa menghasilkan bidang catatan memerlukan masa yang banyak untuk menemukan soalan-soalan penting yang kadang kala sukar untuk dicari dan ditanyakan. Meskipun amat sukar untuk mendapatkan soalan berbangkit yang sangat penting. Namun, kaedah ini penting untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Perkara ini disokong oleh Metcalf (2002) bahawa kepayahan itu merupakan satu kebaikan yang tidak boleh dibayar balik. Inilah awalan untuk menulis etnografi.

Menurut Malinowski (1954) & Metcalf (2002) ciri penting dalam kajian etnografi ialah seseorang pengkaji harus “keluar” dan “masuk” kepada komuniti masyarakat yang dikaji. Perolehan maklumat kajian bukan hanya didapatkan dari “*straight-backed chairs*” (Metcalf, 2002) iaitu maklumat yang didapatkan melalui bacaan tanpa “keluar” dan “masuk” kepada komuniti yang dikaji. Metcalf (2002) juga mencadangkan beberapa individu-individu yang disarankan sebagai informan penting sebagai *gatekeeper* dalam kajian etnografi. Antaranya ialah mubaligh, pegawai daerah dan yang terpenting ialah ketua kampung atau individu yang sudah terbiasa dengan peranan orang tengah yang membantu pengkaji untuk memahami komuniti iaitu individu tersebut boleh dari kalangan yang paling tua dalam komuniti tersebut. Oleh itu, bagi mendapat kebenaran melakukan kajian, pengkaji telah menulis surat secara formal kepada individu dan organisasi yang berkuasa sebagai *gatekeeper* dari daerah tersebut.

Antaranya ialah Pegawai Daerah, Pegawai Penerangan dan Pegawai Pertanian. Pengkaji juga telah meminta kebenaran secara rasmi dari *tuai rumah*. Bagi penglibatan dengan masyarakat di kawasan kajian, pengkaji telah berurusan terus dengan individu-individu bagi mendapat persetujuan dari mereka. Antara informan yang awal menerima pengkaji secara khusus di kawasan kajian ialah *Ini B* yang berusia 60 tahun.

Sebenarnya, pengenalan awal bersama *Ini B* bermula pada tahun 2011 (dari bulan Januari sehingga hujung bulan Ogos) apabila pengkaji sendiri datang sebagai seorang guru sandaran di Sekolah Rendah Kebangsaan Nanga Engkuah. Pada masa itu, *Ini B* secara kebetulan bekerja sebagai tukang sapu di sekolah itu. Sepanjang menjadi seorang pendidik di sekolah rendah tersebut pada tahun 2011, secara tidak langsung pengkaji telah berinteraksi dengan komuniti di kawasan kajian. Oleh sebab itu, apabila pengkaji datang semula ke rumah panjang dan kepada komuniti tersebut pada tahun 2016 (dari awal bulan Jun hingga hujung bulan Julai), masyarakat Iban di kawasan kajian telah mengenali pengkaji. Malah, terdapat ibu bapa dan bekas murid-murid yang pernah diajar oleh pengkaji masih memanggil dengan panggilan “cikgu”.

Meskipun pengkaji telah mengenali komuniti di kawasan kajian, namun, pengkaji masih perlu melalui beberapa prosedur penting sebagai “orang luar”. Pada tahun 2016, apabila pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian di kawasan tersebut, pengkaji berhubung dahulu dengan beberapa kenalan rapat sepanjang berada di sana pada tahun 2011. Salah seorang daripadanya ialah Kak Y yang merupakan pembantu pengurusan murid di sekolah Rendah Nanga Engkuah dan juga salah seorang penduduk rumah panjang tempat kajian. Melalui kemudahan internet sekolah yang ada, ia memudahkan komunikasi antara pengkaji dengan Kak Y. Malah sebelum pengkaji tinggal bersama *Ini B*, pengkaji menginap sementara di rumah Kak Y. Kak Y yang menemankan pengkaji berjumpa dengan *Ini B*. Setelah menyatakan hasrat kedatangan sebagai seorang pengkaji, *Ini B* menerima dengan hati terbuka. Kebetulan juga, *Ini B*

merupakan nenek kepada sahabat rapat pengkaji semasa sekolah menengah dahulu. Beliau menyarankan sendiri pengkaji untuk memanggil beliau dengan panggilan *Ini* disebabkan oleh pengkaji sendiri sebaya dengan cucu beliau yang dikenali sebagai *Ucu L*. Malah, sebelum pengkaji pergi ke kawasan kajian, pengkaji telah berjumpa dengan keluarga *Ucu L* yang juga merupakan keluarga *Ini B* yang tinggal di pekan Song. *Ini B* telah dimaklumkan awal oleh keluarga beliau mengenai kedatangan dan tujuan pengkaji datang dan tinggal bersama beliau. Bagi membalas budi *Ini B*, pengkaji memberi sedikit cenderahati yang berupa mata wang meskipun nilainya tidak mampu untuk membalas kebaikan atas kesudian *Ini B* menumpangkan pengkaji di rumah beliau sepanjang kajian dijalankan. Melalui hubungan pengkaji dengan beberapa orang kunci, ia memudahkan urusan pengkaji untuk tinggal dan diterima oleh masyarakat rumah panjang di kawasan kajian. *Ini B* merupakan individu yang memperkenalkan pengkaji kepada *tuai rumah* (informan pertama ditemui) dan kepada semua penduduk rumah panjang di kawasan kajian. Oleh kerana kondisi kesihatan *Ini B* tidak berapa baik, sekali-sekala pengkaji ditemani oleh seorang “kakak” yang tinggal bersebelah bilik *Ini B* untuk berjumpa dengan penduduk rumah panjang bagi mendapatkan maklumat kajian.

Disebabkan pengkaji sendiri berbangsa Iban, dilahirkan dan dibesarkan di rumah panjang yang masih terpisah dari pekan dan kota, pengkaji memahami budaya kehidupan masyarakat Iban di kawasan kajian. Pendek kata, kehidupan dan aktiviti sosioekonomi masyarakat Iban di kawasan kajian hampir sama dengan masyarakat rumah panjang asal pengkaji sendiri. Contohnya ialah dari segi bahasa pertuturan. Masyarakat Iban di kawasan kajian menggunakan bahasa Iban yang dituturkan sendiri oleh pengkaji kerana perkampungan asal pengkaji adalah dari daerah yang sama. Pengkaji juga memahami budaya, kepercayaan, pantang-larang dan agama yang dianuti oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Antaranya ialah *Adat Miring dan Berburong*.

Meskipun pengkaji telah beragama Kristian, namun pengkaji telah dibesarkan dengan kepercayaan nenek moyang menyebabkan pengkaji mudah untuk memahami amalan dan perlakuan dalam *Adat Miring dan Berburong*. Sementara pula, majoriti penduduk rumah panjang telah beragama Kristian yang bermazab Roman Katolik dan aliran Kristian yang dianuti oleh pengkaji tidak sama (aliran karismatik), namun pengkaji sendiri memahami aliran dan amalan dalam Roman Katolik kerana pengkaji juga penganut aliran itu sebelum ini.

Selama dua bulan berada di kawasan kajian, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kualitatif untuk mengumpul maklumat. Antaranya ialah kaedah temubual dan kaedah pemerhatian ikut-serta dalam merakamkan aktiviti seharian penduduk rumah panjang. Bagi kaedah temubual, pengkaji menggunakan dua pendekatan iaitu secara formal dan tidak formal. Lazimnya, pengkaji menggunakan kaedah temubual secara tidak formal kerana ia membuatkan informan merasa selesa untuk berkongsi tentang pendapat dan pandangan mereka (mengikut kepada pengalaman pengkaji sendiri). Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji memilih beberapa informan penting seperti *tuai rumah* dan bekas ahli jawatankuasa kampung kerana mereka merupakan orang penting dalam organisasi rumah panjang. *Tuai rumah* dan kebanyakan bekas ahli jawatankuasa kampung merupakan antara individu yang penting dalam mengetuai dan menyelia semua aktiviti di rumah panjang. Di samping itu juga, bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah telus dan selari, kaedah temubual secara tidak formal dijalankan secara berterusan dan soalan ditanyakan secara berulang-ulang kepada semua informan. Bagi menangani isu *bias* dalam maklumat kajian, pengkaji turut menemubual beberapa pegawai pentadbiran penting. Antaranya ialah Pegawai Daerah Song, Pegawai Penerangan dan Pegawai Pertanian. Pengkaji turut mendapatkan beberapa maklumat penting daripada pejabat kerajaan di daerah ini seperti maklumat

statistik dan program-program pembangunan yang sedang dijalankan di daerah tersebut merangkumi kawasan kajian.

Bagi tujuan etika kajian, pengkaji tidak akan mendedahkan mana-mana maklumat yang boleh mengugat keselamatan informan. Oleh itu, pengkaji hanya menggunakan abjad sahaja sebagai nama samaran bagi setiap informan dalam kajian ini. Pengkaji memandang berat tentang aspek ini bagi menjaga privasi dan merahsiakan identiti sebenar setiap informan. Bagi penggunaan gambar untuk keperluan kajian ini, pengkaji meminta izin daripada pemilik dan pewaris terlebih dahulu sekiranya terdapat gambar yang menayangkan muka informan.

1.7 Analisis Kajian

Interprestasi kualitatif.

Interprestasi bermaksud penterjemahan lisan bagi sesuatu ujaran atau teks bertulis. Dalam interprestasi, pengkaji mestilah mempunyai latar belakang maklumat yang mencukupi dalam bidang dan topik yang diterjemahkan, bijak membuat keputusan sendiri dalam masalah yang dihadapi dan perlu menanggung risiko jika interprestasinya tidak difahami. Selain itu, interprestasi ini juga terdiri daripada beberapa jenis iaitu interprestasi komuniti, interprestasi mahkamah dan interprestasi persidangan. Ia dilaksanakan mengikut kepada beberapa cara seperti interprestasi serentak, interprestasi berturutan, interprestasi perantaraan dan interprestasi secara berbisik (Fauzi, 2006).

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis menggunakan beberapa cara mengikut objektif kajian. Bagi objektif pertama, analisis kajian menjurus kepada latar belakang, status fizikal dan sosioekonomi kawasan kajian. Analisis bagi objektif kedua ialah mengenai keberkesanan, cabaran dan kesan pembangunan. Analisis ketiga ialah tentang definisi dan aspirasi pembangunan informan. Data yang dirakaman secara audio akan diterjemahkan kepada transkrip dan dikategorikan mengikut kod-kod yang telah ditetapkan.

Kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis tematik adalah cara untuk mengenalpasti tema-tema yang berpola dalam satu fenomena (Boyatzis, 1998). Tema-tema akan dikenalpasti dan akan di kod. Proses ini dikenali sebagai proses induktif dari data kualitatif iaitu sumber primer seperti transkrip wawancara, biografi, rakaman video dan sebagainya. Proses kedua ialah secara deduktif iaitu berdasarkan teori dan kajian terdahulu (Boyatzis, 1998). Kedua-dua proses analisis tematik iaitu proses induktif dan deduktif merupakan proses yang dapat mencatatkan semua data yang diperolehi secara sistematik. Menurut Boyatzis (1998), analisis tematik memampukan untuk melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat orang lain dari data yang dikumpul dan dianalisis berdasarkan tema-tema yang muncul daripada informan terhadap setiap kajian yang dibuat.

Merujuk kepada keperluan, kajian ini menggabungkan kedua-dua proses analisis tematik. Pertama ialah secara induktif iaitu maklumat audio yang merupakan sumber primer akan diterjemahkan ke transkrip. Proses kedua ialah proses deduktif iaitu menentukan kod yang akan digunakan, seterusnya memadankan dan mencorakkan kod dalam tema-tema sesuai yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, kod yang dibuat berdasarkan suara aspirasi masyarakat Iban iaitu tentang hasrat mereka untuk membangun. Pada akhirnya, kajian dapat mengenalpasti apakah aspirasi pembangunan masyarakat Iban mahukan. Gabungan kedua-dua proses analisis tematik ini dapat menyatakan analisa tepat tentang aspirasi pembangunan yang paling tinggi hingga yang paling rendah.

BAB 2: KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Berikut merupakan beberapa sorotan kajian lepas yang telah membantu di dalam menentukan halatuju dan fokus yang ingin ditonjolkan di dalam kajian ini. Sorotan pembacaan kajian lepas dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah pembangunan Sarawak, bahagian kedua ialah pembangunan masyarakat Iban dan bahagian ketiga ialah kesan-kesan pembangunan dan aspirasi lokal. Sorotan pembangunan Sarawak lebih memfokus kepada pembangunan yang telah berlaku di Sarawak secara umum, sama ada kajian secara etnografi atau kajian dari sudut ekonomi atau bidang-bidang ilmu yang pelbagai. Sementara, bagi sorotan kedua ialah pembangunan masyarakat Iban. Sorotan ini mengupas mengenai aspek-aspek pembangunan khusus masyarakat Iban. Bahagian ketiga pula adalah mengenai kesan-kesan pembangunan dan aspirasi lokal. Sorotan bahagian ketiga ini turut mengupas kajian yang melibatkan kumpulan sasaran yang bukan berbangsa Iban.

2.2 Pembangunan Sarawak

Sarawak Information Service (1960) dalam buku yang bertajuk *Information on Sarawak* adalah salah satu laporan ringkas tentang keadaan dan pembangunan di Sarawak sebagai sebuah negara sebelum Sarawak bergabung membentuk Malaysia pada tahun 1963. Tempoh laporan ini adalah semasa Sarawak di bawah kepimpinan British selepas penjajahan Jepun di Sarawak. Antara aspek yang dikupas termasuklah bentuk muka bumi dan sumbernya, sejarah, undang-undang, politik, pertumbuhan industri, pembangunan pendidikan, masyarakat dan pembangunan komuniti, aspek kesihatan, dan juga aspek pertumbuhan ekonomi di Sarawak. Terdapat beberapa aspek yang menjadi perhatian di dalam buku, antaranya ialah pembangunan pendidikan di Sarawak. Persatuan Misi Agama Kristian merupakan persatuan yang menubuhkan sekolah formal di Sarawak yang pertama dan kebanyakan pelajar terdiri daripada masyarakat

Cina, Melayu dan masyarakat asal. Namun begitu, dampaknya kemajuan sekolah bagi masyarakat Cina agak ketara dari masyarakat yang lain apabila masyarakat ini mampu menubuhkan sekolah jenis kebangsaan Cina pada tahun 1911. Pada tahun 1947, selepas penjajahan Jepun di Sarawak, British telah membina satu lagi sekolah kebangsaan yang sepenuhnya diambil alih oleh masyarakat tempatan. Tetapi, timbul satu masalah apabila kebanyakan masyarakat asal tidak berminat untuk mendapatkan pendidikan formal jika dibandingkan dengan masyarakat Cina. Masyarakat asal yang juga termasuk masyarakat Iban lebih suka menjalani kehidupan harian secara tradisional. Oleh sebab itu, masyarakat Cina di Sarawak lebih maju dari segi pendidikan.

Dinyatakan awal tadi, pembangunan komuniti dan pembangunan ekonomi di Sarawak telah bermula sebelum Sarawak bergabung dengan Malaya dan membentuk Malaysia lagi. Bermula pada tahun 1948, pihak British telah berkerjasama dengan kolonial seperti *United Kingdom* bagi mendapatkan dana untuk tujuan pembangunan di Sarawak. Pihak pentadbiran telah melaksanakan beberapa projek pembangunan di kawasan pedalaman seperti di kawasan Padawan yang turut disokong oleh Persatuan Misi Agama Kristian dan di kawasan Ulu Krian yang kebanyakan terdiri daripada komuniti Iban. Projek pembangunan dilaksanakan bertujuan untuk mengubah taraf hidup masyarakat dari segi ekonomi, khususnya dalam bidang pertanian dan pendidikan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program-program tersebut hanya berlangsung dalam jangka masa yang pendek kerana pihak pentadbiran pada masa itu tidak berupaya untuk meneruskan pelaksanaan pembangunan yang telah dirancang disebabkan oleh masalah-masalah tertentu. Antaranya sumber kewangan yang defisit, dan keadaan ekonomi merosot selepas Perang Dunia Kedua.

Pada tahun 1959, apabila Sarawak atau dikenali sebagai Pulau Borneo pada masih itu dan masih di bawah pimpinan pihak British, satu rancangan pembangunan yang dikenali sebagai Rancangan Pembangunan 1959-1963 telah dilaksanakan. Dalam

rancangan ini, aspek pembangunan lebih tertumpu kepada aspek yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti bidang perniagaan, projek menanam getah dan sebagainya. Akibatnya, aktiviti ekonomi yang berskala kecil bukan menjadi tumpuan utama kerajaan apabila fokus utama ekonomi adalah untuk kegiatan yang berskala besar. Laporan buku ini dapat membantu terutama tentang sejarah awal pembangunan beberapa aspek penting di Sarawak dan menjelaskan kesan perancangan pembangunan tidak seimbang khususnya di kawasan pedalaman. Oleh itu, kesan itu dapat dilihat pada masa sekarang. Contohnya, kawasan atau penempatan yang berdekatan dengan kawasan pentadbiran lebih membangun jika dibandingkan dengan kawasan pedalaman. Antaranya ialah aspek infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sebagainya. Laporan ini merupakan satu kupasan pada umum tentang aspek-aspek yang disentuh. Kajian sama sekali tidak menyentuh tentang aspirasi pembangunan masyarakat khususnya kepada masyarakat Iban. Hasil kajian hanya memberi fokus kepada aspek pembangunan yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar.

Mark & Peter (1992) dalam buku mereka yang bertajuk *Borneo: Change and Development* memberi fokus kepada tiga aspek kajian mereka. Pertama ialah legasi atau sejarah seluruh kepulauan Borneo termasuk Brunei, Kalimantan dan Sarawak. Kedua mengenai corak kehidupan dan proses yang meliputi aspek populasi, kependudukan, sistem pertanian, pembangunan ekonomi dan polisi. Aspek ketiga yang menjadi perhatian mereka juga ialah isu pembangunan yang berlaku sepanjang tempoh sebelum dan selepas Sarawak bergabung membentuk negara Malaysia iaitu yang terdiri daripada aspek-aspek yang melibatkan kegiatan pembalakan dan undang-undang, kekayaan sumber alam, sumber minyak mentah, hak tanah dan proses perpindahan kependudukan. Pada akhir kajian mereka mendapati bahawa aspek pembangunan di Sarawak turut dipengaruhi oleh polisi pihak kerajaan yang memimpin Sarawak sebelum Sarawak

menyertai Malaysia. Contohnya ialah pembahagian Sarawak kepada beberapa kawasan semenjak zaman pemerintahan keluarga Brooke telah memberi perbezaan kepada tahap pembangunan setiap kawasan di Sarawak. Tempat yang sering diberi perhatian dari sudut pembangunan ialah kawasan-kawasan pentadbiran seperti di kawasan Kuching dan Samarahan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain. Pembangunan tidak seimbang menyebabkan sesetengah kawasan terpinggir dan diabaikan. Sarawak pada dasarnya kaya dengan sumber-sumber alam seperti minyak dan kayu yang boleh memakmurkan rakyat Sarawak. Namun begitu, pembangunan di negeri ini tidak berlaku seperti mana yang diharapkan. Khususnya kepada masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Contohnya ialah kemunduran daripada mendapatkan kemudahan infrastruktur seperti di kawasan yang jauh dari kawasan pentadbiran. Malah kajian ini turut mengupas mengenai kesan negatif kepada kehidupan masyarakat peribumi di Sarawak ekoran daripada rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran bertentangan dengan kehendak masyarakat. Contohnya ialah kegiatan pembalakan telah memusnahkan kehidupan dan kebergantungan masyarakat peribumi ke atas alam khususnya dalam kalangan masyarakat Penan di Sarawak. Penulisan ini menjadi panduan penting kepada keperluan kajian ini kerana ia dapat memberi gambaran terhadap kesan pembangunan sekiranya ia tidak menurut aspirasi lokal.

2.3 Pembangunan Masyarakat Iban

Berikut merupakan sorotan kajian yang mengkhusus kepada pembangunan masyarakat Iban sama ada kajian dari sudut etnografi, politik dan ekonomi. Antaranya ialah:

Jawan (1991) di dalam penulisannya yang bertajuk *The Ethnic Factor in Modern Politics: The Case of Sarawak East Malaysia* telah mengupas perubahan pembangunan yang telah diterima oleh masyarakat Iban dari jangka masa dua puluh tahun setelah penggabungan Sarawak dengan Malaya dan Sabah. Buku ini mengupas tentang pembangunan yang dilaksanakan di bawah kepimpinan politik yang bercorak etnik.

Tiga aspek yang dikaji ialah pendapatan isi rumah, pendidikan dan kemiskinan. Dalam perbincangan ini beliau merumuskan bahawa masyarakat Iban masih keterbelakang dalam memperoleh tiga perkara asas yang boleh menaiktaraf kehidupan mereka. Kajian ini hanya memberi fokus kepada kesan politik yang bercorak etnik terhadap pembangunan di Sarawak. Beliau tidak menyentuh mengenai aspirasi pembangunan yang masyarakat Iban inginkan di dalam kehidupan mereka.

Satu lagi penulisan Jawan (1994) yang bertajuk *Iban Politics and Economic Development: Their Patterns and Changes* mengupas tentang penglibatan masyarakat Iban dalam politik dan juga menyentuh tentang pertubuhan politik di Sarawak yang secara khususnya disertai oleh masyarakat Iban. Kajian ini merupakan kesinambungan kajian sebelumnya iaitu dalam buku yang bertajuk *The Ethnic Factor in Modern Politics: The Case of Sarawak East Malaysia*. Selain daripada menyentuh mengenai isu politik, kajian ini turut menyentuh mengenai rentak pembangunan masyarakat Iban. Antaranya ialah kesan pembangunan masyarakat Iban selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), penglibatan masyarakat Iban dalam bidang industri terutamanya dalam aktiviti pembalakan dan tahap kemajuan masyarakat Iban dalam pendidikan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa aspek politik merupakan aspek yang sangat penting dalam menentukan kemajuan dalam semua aspek yang lain. Kebangkitan pemimpin yang berbangsa Iban sangat menentukan arah masa depan masyarakat Iban di Sarawak khususnya dalam pembangunan.

Kedit (1993) dalam buku beliau yang berjudul *Iban Bejalai* mengupas tentang kegiatan ekonomi masyarakat Iban pada zaman dahulu melalui satu kaedah yang dikenali sebagai *bejalai*. *Bejalai* bermaksud berjalan atau dalam konteks yang tepat pula bermaksud merantau. Bagi masyarakat Iban, merantau ini dilakukan untuk beberapa tujuan. Antaranya ialah budaya ini khas untuk kaum lelaki dalam kalangan masyarakat Iban yang sudah cukup umur untuk merantau. Tempoh masa yang diambil oleh seorang

bejalai ialah beberapa bulan atau setahun ataupun lebih daripada tempoh satu tahun. Budaya ini merupakan satu ukuran status sosial dalam kalangan masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban, sekiranya seorang lelaki itu pulang dari *bejalai*, mereka dianggap gagah kerana sepanjang perjalanan mereka berhadapan dengan berbagai halangan. Selain daripada terpaksa berhadapan dengan haiwan buas, individu yang *bejalai* ini juga akan berselisih dengan kaum lain yang juga dianggap musuh kerana budaya kaum di borneo pada masa itu masih terkenal dengan budaya potong kepala (*headhunter*). Halangan ini kebanyakan boleh meragut nyawa mereka. Adat *bejalai* ini juga bertujuan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Iban kerana setiap individu yang *bejalai* ini akan membawa pulang harta seperti tembikar dan sebagainya sebagai bukti bahawa mereka telah berjaya dalam misi mereka. Buku ini hanya menjelaskan tentang aspek *bejalai* sahaja dan ia merupakan satu dapatkan kajian yang boleh digunakan untuk mengetahui tentang latarbelakang sejarah ekonomi tradisional masyarakat Iban. Buku ini penting bagi melihat perkembangan dan perubahan kegiatan ekonomi masyarakat Iban kerana tuntutan corak kehidupan yang sentiasa berubah.

Cramb (2007) *Land and longhouse: Agrarian Transformation in the Uplands of Sarawak* yang memberi fokus kepada masyarakat Iban di Saribas Sarawak. Buku ini menggabungkan kajian kes yang mendalam tentang perubahan penggunaan tanah dan pemegangan di peringkat serantau dalam tempoh setengah abad. Hasil kajian mendapati bahawa, meskipun menjadi mangsa yang pasif dalam globalisasi, masyarakat Iban ternyata telah menjadi ejen aktif dalam transformasi mereka sendiri iaitu terlibat dengan kedua-dua pasaran sambil mengekalkan nilai komuniti dan tadbir urus mereka. Sesuai dengan keperluan kajian, kajian ini penting di dalam mengerti tentang beberapa isu yang dibicarakan oleh beliau tentang penerimaan dan penolakan masyarakat Iban ke atas tanah adat mereka bagi tujuan pembangunan. Kajian ini juga turut menceritakan bagaimana pembangunan yang dibawa oleh pihak pentadbiran Sarawak

mengorentasikan iaitu membawa perubahan hidup kepada kehidupan masyarakat Iban secara keseluruhan. Namun begitu, kajian ini tidak menyentuh secara spesifik tentang aspirasi pembangunan masyarakat Iban.

2.4 Kesan-kesan pembangunan dan aspirasi lokal

Menyentuh mengenai kajian-kajian lepas berkaitan dengan program dan kesan-kesan pembangunan dan aspirasi lokal, terdapat beberapa kajian yang telah dikenalpasti.

Dalam kajian yang dibuat oleh Scott (1976) yang bertajuk *The Moral Economy of the Peasant* mengupas mengenai kehidupan petani desa di Burma dan Vietnam pada tahun 1930 yang berubah apabila tranformasi era penjajah kolonial menjajah secara sistematik dan melanggar *moral economy* kaum petani dan mewujudkan pemberontakan dan revolusi. Beliau menggambarkan bahawa kehidupan petani (*peasant*) pada awalnya sebagai masyarakat harmoni atau stabil. Mereka mempunyai kelompok sosial yang memiliki kepentingan untuk menjaga perhubungan atau ikatan antara sesama dengan menjalankan kehidupan bergotong-royong dan tolong-menolong menjadikan struktur kehidupan mereka terjamin. Namun begitu, wujudnya sistem hierarki dalam kumpulan petani telah melahirkan kumpulan elit menyebabkan berlakunya konflik pendapatan antara kelompok petani terutama golongan petani berskala kecil yang lebih miskin dari buruh tani yang mempunyai pasaran lebih baik dari tenaga kerja. Kelompok petani yang berskala kecil ini merasa terancam dan bertindak meninggalkan kampung halaman dan pergi ke bandar bagi mencari peluang ekonomi. Malangnya apabila sampai di bandar mereka tidak menemukan peluang pekerjaan yang sesuai dan menjadi penganggur di bandar. Dalam permasalahan ini, Scott menerangkan etika petani untuk hidup: semua orang di dalam masyarakat mempunyai hak untuk tahap minimum subsisten, dan elit mempunyai tugas untuk menyokong hak ini. Scott berpendapat bahawa penggerak politik berlaku apabila terdapat kepercayaan yang meluas bahawa elit atau pemerintah mengabaikan tugas-tugas etika subsisten. Dia membezakan pandangannya dengan

pandangan eksploitasi sebagai penyebab petani: ia bukan skala perpindahan mutlak tetapi tanggapan tuan tanah dan elit untuk keperluan eksistensial (tradisi pemikiran) petani. Kajian ini dilihat penting dalam menggambarkan konsep iaitu sebab dan akibat apabila idea dari kelompok masyarakat luar masuk ke dalam sistem sosial sebuah masyarakat tertentu. Dalam konteks masyarakat Iban, kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat penerimaan dan kesan kepada kepada semua aspek kehidupan masyarakat Iban apabila masyarakat luar masuk dan membawa idea kepada komuniti dan membawa perubahan baru kepada mereka.

Satu kajian lagi yang dibuat oleh Scott (1985) yang bertajuk *Weapons of the weak: everyday forms of peasant resistance* yang mengkaji tentang kepentingan menghormati budaya sesebuah masyarakat dalam merencanakan pembangunan. Kajian beliau ialah mengenai masalah petani biasa dan sebab-sebab pemberontakan terbuka sangat jarang berlaku di kampung Sadaka (Kedah, Malaysia) terhadap rencana pembangunan yang telah menghambat budaya yang dipegang oleh mereka sekian lama. Kajian beliau mengupas mengenai dasar kelas yang boleh mewujudkan penindasan dalam sebuah masyarakat apabila golongan kelas atasan mengeksploitasi dan menolak untuk mematuhi adat tradisi golongan bawahan: iaitu norma yang dikongsi bersama seperti kehidupan bermasyarakat dan amalan tolong-menolong yang dianggap sebagai moralitis miskin bagi kelas atasan. Contohnya ialah, bagi golongan atasan yang berupaya menjadi pemilik tanah telah memecat dan membuat pertikaian terhadap kawalan pintu kampung; dan kecenderungan menyelewengkan pengagihan dana yang diberikan oleh kerajaan untuk kemajuan kampung. Apabila penindasan ini berlaku kepada golongan bawahan ini, mereka bangkit berjuang untuk mempertahankan status mereka sebagai ahli penuh masyarakat. Kajian ini membuat kita memahami apabila tidak ada keadilan dalam aspek sosial masyarakat dan kesan kepada konsep monopoli peluang dan kuasa terhadap sesebuah kelompok tertentu. Akibatnya kelompok yang

merasa diri mereka ditindas bangkit mempertahankan hak mereka kerana mereka juga mempunyai kebebasan dalam mempertahankan perkara dalam kehidupan mereka dan juga untuk mendapatkan apa yang dimiliki oleh orang atasan.

Kajian yang dibuat oleh Kwok (2014) yang mengkhusus kepada masyarakat Iban yang tinggal di daerah Song itu sendiri yang bertajuk *Penglibatan masyarakat Iban dalam program pembasmian kemiskinan: Kajian kes di Daerah Song* telah mengupas aspek penyertaan masyarakat Iban dalam program pembasmian kemiskinan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Hasil kajian mendapati pelaksanaan skim tersebut kurang memberansangkan kerana pengetahuan masyarakat Iban tentang program di bawah SPKR masih rendah. Sebilangan besar daripada masyarakat Iban di kawasan kajian tidak mengetahui kementerian yang mentadbir program di bawah SPKR dan pengetahuan tentang perkembangan pembangunan yang berlaku di tempat mereka adalah pada paras sederhana. Satu lagi kajian yang dibuat Kwok & Haris (2014) bertajuk *Kesan Persekitaran Fizikal ke atas keterlibatan komuniti Iban dalam Program Pembangunan di rumah Panjang: Satu Pemerhatian Awal* cuba melihat tiga faktor yang memberi cabaran kepada komuniti Iban di daerah Song untuk terlibat dalam program pembangunan di rumah panjang. Antaranya ialah bentuk muka bumi, lokaliti rumah panjang dan aras air sungai. Kajian mereka mendapati bahawa keadaan bentuk muka bumi yang berbukit-bukau dan lokaliti rumah panjang yang terletak jauh dari kawasan pekan atau pusat bandar serta aras sungai yang tidak menentu adalah antara halangan yang membatasi keterlibatan penduduk rumah panjang daripada mengambil bahagian dalam program pembangunan di tempat mereka, lebih-lebih lagi pengangkutan utama mereka adalah melalui jalan air. Dua kajian ini mengupas beberapa aspek yang telah dinyatakan tetapi tidak menyatakan tentang suara dan pendapat masyarakat itu sendiri tentang aspek yang telah mereka kupas. Oleh itu, kajian ini menjadi platform untuk

menyatakan suara masyarakat Iban itu sendiri tentang cabaran dan faktor kepada cabaran pembangunan menurut pandangan mereka sendiri.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Egay (2008) yang bertajuk *The Significance of Ethnic Identity Among the Penan Belangan Community in the Sungai Asap Resettlement Scheme* (BHEP) mengupas mengenai kesan program pembangunan terhadap kehidupan masyarakat yang terlibat dengan penempatan semula di Sungai Asap apabila pembinaan empangan hydroelektrik Bakun pada tahun 1999 dilaksanakan yang melibatkan etnik Orang Ulu seperti suku kaum Kayan, Kenyah, Lahanan, Ukit dan Penan. Namun begitu, BHEP ini telah menimbulkan kontroversi apabila suku kaum ini menghalang projek pembangunan tersebut. Pendekatan kajian beliau adalah berdasarkan aspek etnik yang mana menurut beliau bahawa etnik bukan sahaja digunakan oleh ahli akademik atau pentadbiran kolonial tetapi oleh ahli-ahli politik dan perancang pembangunan untuk mengenalpasti dan mengklasifikasikan pelbagai kumpulan kaum asal di Sarawak. Kesan kepada penempatan tersebut, masyarakat di Sungai Asap terus hidup dan membina semua kehidupan dan identiti mereka setiap hari di luar rangka kerja politik dan ekonomi. Oleh itu, terdapat kecelaruan identiti khususnya masyarakat Penan dalam mereka mengertikan "*Being Penan*". Faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku apabila modal pembangunan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan lebih kepada konsep kebaratan dan ia telah menyebabkan sempadan struktur (*structural boundaries*) secara drastik berubah dalam menghadapi sempadan. Sempadan tidak lagi menjadi satu-satunya tanda perbezaan tetapi diasimilasikan dan disamakan. Batas (semata-mata) yang dibentangkan oleh masyarakat luar menjadi topeng seolah-olah ia adalah wajah awam masyarakat. Menggunapakai pendekatan „ditakrifan harian“ (*everyday-defined*) diharapkan dapat memberi suara kepada pelaku sosial individu untuk berkongsi tentang pengalaman mereka. Perkara ini menyatakan bahawa, pihak luar sewenangnya telah mengambil segala hak keistimewaan sesebuah masyarakat yang

dianggap lemah apabila sempadan yang menjadi kayu ukur batasan telah dipecahkan oleh pihak yang “menjajah”. Sebagai pihak yang di luar kelompok masyarakat, mereka sewajarnya menghormati batas tersebut agar tidak berlakunya pencabulan hak terhadap sesebuah masyarakat. Salah satu medium yang boleh melanggar perbatasan tersebut ialah pembangunan yang dilaksanakan bersifat berat sebelah sepertimana yang berlaku kepada masyarakat Penan di petempatan Sungai Asap. Perancangan kerajaan negeri Sarawak yang melibatkan penerokaan hutan untuk membina empangan hidroelektrik di Bakun bukan satu tindakan wajar kerana mereka telah mencaburi hak peribumi yang menjadikan hutan sebagai sumber ekonomi dan kebergantungan hidup mereka.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas banyak mengkaji tentang proses dan kesan pembangunan khususnya di Sarawak di samping juga terdapat sorotan kajian lepas yang melibatkan kesan pembangunan yang berlaku sama ada di luar negara atau dalam negara serta di luar atau dalam kelompok masyarakat Iban. Namun begitu, tidak ada kajian yang memberi tumpuan khusus kepada aspek aspirasi pembangunan masyarakat Iban itu sendiri. Oleh hal demikian, kajian ini berhasrat untuk mengkaji tentang aspirasi pembangunan yang mengkhusus kepada masyarakat Iban kerana ia penting sebagai langkah awal dalam pelaksanaan penyaluran pembangunan agar ia selari dengan kehendak masyarakat Iban sendiri.

2.5 Kerangka Teori

Bersesuaian dengan keperluan kajian ini, teori yang akan digunakan ialah teori yang dikemukakan oleh Sen (1999). Beliau mengatakan bahawa pembangunan sebagai kebebasan dalam bukunya yang bertajuk *Development as Freedom*. Beliau telah membuat penghujahan secara padat mengenai perkaitan dan hubungan serta impak pembangunan. Sen (1999) melihat aspek kebebasan yang dikehendaki oleh masyarakat dalam pembangunan. Dalam proses untuk mencapai pembangunan, sesebuah masyarakat berharap mempunyai hak kebebasan untuk memilih aspek-aspek yang

membawa mereka ke arah pembangunan tanpa paksaan. Beliau mengupas dua pemboleh ubah didalam mendefinisikan pembangunan sebagai kebebasan iaitu *primary end* atau hukum utama dan *principal end* atau prinsipal instrumental kebebasan dalam pembangunan.

Hukum utama kebebasan dalam pembangunan menurut beliau adalah bilamana masyarakat itu bebas untuk memilih apa yang mereka perlukan di dalam hidup mereka tanpa rasa tertekan atau dipengaruhi oleh aspek luaran. Melalui hukum utama ini, ia akan menjadi syarat utama kepada tuntutan aspek-aspek lain yang terdiri daripada prinsipal instrumental.

Aspek pembangunan menurut prinsipal instrumental ialah kebebasan dari aspek politik, peluang ekonomi, jaminan sosial, jaminan hak yang jelas dan hak untuk mendapat perlindungan hidup (*protective security*). Kebebasan politik merujuk kepada kebebasan masyarakat untuk memilih pemimpin serta menentukan corak politik yang dikehendaki. Kebebasan untuk mendapat peluang ekonomi pula merujuk kepada hak setiap individu menggunakan sumber bahan mentah untuk keperluan dan peningkatan ekonomi yang akan menyumbang kepada pemeraksanaan taraf hidup. Jaminan sosial pula merujuk kepada cara masyarakat menyusun kehidupan sosial untuk mendapatkan pendidikan, kesihatan dan lain-lain bagi membolehkan mereka menikmati serta memenuhi keperluan setiap aspek kehidupan. Hak perlindungan hidup pula tercapai apabila masyarakat merasakan diri mereka berada di lingkungan sosial yang selamat sepanjang masa, lebih-lebih lagi apabila nyawa mereka tidak diperjudikan dalam menangani tuntutan dunia. Daripada empat aspek kebebasan pembangunan ini, beliau menegaskan bahawa keempat-empat aspek tidak berdiri sendiri, sebaliknya saling berkait rapat antara satu sama lain. Aspek keselamatan menjadi keutamaan kerana inginkan kehidupan yang selamat, masyarakat cenderung untuk menuntut hak dan

kebebasan dengan memilih aspek-aspek yang sesuai dan diperlukan dalam menentukan pembangunan.

Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa peranan kebebasan secara konstitutif berkaitan dengan kepentingan kebebasan dalam memperkaya kehidupan manusia di dalam membuat pilihan ke arah kehidupan yang lebih baik. Pembangunan sebagai kebebasan adalah proses memperluaskan kebebasan manusia dan penilaian pembangunan harus dimaklumkan oleh pertimbangan ini. Kebebasan substansif termasuk keupayaan asas iaitu dapat mengelakkan kekurangan aspek-aspek seperti kelaparan, mobiliti yang dapat dielakkan dan kematian, serta sifar celik huruf dan angka serta menikmati penyertaan politik. Perkara ini bermaksud kebebasan dalam pembangunan akan memberi pilihan yang pelbagai dan sesuai kepada masyarakat tersebut. Pilihan yang pelbagai dan sesuai ini akan memberi ruang kepada masyarakat untuk memotivasikan diri berusaha ke arah kehidupan yang lebih baik.

Sen (1999) mendefinisikan aspirasi sebagai sasaran atau *goal* yang ingin dicapai berdasarkan tiga keraguan yang berbeza (sikap ragu-ragu iaitu ragu tentang kebenaran sesuatu): indeks aspirasi iaitu dalam aspek pilihan, kedua keupayaan untuk memiliki dan ketiga berdasarkan norma dan nilai. Menurut Carter (1945), aspirasi bermaksud sasaran maksimum bagi seseorang individu (atau satu kumpulan) mahu atau harapkan untuk dicapai apabila melibatkan diri dengan setiap suasana dalam setiap aktiviti. Sementara Hurlock (1898) mengatakan bahawa aspirasi bermaksud keinginan yang lebih besar dari diri sendiri. Sesuatu yang meluhurkan atau menaikkan semangat yang mungkin tidak wajar. Terdapat beberapa perbezaan ketara antara cita-cita dan aspirasi. Aspirasi ialah motivasi pencapaian untuk penambahbaikan, manakala, cita-cita ialah motivasi untuk keputusan akhir hasil itu sendiri.

Tiga indeks aspirasi menurut Sen (1999) terdiri daripada aspek pilihan, kedua keupayaan untuk memiliki dan ketiga berdasarkan norma dan nilai. Bagi indeks

pertama, manusia mempunyai pelbagai pilihan. Menurut Sen (1999) kepelbagaian pilihan dalam kalangan manusia akan mewujudkan perkara yang tidak konsisten. Namun, dalam berhadapan dengan isu pelbagai pilihan ini, setiap keputusan sepakat bukan sahaja dapat mencapai suara majoriti, malah masyarakat tersebut berupaya untuk membuat keputusan yang mengaitkan asas maklumat secara bersama. Dalam isu ini, beliau menekankan bahawa proses interaksi merupakan salah satu perkara yang sangat penting sebab ia memberi keupayaan untuk mengumpulkan maklumat yang banyak kerana setiap keputusan yang melibatkan komuniti tidak boleh diambil berdasarkan maklumat yang sedikit atau berdasarkan satu atau sesetengah suara tertentu yang terpilih sahaja. Perkara ini bermaksud bahawa setiap individu yang hidup dalam satu kelompok komuniti yang sama mempunyai hak untuk bersuara dan menyatakan hasrat masing-masing. Perkara ini juga penting dalam mempraktikkan budaya menghormati pandangan setiap individu. Pada akhirnya, keupayaan untuk merangka setiap perancangan pembangunan yang adil dan menurut kehendak setiap masyarakat tersebut dapat dicapai. Di sini kita akan memahami bahawa betapa pentingnya proses perbincangan. Penting untuk mengadakan perbincangan dan interaksi dengan masyarakat awam dalam mewujudkan suasana menghormati nilai dan komitmen bersama. Perkara ini merupakan salah satu cara atau membolehkan kita bertindak balas terhadap pandangan dan berkompromi dengan satu sama lain.

Kedua ialah manusia ada keupayaan untuk mendapatkan apa yang diinginkan yang juga sepatutnya dimiliki. Syarat-syarat akibat yang diinginkan akan menumpukan perhatian kepada kepentingan "kesan yang tidak diinginkan". Perkara utama di sini bukanlah penilaian rasional yang sia-sia terhadap pilihan sosial, tetapi kepentingan untuk menjangka akibat yang tidak diinginkan yang telah diramalkan. Walaupun ia seakan tidak bermakna, namun ia merupakan salah satu prinsip untuk memahami pembaharuan rasionalis. Kadang-kadang akibat yang berlaku bukan sahaja tidak

dimaksudkan, tetapi juga tidak dijangka. Contoh-contoh sedemikian adalah penting bukan sahaja untuk menggariskan fakta bahawa jangkaan manusia tidak dapat difahami, tetapi juga menyediakan input untuk pembelajaran penggubalan dasar masa depan.

Indeks aspirasi ketiga ialah julat norma dan nilai serta sikap yang diukur berdasarkan menghormati kepelbagaian norma dan nilai serta sikap sebagai satu hak kebebasan individu bagi aspek menyuarakan kehendak mereka. Nilai dan norma ini diukur bahawa kita harus memahami bahawa terdapat variasi dan kebolehubahan. Ia bermaksud bahawa, dalam membuat ramalan tingkah laku adalah penting untuk mengelakkan kesilapan mengandaikan bahawa manusia adalah sangat baik dan sangat ingin menjadi adil. Dalam pada itu, kita akan memahami tentang aspek variasi dan kebolehubahan di dalam memahami norma manusia kerana apabila kita memahami nilai dan norma, ia juga penting didalam penggubalan polisi. Penggubalan polisi yang berlandaskan pemahaman kepada nilai dan norma dapat membuat pertimbangan dalam aspek kepelbagaian pandangan. Kepelbagaian pandangan ini penting kerana ia merupakan salah satu elemen-elemen kebebasan individu di dalam menyuarakan kehendak mereka.

2.5.1 Pembangunan adalah kebebasan pelengkap pembangunan ikut-serta

Berikut merupakan hujah yang digunakan untuk memahami perkaitan atau hubungkait antara pembangunan adalah kebebasan yang menjadi pelengkap kepada pembangunan ikut-serta. Menurut Sachs (1998), selepas perang dunia kedua berakhir, Amerika Syarikat telah memperkenalkan mesin-mesin yang produktif dan ia merupakan sesuatu yang tidak pernah dijangkakan di dalam sejarah manusia. Pada 20 Januari 1949 apabila President Truman mengambil alih tugas telah menjadi titik bermulanya era yang dipanggil sebagai pembangunan. Truman sebenarnya mengambil perkataan pembangunan daripada perkataan tidak membangun (*underdevelopment*). Daripada perkataan *underdevelopment*, beliau menjadikan kata lawan “tidak membangun”

sebagai aspirasi membawa Amerika Syarikat ke arah negara yang membangun. Maka, bermulalah program baru yang menggunakan kepakaran saintifik dan kemajuan industri untuk meningkatkan dan membangunkan kawasan-kawasan yang dikatakan tidak membangun. Dalam tempoh ini, evolusi dan pembangunan mula digunakan sebagai istilah yang boleh ditukar oleh saintis yang bermaksud pembangunan diertikan sebagai satu proses tranformasi.

Sachs (1998) mengatakan bahawa pembangunan merupakan idea yang dibawa oleh modenisasi. Perkara ini membawa maksud bahawa modenisasi merupakan syarat awal pembangunan. Kewujudan sikap moden adalah syarat awal pembangunan. Siri perubahan yang saling berkaitan dalam cara hidup manusia dan keadaan yang kompleks secara umumnya dikenali sebagai modenisasi (Myron, 1975). Satu pelopor awal teori modenisasi adalah Rostow (1960) mengatakan bahawa sesebuah negara membangun akan melalui beberapa tahap. Antaranya ialah tahap masyarakat tradisional, pra-syarat peralihan, tahap pra-matang dan tahap matang. Semua negara yang dianggap moden sekiranya mereka telah melalui semua tahap-tahap tersebut. Bagi masyarakat barat, mereka telah mengalami proses ini selama lima abad, sementara bagi negara yang tidak membangun pula adalah kurang daripada satu abad. Modenisasi disifatkan sebagai sebahagian daripada pengalaman sejagat dan ia memberi pengharapan kearah kesejahteraan manusia (Sachs, 1998).

Namun begitu, di dalam kebaikan yang dibawa oleh modenisasi, tetap ada perkara yang kurang. Antaranya ialah ia telah memusnahkan corak hidup tradisi yang telah selama beberapa abad melahirkan banyak nilai kemanusiaan (Sachs, 1998). Ia juga telah menyebabkan kejatuhan empayar-empayar dan negara menerusi satu siri peperangan pada peringkat tempatan dan peperangan dunia yang paling merosakkan dalam sejarah manusia. Modenisasi juga telah melemahkan pola kehidupan keluarga dan kehidupan desa yang juga membawa kepada letusan penduduk yang mengancam

kerana banyak negara berhadapan dengan isu tidak cukup sumber makanan. Ia juga telah mewujudkan masyarakat yang individualistik dan cenderung dikuasi oleh ukuran pemilihan umum dan proses-proses pentadbiran yang ditentukan oleh faktor keperluan urusan awam.

Todaro (1997) mendefinisikan pembangunan sebagai satu proses berbagai-bagai dimensi iaitu melibatkan perubahan terhadap struktur masyarakat, sikap dan institusi yang juga melibatkan pertumbuhan ekonomi, pengurangan kadar ketidakadilan dan penghapusan kemiskinan. Pendekatan ini memerlukan perubahan yang berlaku pada seluruh sistem sosial agar bersesuaian dengan keperluan asasi dan keinginan individu dan kumpulan yang pelbagai dalam masyarakat. Beliau juga berpendapat bahawa pembangunan harus mengizinkan mereka bergerak meninggalkan suasana dan keadaan kehidupan yang tidak selesa kepada corak dan suasana kehidupan yang dianggap lebih baik dari segi material dan rohaniah. Todaro (1997) menjelaskan tentang perubahan yang dibawa oleh pembangunan dan syarat-syarat dan kesan-kesan yang akan berlaku kepada sesebuah masyarakat atau individu dalam pembangunan. Sama ada kesan positif atau kesan negatif. Pembangunan menurut idea ialah pembangunan menurut keinginan individu. Beliau berpendapat bahawa pembangunan itu menjadikan kehidupan lebih baik dari segi material dan rohani.

Namun begitu, ukuran yang berlandaskan material dan rohani semata-mata tidak cukup untuk memperlengkapkan pembangunan yang seimbang kerana ia lebih berpaksi kepada pembangunan ekonomi dan teknologi. *The United Nations Development Program* (1990) memahami bahawa pembangunan bukan sekadar diukur berdasarkan ukuran ekonomi dan teknologi semata-mata, namun pembangunan manusia juga perlu diberi penekanan. Oleh itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengategorikan pembangunan manusia kepada dua bahagian. Pertama ialah pembentukan manusia melalui pembaikan kesihatan, pendidikan dan latihan. Kedua ialah setiap individu

mempunyai kemampuan yang produktif, keselesaan dalam beriadah atau melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sosial, politik dan kebudayaan. Sebagai organisasi yang memperjuangkan pembangunan mampan, *The United Nations Development Program* telah memperkenalkan *Sustainable Development Goals* yang bertujuan untuk pemeliharaan dan penjagaan merangkumi aspek yang menyeluruh seperti perhubungan antara manusia dengan planet, sasaran kepada tanah serta lautan dan seisinya. *The United Nations Development Program* (UNDP, 2017) telah mengariskan beberapa aspek yang perlu diambil perhatian untuk memastikan objektif pembangunan mampan dilaksanakan. Antaranya ialah, sifar kemiskinan, sifar kebuburan, taraf kesihatan yang bagus, mendapatkan kualiti pendidikan yang bagus, keseimbangan gender, bekalan air bersih, mendapatkan sumber elektrik yang berpatutan, mendapatkan peluang pekerjaan yang baik dan ekonomi yang bertumbuh, mendapatkan proses perindustrian, inovasi dan infrastruktur, mengurangkan ketidaksamaan, menyeimbangkan bandar dan komuniti, bertanggungjawab keatas kepenggunaan dan pengeluaran, tindakan ke atas perubahan iklim, bertanggungjawab ke atas kehidupan marin dan kehidupan di udara, institusi yang aman, adil dan kuat dan berkongsi matlamat yang sama.

Bagi mengukuhkan lagi pendirian dalam pembangunan yang mampan, *The United Nations Development Program* (UNDP, 2017) telah menubuhkan salah satu deklarasi khas yang bertujuan membela hak orang asal dalam konteks pembangunan dikenali sebagai UNDRIP iaitu Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Masyarakat Asal. Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Masyarakat Asal (UNDRIP) menegaskan bahawa orang asal memiliki hak untuk mengamalkan kehidupan mereka tanpa campur tangan dari masyarakat luar. Sekiranya terdapat idea atau penglibatan masyarakat luar, aspek penting yang menjadi hukum utama yang harus dipraktikkan ialah menghormati hak masyarakat asal. Dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Masyarakat Asal (UNDRIP) telah

menyenaikan beberapa hak-hak masyarakat asal yang perlu dihormati yang merangkumi pelbagai aspek. Antaranya ialah pengistiharaan masyarakat asal adalah sama taraf dengan masyarakat lain di muka bumi ini, menghormati budaya masyarakat asal dan segala variasi kepercayaan mereka yang turut menyumbang kepada warisan manusia sedunia, masyarakat asal juga berhak menentukan budaya mereka, tradisi kerohanian, sejarah dan falsafah mereka terutama ke atas tanah, wilayah dan sumber asli. Selain itu, melalui deklarasi ini telah menekankan bahawa masyarakat asal layak untuk mendapatkan perlindungan persatuan-persatuan besar di dunia iaitu dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam melindungi hak-hak Masyarakat Asal sesebuah negara.

Syarat pembangunan yang telah diklarasikan oleh *The United Nations Development Program* (UNDP) dalam Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Masyarakat Asal (UNDRIP) ialah hasil dari idea pembangunan yang telah dinyatakan oleh Sen (1999) yang menyatakan pembangunan adalah kebebasan. Aspek kebebasan yang dikemukakan oleh Sen (1999) merujuk kepada kebebasan sesebuah kelompok masyarakat yang mendukung amalan atau kebudayaan hidup yang sama ada hak untuk menentukan pembangunan menurut kehendak mereka sendiri. Beliau mengemukakan dua pemboleh ubah didalam mendefinisikan pembangunan sebagai kebebasan iaitu *primary end* atau hukum utama dan *principal end* atau prinsipal intrumental kebebasan dalam pembangunan. Hukum utama kebebasan dalam pembangunan menurut beliau adalah apabila masyarakat itu bebas untuk memilih apa yang mereka perlukan di dalam hidup mereka tanpa rasa tertekan atau dipengaruhi oleh aspek luaran. Melalui hukum utama ini menjadi syarat utama kepada tuntutan aspek-aspek lain iaitu prinsipal instrumen yang terdiri daripada kebebasan dari aspek politik, peluang ekonomi, jaminan sosial, jaminan hak yang jelas dan hak untuk mendapat perlindungan hidup (*protective security*). Teori ini merupakan teori yang sangat sesuai

untuk menganalisis data kajian dan mengujah aspek penting di dalam memahami aspirasi pembangunan menurut konteks masyarakat Iban rumah panjang yang tinggal di pedalaman.

Teori pembangunan sebagai kebebasan juga mendukung teori pembangunan ikut serta (*participatory development*). Apabila pada tahun 1980, idea Chamber mengenai pembangunan luar bandar dan advokasi dalam *Participatory Rural Appraisal* (ORA) mula diangkat menjadi satu model oleh organisasi pembangunan yang menyedari kepentingan teori ini dalam pembangunan yang seimbang (Kothari, 2002). Menurut Chamber (2007), *participation* terdiri daripada tiga kegunaan dan makna yang menjadikan apa yang dicadangkan bermanfaat kepada semua pihak. Pertama ialah teori ini lahir disebabkan oleh rasa tidak puas hati kepada teori pembangunan yang sering menjadi julungan iaitu bersifat vertical: *top-down* yang cenderung menyamakan pembangunan yang berkonsepkan barat atau modernisasi yang meniru sepenuhnya perencanaan negara maju yang telah mengakibatkan masyarakat tempatan terabai dan mereka hanya menjadi watak sampingan dalam pembangunan (Chamber, 2007). Kedua ialah menerangkan kebebasan memilih dalam mengerakkan tenaga kerja tempatan dan mengurangkan kos (Chamber, 2007). Perkara ini bermaksud, komuniti yang akan menerima pembangunan selayaknya berhak dalam memberi sumbangan dari segi masa dan usaha mereka membantu projek sendiri dengan bantuan organisasi luar. Ketiga ialah digunakan untuk menggambarkan proses yang membolehkan orang tempatan melakukan analisis mereka sendiri, memberi arahan, dan memberi keyakinan kepada mereka untuk membuat keputusan sendiri (Chamber, 2007). Secara teori, ia bermaksud bahawa “kita” mengambil bahagian dalam “projek mereka” bukan “mereka” dalam “kita”. Populariti yang terbaru telah mengenalpasti sebahagian daripada perubahan retorik, pemikiran dan amalan pembangunan. Perkara ini adalah peralihan yang diselaraskan, paradigm *top-down* dan *bottom-up* orang ramai yang menggambarkan tentang pemindahan kuasa dari

bahagian atas iaitu orang, institusi dan disiplin yang dominan untuk merendahkan: orang, institusi dan disiplin yang telah menjadi bawahan. Penegasan terbaru mengenai *participation* boleh difahami dari segi peralihan yang lebih mendalam dan lebih luas dalam pemikiran pembangunan. Pada tahun 1994, Bank Dunia menyaksikan penyertaan sebagai proses melalui pihak berkepentingan dalam mempengaruhi dan membuat kawalan ke atas inisiatif pembangunan, keputusan dan sumber yang membawa kesan kepada kehidupan mereka (Chamber, 2007). Pengiktirafan dan sokongan ini adalah untuk penglibatan yang lebih luas terhadap pandangan, pengetahuan dan kemahiran masyarakat setempat yang membentangkan alternatif kepada pembangunan yang didorong oleh sokongan orang luar dan secara pantas dan diterima secara meluas oleh individu dan organisasi. Oleh itu, pendekatan pembangunan ikut-serta wajar dari segi kelestarian, kaitan “*relevant*” dan memperkasakan “*empowerment*”.

2.6 Konsep-konsep kajian

Bagi memahami dengan lebih jelas tentang kajian, berikut merupakan antara konsep-konsep penting yang digunakan untuk keperluan kajian.

2.6.1 Konsep Kemiskinan dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

Sadono (1993) mentakrifkan kemiskinan sebagai satu paras kesejahteraan di bawah keperluan minimum isi rumah yang terdiri daripada beberapa aspek seperti makanan, pakaian, perumahan, kesihatan dan keperluan asas yang lain. Taraf kemiskinan diukur hasil daripada perbandingan paras mutlak isi rumah dengan pendapatan diperlukan bagi perbelanjaan minimum atau dikenali sebagai pendapatan garis kemiskinan.

Menurut Sadono (1993), terdapat dua konsep kemiskinan iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak ialah kemiskinan berasaskan pendapatan yang cukup-cukup untuk hidup atau melihat kepada kadar pendapatan yang digunakan bagi memenuhi keperluan keluarga. Manakala, kemiskinan relatif dianggap

sebagai keadaan menerangkan kedudukan relatif satu-satu kumpulan atau kelompok yang lain yang dibandingkan dari segi pendapatan. Perbandingan ini nanti akan memperlihatkan perbezaan yang ketara dalam tahap kehidupan antara golongan tinggi dengan golongan rendah.

Terdapat banyak indikator yang digunakan untuk mengukur tahap kemiskinan di dalam sesebuah negara. Salah satu daripadanya ialah menggunakan ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum makanan di dalam memastikan keperluan zat makanan yang baik mencukupi. Selain itu, ukuran pendapatan yang mampu untuk membeli keperluan asas yang lain seperti pakaian, sewa rumah, bahan api, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi (MAMPU, 2010).

Indeks kedua yang digunakan untuk mengukur kemiskinan ialah Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI: *Multidimensional Poverty Index*) yang diperkenalkan oleh Alkire & Foster (2009). Menurut Alkire & Foster (2009), untuk menganggarkan kemiskinan pelbagai dimensi dan mengenalpasti isi rumah yang miskin, terdapat beberapa kaedah yang telah dicadangkan. Antaranya ialah dengan melihat kepada konsep kemiskinan dan kekurangan iaitu dimensi itu dilihat bebas dan tidak berkaitan antara satu dengan lain. Kedua ialah kebebasan untuk menentukan sama ada memberi pemberat yang sama atau berbeza kepada setiap dimensi yang dipilih. Ketiga ialah ia bersifat teguh dan mantap dalam mengenalpasti yang termiskin dalam kalangan yang miskin dan keempat, indeks pelbagai dimensi ini bermanfaat kepada pembuat dasar kerana ia menunjukkan dimensi yang menyebabkan kemiskinan di dalam sesuatu kawasan atau kumpulan tertentu yang dikaji secara terperinci. Pengukuran multidimensi ini merangkumi semua aspek dan bukannya berdasarkan aspek pendapatan semata-mata (Alkire & Foster, 2009).

Siti Hadijah, Roslan & Siti Norliza (2012) telah menggunakan Indeks MPI ini untuk mengukur tahap kemiskinan di daerah Baling, Kedah. Kajian mereka mendapati bahawa pengukuran kemiskinan negara atau sesuatu tempat menjadi lebih komprehensif iaitu memberi gambaran yang lebih tepat dengan menggunakan indeks ini. Penggunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) merupakan salah satu indeks yang sangat tepat digunakan untuk mengukur tahap kemiskinan di Malaysia jika dibandingkan dengan hanya menggunakan Pendekatan garis kemiskinan (PGK) sepertimana yang biasa digunakan di negara Malaysia (Siti Hadijah, Roslan & Siti Norliza, 2012). Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) ini mengambilkira beberapa aspek dimensi untuk mengukur tahap kemiskinan. Antaranya ialah aspek pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) ini akan digunakan bagi mendapatkan maklumat secara demografi mengenai status pembangunan di kawasan kajian.

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

Indeks kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) ini bertujuan mengukur aspek akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti dan membolehkan analisis berasaskan intensiti dan seterusnya mengenalpasti keperluan isi rumah berpendapatan rendah dengan lebih jelas. Baru-baru ini, Indeks kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) ini juga telah digunakan oleh pihak pentadbiran Malaysia untuk mengukur taraf kemiskinan di Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Dimensi	Indikator	Batas Ketersisihan
Pendidikan	bilangan tahun persekolahan	semua ahli isi rumah berumur 17 tahun – 60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan.
	kehadiran ke sekolah	kanak-kanak antara 6 tahun – 16 tahun yang tidak besekolah.
Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tidak ada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan.
	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/paip sendiri.
Taraf Hidup	Keadaan tempat	Usang atau mulai buruk.

	tinggal	
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam.
	Akses kepada alat komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit.
Pendapatan	Pendapatn bulanan purata isi rumah	Kurang daripada Peratus Garis Kemiskinan (PGK).

2.6.2 Konsep, pembahagian dan isu tanah adat

Keharmonian dan kesejahteraan bagi masyarakat Iban adalah tercermin dalam pengertian mereka terhadap tanah khususnya dalam konteks *menoa*. Menurut Freeman (1992), masyarakat Iban mengangkat status tanah tersebut sebagai salah satu simbol kekayaan. Pemilikan tanah pula bergantung kepada kekekalan dan kesungguhan dalam *bilek-family*. Sepertimana yang dikatakan oleh Sandin (1980) masyarakat Iban menghargai tanah sebagai “darah dan daging”. Walaupun pada dasarnya tanah ini berkaitan dengan keperluan isi rumah, tanah juga merupakan kawasan komuniti yang merupakan salah satu nilai asas masyarakat Iban.

Menurut Cramb (2007), penggunaan tanah adalah untuk aktiviti pertanian dan ia merupakan norma bagi masyarakat *egalitarian*. Sultive (1978) menerangkan bahawa masyarakat Iban adalah antara masyarakat mandiri yang berkecukupan menghadapi tuntutan alam dan budaya yang merangkumi pelbagai keperluan termasuk memburu, memancing, pembangunan, ritual, kemahiran mempertahankan diri yang amat berkaitan dengan penanaman padi. Menurut Uchibori (1984) kegiatan ini merupakan sifat penting bagi struktur sosial masyarakat Iban, yang mana semua mereka tanpa mengira kedudukan sosial dijangka akan bekerja keras di huma bagi memenuhi keperluan *bilek-family* mereka sendiri.


Jensen (1974) menyatakan bahawa bagi masyarakat Iban, padi bukan sekadar tanaman semata-mata. Penanaman padi adalah cara hidup mereka dan merupakan salah satu identiti masyarakat Iban. Oleh itu, ada perpatih adat Iban mengatakan bahawa

“*adat kami bumai*’ (adat kami adalah berhuma). Menurut Uchibori (1984) penanaman padi merupakan inti dari seluruh sistem keagamaan masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa padi ada semangat sendiri yang perlu dijaga dengan upacara-upacara penanaman yang tertentu. Selain itu, memandangkan tumpuan budaya masyarakat Iban adalah terhadap hasil padi, maka kejayaan mereka juga turut diukur dari segi hasil padi yang mereka perolehi. Bagi kaum lelaki yang berjaya dalam pertanian, mereka akan dicari untuk memberi ucapan berkat semasa perayaan. Dalam budaya Iban tradisional, walaupun seseorang lelaki Iban mungkin mahir sebagai *tuai burung*, dukun atau pahlawan, namun sekiranya ia tidak diberkati dengan hasil pertaniannya maka ia masih dipandang sama dalam kaca mata tangga sosial masyarakat Iban yang berkedudukan biasa (Sutlive, 1978).

Penggunaan tanah merupakan arena untuk pencapaian individu yang harus dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu wilayah (Cramb, 2007). Dalam pengertian masyarakat Iban, konsep wilayah adalah *menoa* yang juga merujuk kepada kuasa (Cramb, 2007). Oleh itu, ia digunakan dalam pengertian rohani kepada alam tuhan tertentu serta dalam erti geopolitik yang membawa bermaksud dominan pemimpin sesebuah rumah panjang (Cramb, 2007). Masyarakat Iban mempercayai bahawa kehidupan mereka dengan tuhan adalah berasingan bagi mempertahankan atau mengekalkan keharmonian (Sandin, 1980). Bumi ini sendiri dipercayai dominan kepada salah satu tuhan utama masyarakat Iban iaitu *Pulang Gana* (Sandin, 1980). *Pulang Gana* merupakan tuhan pertanian yang juga merupakan pemilik terakhir dari semua tanah ladang dan ritual serta pembinaan rumah panjang baru (Sandin, 1980).

Sementara Richard (1981) mendapati bahawa *menoa* sebagai kawasan yang dipegang dan digunakan oleh rumah panjang termasuk ladang dan kawasan pertanian, kawasan tanah yang ditinggalkan atau dikenali sebagai *pulau galau* yang terdapatnya kayu dan buah-buahan yang merupakan khazanah yang sangat berharga bagi

masyarakat Iban. *Menoa* juga menurut masyarakat Iban adalah termasuk laman rumah lama dan pokok buah-buahan, tanah perkuburan, kawasan sungai dan hutan sekitarnya yang diukur keluasannya mengikut jarak perjalanan setengah hari (Lucy, 2009). Pada masa dahulu, konsep *menoa* adalah unit teritorial yang dipertahankan oleh mereka bagi mengiktiraf kuasa pemimpin tertentu (Freeman, 1992). Dalam erti kata lain, tanah merupakan simbol kepada pengukuhan harta warisan yang diamanahkan oleh nenek moyang mereka. Oleh sebab itu, masyarakat Iban sangat mempertahankan tanah mereka, penerokaan tanah adat secara haram merupakan salah satu permulaan kepada pencabulan hak mereka sebagai orang asal.



Gambar 2.1 : Peta tanah adat masyarakat asal Sarawak

Sumber: BRIMAS (1999). Tanah Adat Hak Milik Kami. Retrieved from <http://brimas.www1.50megs.com/>

Tanah *menoa* ini pula terdiri daripada beberapa aspek antaranya ialah hutan *kampung Galau* iaitu merupakan tempat untuk masyarakat Iban mendapatkan sumber-sumber penting untuk keperluan hidup mereka seperti binatang buruan, hasil-hasil hutan dan sebagainya. Kawasan kedua ialah perumahan, kawasan perumahan ialah kawasan

rumah panjang mereka. Ketiga ialah *temuda berimba* iaitu kawasan untuk tanaman padi atau tanaman sumber makanan yang lain. Bagi sistem sosial masyarakat Iban, setiap *bilek-family* dikhaskan kawasan *temuda* sendiri dan kawasan ini akan diwariskan dari generasi ke generasi yang lain tanpa mengira jantina. Keempat ialah *temawai* iaitu merupakan tapak rumah panjang yang lama. Kelima ialah *pengkalan* iaitu pelabuhan rumah panjang. Keenam ialah *engkeliling juway* iaitu tapak peringkatan suci. Ketujuh ialah tanah perkuburan. Kelapan ialah kawasan *tanah mali* iaitu tempat untuk upacara keagamaan. Kesembilan ialah kawasan menanam pokok buah-buahan dan buluh. Kesepuluh ialah *duway* iaitu kawasan dikhaskan untuk generasi masa depan atau dimajukan untuk penanaman. Kesepuluh bahagian ini membentuk *menoa* (SUARAM, n.d).

Kebanyakan tanah adat bagi masyarakat asal di Sarawak tidak mempunyai rekod secara bertulis bagi setiap sempadan tanah yang mereka miliki. Tetapi sempadan itu diingat secara lisan iaitu mengenai sesuatu tempat yang telah mereka tanda (BRIMAS, 1999 & Bulan, 2006). Pada tahun 1939 apabila Rajah Brooke memerintah di Sarawak, sempadan tanah adat secara rasmi telah dikeluarkan atau dikenali sebagai Surat Pekelilig Sekretariat No.12 yang bertujuan mengelakkan berlakunya pencerobohan dan persengketaan di antara komuniti mengenai persempananan antara *menoa* (BRIMAS, 1999 & Bulan, 2006). Selepas 1 Januari 1958, undang-undang Sarawak tanah Sarawak telah mengakui hak tanah adat Bumiputera, akan tetapi masih terdapat usaha dibuat untuk mengugat kesahihan hak tanah adat seperti kerajaan negeri wahal rekod-rekod mengenai setiap sempadan tanah adat ada tercatat di setiap Pejabat Daerah (BRIMAS, 1999).

Status asal kawasan tanah adat di Sarawak telah berubah apabila pengenalan kepada sistem Torrens dalam *The Sarawak Land Code 1958* (Bulan, 2006) dan secara tidak langsung kekuasaan tanah adat dari segi undang-undang juga telah berubah.

Antaranya ialah setiap pemilik tanah adat harus memiliki geran tanah secara rasmi iaitu mereka harus memiliki dokument yang sah. Bian (2000) mengatakan bahawa *The Sarawak Land Code 1958* tidak menyatakan dan mengukuhkan hak sepenuh hak pemilikan tanah adat kepada orang asal di Sarawak. Oleh itu, kod ini tidak dapat digunakan untuk menegakkan hak sekiranya berlaku penindasan ke atas tanah adat orang asal di Sarawak. Ditambahkan lagi dengan strategi kerajaan Sarawak untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan komersial tanah pertanian telah menghasilkan kawasan luas yang dibuka untuk ladang berskala besar, termasuk kelapa sawit. Di sesetengah tempat ini telah melibatkan kawasan tanah adat. Skim pembangunan terkini, yang dikenali sebagai Konsep Baru menggunakan konsep amanah *fiduciary* dalam pembentukan usaha sama antara pemilik tanah asal, kerajaan dan syarikat besar (Bulan, 2006). Namun begitu, pihak kerajaan sebagai rakan kongsi dalam pembangunan tanah adat ini tidak memberi jaminan bahawa tanah adat tersebut akan kembali kepada pemilik pada akhir usaha (Bulan, 2006) yang juga telah membuka pencabulan kepada hak tanah adat orang asal di Sarawak.

Berikutan dengan itu, telah bermula kes-kes memperjuangkan tanah adat oleh masyarakat Dayak di Sarawak iaitu sejak tahun 1987 (SUARAM, n.d). Menurut Chin (2004), sehingga kini isu berkaitan dengan Tanah Adat (NCR) di negeri Sarawak belum menemui kata putus khususnya bagi masyarakat Iban dalam pengiktirafan kepada status *Pulau Galau* dan *Pemakai Menoa*. Malah, sejak tahun 1987, lebih daripada 400 masyarakat asal dari pelbagai kaum telah ditangkap atas kesalahan menyekat jalan pembalakan dengan rintangan yang merupakan benda-benda seperti kayu dan tong di kawasan pendalaman (SUARAM, nd). *Borneo Resources Institute* (BRIMAS) sebagai salah satu badan bukan kerajaan (NGO) telah bersama dengan rakyat dalam memperjuangkan hak tanah adat. Salah satu kes yang telah dibangkitkan oleh badan ini mengenai isu tanah adat ialah pada tahun 2010 tentang bantahan 20,000 penduduk yang

tinggal di Sungai Baram terhadap Empangan Hidroelektrik Baram. Bantahan itu berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya pembinaan empangan telah menurunkan paras air sungai yang menjadi sumber utama penduduk kampung. Selain itu, ramai penduduk Baram yang tidak mengetahui secara mendalam mengenai proses pembangunan empangan. Satu lagi kes di Baram pada tahun yang sama iaitu penduduk kampung mendesak ke atas lesen pajak sementara peladangan sawit di kawasan tadahan Empangan Hidroelektrik Murum apabila penebangan hutan secara berleluasa menjejaskan kehidupan sebanyak 10000 penduduk Penan. Penceroohan tanah adat turut berlaku kepada masyarakat Iban di Sarawak (Sarawak Dayak Association, 2011). Kunjungan badan NGO iaitu Sarawak Dayak Association atau SADIA ke Rumah Jugah di Sut, Baleh, Kapit mendapati telah berlaku penceroohan tanah adat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Aktiviti pembalakan yang berlaku secara berleluasa telah mengambil hak masyarakat Iban sebagai pemilik asal kepada tanah adat yang diteroka tanpa kebenaran mereka. Masyarakat Iban diruntum dilema apabila tanah mereka “dimiliki” oleh syarikat pembalakan yang telah diberi “lesen” oleh pihak yang berkepentingan (SADIA, 2011).

2.7 Kesimpulan

Secara kesimpulan, kajian ini menggunakan teori yang dikemukakan oleh Sen (1999) iaitu pembangunan adalah kebebasan yang mengatakan bahawa kebebasan sebagai hukum utama dan prinsipal instrument yang merangkumi aspek politik, peluang ekonomi, jaminan sosial, jaminan hak yang jelas dan hak untuk mendapatkan perlindungan hidup. Aspek-aspek kebebasan ini diukur berdasarkan tiga indeks aspirasi iaitu manusia mempunyai pelbagai pilihan, manusia ada keupayaan untuk mendapatkan apa yang diinginkan dan indeks ketiga ialah manusia mempunyai norma dan nilai dalam mereka menyuarakan atau menterjemahkan kehendak mereka. Dalam konteks masyarakat Iban, teori ini sangat berkaitan atau penting sebagai syarat awal supaya ia

boleh menjadi panduan kepada masyarakat atau organisasi luar memahami aspek pembangunan menurut konteks masyarakat Iban itu sendiri. Walau bagaimanapun, teori ini tidak lengkap kerana hanya memfokus kepada peluang politik, ekonomi, jaminan sosial dan jaminan hak. Justeru, teori ini akan diperkukuhkan lagi dengan teori pembangunan ikut-serta dalam memahami tentang kesan penglibatan masyarakat Iban boleh membantu pihak kerajaan untuk membangunkan masyarakat Iban mengikut acuan aspirasi masyarakat Iban ini sendiri dan tidak mengetepikan perancangan pihak kerajaan.

Teori pembangunan adalah kebebasan merangkumi kebebasan bersuara oleh setiap individu dan masyarakat berdasarkan aspirasi mereka sendiri yang boleh membawa kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Khususnya kebebasan dalam menentukan kehidupan untuk keluar dari kepompong kemiskinan berdasarkan tuntutan kemudahan daripada pihak kerajaan. Kebebasan dalam memperjuangkan hak mereka yang merupakan salah satu identiti dan jati diri mereka sebagai orang asal di Sarawak. Salah satu daripadanya ialah hak mereka ka atas tanah. Pada akhirnya, kajian akan berupaya untuk mendapatkan satu gambaran jelas tentang aspirasi pembangunan bagi masyarakat Iban di kawasan kajian yang tinggal di jauh di pedalaman yang agak terpisah dari dunia luar.

Objektif pembangunan menurut Sen (1999) iaitu setiap suara individu dan kelompok masyarakat sewajarnya dihormati. Idea pembangunan yang diketengahkan oleh Sen (1999) mempunyai persamaan dengan definisi pembangunan yang diperkenalkan oleh Jim & Frank (1985). Mereka bertegas dalam pendirian mengenai pembangunan bukan hanya merujuk kepada tahap pencapaian ekonomi atau tingginya pendapatan negara semata-mata, tetapi turut merangkumi kebebasan masyarakat memilih keperluan mereka. Pembangunan seharusnya dirangka berdasarkan kepada piawai yang ditentukan oleh masyarakat itu sendiri dalam menentukan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik. Malah ukuran pembangunan juga dapat diukur

berdasarkan kesatuan dalam sesebuah komuniti. Scott (1976) dalam kajiannya tentang masyarakat agraria di Burma dan Vietnam menegaskan pembangunan yang sebenar bagi sesebuah masyarakat dan komuniti tersebut ialah bilamana mereka mampu mengekalkan kesejahteraan yang ditulangi oleh kesepaduan hidup bermasyarakat. Bukannya diukur daripada kekayaan material. Pendapat ini membuktikan sepertimana yang dikatakan oleh Marx (1964) bahawa kehidupan yang mementingkan material adalah salah satu corak pembangunan kapitalis, pembangunan yang lebih mementingkan kepada kejayaan individualistik bukannya kepada kesatuan masyarakat.

Universiti Malaysia

BAB 3: LATAR BELAKANG, STATUS FIZIKAL DAN SOSIOEKONOMI

3.1 Pengenalan

Lokasi kajian terletak di kawasan pedalaman Daerah Song. Untuk sampai ke kawasan kajian, penerbangan diambil dari Kuala Lumpur dan mendarat di airport Sibul yang mengambil masa selama 1 jam 45 minit. Dari Sibul, perjalanan diteruskan lagi dengan menaiki bot express untuk sampai ke pekan Song yang mengambil masa selama 2 jam. Dari pekan Song, perjalanan diteruskan dengan menaiki perahu panjang yang menggunakan kuasa enjin sangkut yang mengambil masa selama 4 jam. Tempoh perjalanan untuk sampai ke rumah panjang sangat dipengaruhi oleh kelajuan enjin sangkut dan keadaan sungai kerana terdapat jeram yang perlu dilalui untuk sampai ke lokasi kajian.

3.2 Demografi kawasan kajian


Sebelum pergi dengan lebih spesifik tentang penjelasan mengenai kawasan kajian, penerangan serba sedikit tentang Daerah Song turut dinyatakan.

3.2.1 Latar belakang daerah Song



Gambar 3.1: Peta Daerah Song
Sumber: Pejabat Penerangan Daerah Song

Daerah Song merupakan satu kawasan terpencil di Sarawak. Daerah ini terasing dari bandar dan salah satu pengangkutan utama untuk sampai ke daerah ini adalah melalui sungai iaitu menggunakan bot express dari bandar Sibu. Sehingga sekarang, belum ada jalan raya berturap yang menghubungkan pekan ini dengan kawasan lain seperti Sibu dan Kapit. Namun begitu, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), projek pembinaan jalan raya yang menghubungkan Song dengan bandar Kapit dan Sibu telah dilaksanakan. Projek pembinaan sepanjang 109.13 km itu telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2015 (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2017).



Gambar 3.2: Daerah Song dahulu dan kini


Sumber: Pejabat Pertanian, Daerah Song

Dari segi kemudahan infrastruktur, Daerah Song telah dilengkapi dengan beberapa kemudahan infrastruktur asas. Antaranya ialah sekolah yang terdiri daripada 17 buah sekolah rendah dan 2 sekolah Menengah. Selain daripada itu, terdapat juga klinik iaitu 3 Klinik bergerak, 1 klinik pergigian Awam, 2 klinik pergigian sekolah dan 1 Pasukan pergigian bergerak. Satu lagi kemudahan yang baru siap dirasmikan pada tahun 2014 ialah balai bomba (Portal Rasmi Pejabat Daerah Song, 2016). Dari segi kegiatan ekonomi, terdapat beberapa kegiatan ekonomi utama yang dikenalpasti di daerah ini. Antaranya ialah pembalakan (70 %), pertanian (22%) dan lain-lain (8%).

Dari segi status kemiskinan dan menurut perangkaan yang telah dibuat pada tahun 2015, seramai 7% daripada 1539 keluarga yang terdapat di daerah ini masih berada di bawah garis kemiskinan iaitu pendapatan keluarga yang kurang daripada RM 820 sebulan (Sumber: Jabatan Penerangan, Daerah Song).

Dalam perangkaan *Year Book of statistic Sarawak 2010* kepadatan penduduk di Daerah Song ialah seramai 20,595 orang yang mana 18,240 orang terdiri daripada orang Iban, 735 orang Melayu, 70 orang Bidayuh, 162 orang Melanau, 930 orang Cina, 28 orang India, 72 adalah lain-lain dan 127 orang adalah bukan warganegara Malaysia. Selain itu, menurut perangkaan yang telah dibuat oleh pejabat daerah Song, berikut merupakan statistik kemiskinan bagi tahun 2016 yang terdapat di daerah ini secara keseluruhan iaitu seramai 1.8 % peratus mudah miskin iaitu 596 isi rumah, 2.6 % miskin iaitu seramai 596 isi rumah dan 2.3 % miskin tegar iaitu seramai 530 isi rumah.

3.2.2 Latar belakang Sungai Katibas



Gambar 3.3: Peta sungai ke kawasan kajian
 Sumber: Pejabat Penerangan, Daerah Song


Sungai Katibas merupakan antara salah satu cabang sungai sungai utama daerah Song. Sepanjang sungai Katibas hingga ke hulu sungai Katibas, terdapat cabang anak-anak sungai yang terdiri daripada Nanga Musah dan Nanga Bangkit. Sepanjang Sungai Katibas juga terdiri daripada 35 buah rumah panjang. Daripada 35 buah rumah panjang ini, hanya 3 buah rumah panjang sahaja mendapat akses kepada jalan balak iaitu haluan jalan tanah merah, selebihnya masih menggunakan jalan sungai. Jadi secara keseluruhan, terdapat 54 buah rumah panjang yang ada di sepanjang sungai Katibas ini yang mana 51 buah panjang ada penghuni dan 3 buah rumah panjang tidak berpenghuni. Sementara, kedudukan kawasan kajian adalah terletak di Sungai Katibas dan berkedudukan di satu kawasan yang dikenali sebagai Nanga Engkuah.

3.2.3 Latar belakang kawasan kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada tiga buah rumah panjang iaitu Rumah Assan Nanga Engkuah, Rumah Entaba Nanga Sesibau dan Rumah Albert Lajong Nanga Setuchok. Tiga rumah panjang ini terletak berdekatan antara satu dengan lain. Rumah panjang ini dihubungkan dengan jambatan gantung yang dibina sejak awal tahun 1990. Masyarakat Iban di rumah panjang kawasan kajian khususnya dan secara amnya masyarakat di Daerah Song mengenali kawasan kajian ini sebagai Nanga Engkuah. Nama itu diambil sempena dengan nama anak sungai yang berdekatan dengan penempatan ketiga rumah panjang ini (*Ini B*, 60 tahun). Sekiranya pengunjung atau masyarakat luar ingin pergi ke kawasan ini, bahasa mudah yang boleh dinyatakan kepada penduduk daerah ini atau kepada pengemudi ialah dengan menyebut “*Mahu pergi ke Nanga Engkuah*”, maka mereka akan memahami tujuan perjalanan.

Pengangkutan utama untuk sampai ke kawasan ini adalah melalui sungai dengan menaiki perahu yang menggunakan enjin sangkut. Cabaran dari segi pengangkutan merupakan antara cabaran untuk sampai ke kawasan ini kerana tidak ada pengangkutan khas yang disediakan. Oleh itu, beberapa alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk

sampai ke kawasan kajian. Salah satu daripadanya ialah, perlu membuat temujanji awal dengan penduduk rumah panjang iaitu melalui konsep *shutter* sampan dan pengemudi dan kos pengangkutan ditanggung sepenuhnya oleh kita sendiri. Kos pengangkutan yang diperlukan ialah sebanyak RM400 untuk perjalanan pergi dan balik. Alternatif kedua ialah, mencari sesiapa sahaja penduduk yang balik atau mudik ke kawasan kajian dan mahu tumpangkan dengan tambang RM25 seorang. Alternatif kedua ini bergantung kepada belas ehsan individu tersebut untuk memberi tumpangan kerana kadangkala masyarakat tempatan terpaksa menolak permohonan kita atas sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah bagi mengelakkan lebih muatan sampan. Mereka tidak mahu mengambil risiko sebab kawasan sungai yang agak berbahaya sekiranya perahu melebihi muatan.



Gambar 3.4: Panorama sepanjang perjalanan
Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 1 Julai 2016



Gambar 3.5: Jeram yang akan dilalui untuk sampai ke kawasan kajian

Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada: 1 Julai 2016

Berikut merupakan antara tiga rumah panjang yang merupakan kawasan kajian.



Gambar 3.6: Rumah Lajong Nanga Setuchok

Sumber: Gambar Pengkaji diambil pada 23/7/2016



Gambar 3.7: Penempatan sementara Rumah Assan Nanga Engkuah
Sumber: Gambar Pengkaji diambil pada 23/7/2016



Gambar 3.8: Rumah Entaba Nanga Sesibau
Sumber: Gambar Pengkaji diambil pada 23/7/2016

3.2.4 Taburan penduduk

Nama rumah panjang	Rumah Lajong, Nanga Setuchok	Rumah Entaba, Nanga Sesibau	Rumah Assan, Nanga Engkuah	Jumlah keseluruhan
Bilangan penduduk (Orang)	61	51	39	152
Bilangan <i>bilek-family</i>	30	21	23	74

Bilangan penduduk di kawasan kajian secara keseluruhannya ialah seramai 152 orang penduduk. Bilangan penduduk ini berdasarkan statistik yang diambil oleh pengkaji semasa kajian sedang dijalankan. Masing-masing 61 orang penduduk tinggal di Tuai Rumah Lajong Nanga Setuchok, 51 orang tinggal di rumah panjang Tuai Rumah Entaba Nanga Sesibau dan 39 orang penduduk sahaja yang tinggal di rumah panjang Tuai Rumah Assan Nanga Engkuah. Bilangan penduduk rumah panjang yang tinggal di rumah Assan Nanga Engkuah antara yang paling sedikit kerana selepas rumah panjang mereka terbakar pada tahun 2015, kebanyakan penduduk rumah panjang di sini berpindah ke bandar. Bagi penduduk yang masih tinggal pula, mereka membina rumah sementara sebelum rumah panjang baru mereka dibina.

Dalam setiap rumah panjang ini terdapat beberapa *bilek-family*. Antaranya ialah, di Tuai Rumah Lanjong Nanga Setuchok seramai 30 *bilek-family*. Di Tuai Rumah Nugu Nanga Sesibau seramai 21 *bilek-family* dan di Tuai Rumah Assan Nanga Engkuah pula seramai 23 *bilek-family*. Secara keseluruhannya, terdapat 74 bilangan *bilek-family* bagi ketiga-tiga rumah panjang tersebut. Menurut tuai rumah di petempatan ini, bilangan penduduk di rumah panjang pada masa sekarang semakin berkurang jika dibandingkan dengan bilangan penduduk sekitar tahun 1990 sehingga tahun 2000. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan penduduk rumah panjang sudah berhijrah ke bandar atas sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah tuntutan kerja atas kehendak mahu keluar dari kepompong kehidupan di rumah panjang yang agak mundur terutama dari aspek

kemudahan infrastruktur seperti kemudahan elektrik yang beroperasi selama dua puluh empat jam sehari dan kedudukan rumah panjang yang terpisah dari pekan serta bandar.

3.2.5 Peringkat Umur

Peringkat Umur (Tahun)	Bilangan (Orang)
6 hingga 17	51
19 hingga 18	3
20 hingga 59	60
60 tahun dan keatas	38
Jumlah keseluruhan	152

Taburan penduduk mengikut kategori umur bagi ketiga-tiga rumah panjang tersebut ialah, bagi lingkungan umur 6 tahun hingga 17 tahun ialah seramai 51 orang. Bagi lingkungan umur 19 tahun sehingga 18 tahun ialah seramai 3 orang. Lingkungan umur 20 hingga 59 tahun iaitu seramai 60 orang dan warga emas pula, yang berumur dalam lingkungan 60 tahun dan keatas ialah seramai 38 orang. Secara kesimpulan, majoriti penduduk yang tinggal di rumah panjang ialah dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 59 tahun iaitu seramai 60 orang dan diikuti dengan lingkungan umur 6 tahun hingga 17 tahun iaitu seramai 51 orang, seterusnya warga emas yang berumur 60 tahun keatas ialah seramai 38 orang. Sementara bagi golongan remaja yang dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 19 tahun sangat sedikit iaitu seramai 3 orang sahaja. Menurut penduduk rumah panjang, selepas tamat sekolah iaitu hingga tingkatan lima, kebanyakan golongan remaja memilih untuk berhijrah ke bandar bagi mendapatkan peluang pekerjaan kerana di rumah panjang tidak ada peluang pekerjaan. Terdapat juga yang melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi seperti universiti dan pusat kemahiran.

3.2.6 Suku kaum

Semua penduduk yang tinggal di rumah panjang bagi ketiga-tiga rumah panjang tersebut adalah berbangsa Iban sepenuhnya. Kebanyakan penduduk rumah panjang

adalah anak watan yang sememangnya lahir dan membesar di Nanga Engkuah. Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan mereka yang bukan penduduk asal. Perkara ini bermaksud bahawa nenek moyang mereka bukan berasal dari Nanga Engkuah. Tetapi mereka datang dan menetap di situ atas alasan yang tertentu. Antaranya ialah, diambil sebagai anak angkat oleh masyarakat Iban yang memang berasal dari situ. Contohnya ialah seorang nenek yang berusia 60 tahun dikenali sebagai *Indai Agi* yang mana beliau sebenarnya berasal dari Mukah. Selain itu, faktor penghijrahan masyarakat Iban pada zaman dahulu membawa mereka ke Nanga Engkuah. Mereka dibawa oleh ibu bapa mereka berhijrah ke Nanga Engkuah kerana pada masa itu, Nanga Engkuah kaya dengan sumber-sumber alam terutama bekalan makanan seperti bekalan ikan dan binatang buruan.

Perkara ini merujuk bahawa konsep *bejalai* dalam kalangan masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu. *Indai Agi* yang berusia dalam lingkungan lebih daripada 60 tahun menceritakan serba-sedikit mengenai adat *bejalai* dalam kalangan masyarakat Iban suatu ketika dahulu.

Adat bejalai kelua ucu laban bala ketuai ka ngiga endur ke mayuh jelu, mayuh ikan kena beridup. Nya meh kebuah, rumah panjai kitai Iban mayuh ke ulu sungai laban di ulu sungai ke mayuh jelu mayuh ikan. (Temubual 1 Jun 2016)

Tujuan utama kami *bejalai* pada suatu ketika dahulu kerana mencari tempat yang terdapat banyak sumber seperti binatang buruan dan ikan untuk kelangsungan hidup. Itu sebabnya petempatan masyarakat Iban kebanyakan terletak di hulu-hulu sungai. (Temubual 1 Jun 2016)

Antara tujuan mereka *bejalai* adalah mensasarkan kawasan yang terdapat sumber-sumber alam untuk memenuhi keperluan harian bagi meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu, peranan ketua kampung dianggap sangat penting dalam aspek ini. Ketua kampung atau tuai rumah akan *bejalai* dengan beberapa penduduk rumah panjang yang lain bagi mendapatkan satu tempat yang sesuai untuk dijadikan petempatan baru.

Lazimnya, petempatan yang mereka cari ialah terletak di kawasan-kawasan hulu yang belum pernah diteroka masyarakat lain. Sekiranya petempatan itu telah dimiliki oleh kaum lain, mereka akan berperang untuk merebut kawasan itu. Budaya ini telah mewujudkan satu budaya dalam masyarakat Iban iaitu budaya *ngayau* atau potong kepala dalam kalangan kaum-kaum di Sarawak atau lebih dikenali sebagai Pulau Borneo pada masa itu. Berikutan daripada ingin mendapatkan sumber alam yang cukup dan berkelimpahan bagi kelangsungan hidup mereka, masyarakat Iban memilih kawasan yang jauh ke hulu sungai yang dikelilingi oleh hutan-hutan tebal. Oleh sebab itu, kebanyakan penempatan masyarakat Iban adalah terletak di pedalaman yang sangat sukar dijangkau kerana kawasan yang bergunung-ganang dan terpaksa melalui kawasan sungai yang berbahaya untuk sampai ke rumah panjang atau petempatan mereka (*Indai A*, Temubual 1 Jun 2016)

3.2.7 Agama, kepercayaan dan pantang larang

Agama & Kepercayaan	Bilangan <i>bilek-family</i>
<i>Adat Miring</i> dan <i>berburong</i>	1
Agama Kristian	73
Bilangan keseluruhan	74

Dari segi agama, daripada 74 *bilek-family*, hanya 1 *bilek-family* yang masih mengamalkan pegangan agama asal iaitu *Adat Miring* atau *Adat Berburong*³. Sementara, 73 *bilek-family* telah menganuti agama Kristian. Dari segi aktiviti keagamaan mereka. Masing-masing aktiviti ibadat mereka akan dilakukan setiap hari ahad. Lazimnya, yang akan menjadi ketua kepada upacara ibadat mereka ialah tuai rumah. Majoriti mereka juga ialah beragama Kristian bermazab Katolik. Kristian

³ Masing (1997). *The Coming Of The Gods. An Iban Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Baleh Region, Sarawak.* Canberra : Department Of Anthropology, Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University.

Katolik merupakan salah satu agama yang pertama kali bertapak di rumah panjang itu selepas adat Iban tidak lagi menjadi satu amalan kepercayaan mereka (*Aki L*, Temubual Jun 2016).

Meskipun telah beragama Kristian, kehidupan mereka masih diorientasikan oleh adat lama. Antaranya ialah apabila masuk kepada amalan pantang-larang, mereka masih menghormati dan berpegang kepada pantang-larang tersebut. Sepanjang membuat kajian, terdapat satu peristiwa yang telah berlaku mengenai aspek pantang-larang ini. Pada suatu hari, *bilek* seorang nenek iaitu dikenali sebagai *Indai T* berusia 60 tahun dimasuki oleh ular selar. Bagi masyarakat Iban, memasukkan binatang liar ke rumah membawa petanda tertentu. Sama ada ia bermaksud baik atau tidak. Oleh itu, pada zaman dahulu, mereka akan menyelesaikan perkara ini dengan melakukan *adat miring* untuk mengelakkan perkara tidak baik daripada berlaku. Dalam kes ini, disebabkan pegangan keagamaan yang telah berubah iaitu beragama Kristian, maka perkara ini diselesaikan dengan upacara berdoa atau dipanggil mereka sebagai “*adat sembiang*”. Nenek tersebut telah memanggil ketua agama mereka datang berdoa berserta dengan penduduk rumah panjang yang lain. Perkara ini bermaksud, mereka menyelesaikan perkara ini menurut amalan dalam agama Kristian. Kes ini menunjukkan bahawa terdapat asimilasi budaya yang terjadi iaitu kepercayaan lama disesuaikan dengan agama Kristian yang dianuti oleh mereka sekarang.

Selain itu, meskipun tidak sepenuhnya ingat tentang amalan pantang-larang yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka, namun mereka masih mengamalkannya sebagai tanda menghormati amalan tersebut. Bagi generasi yang tinggal di rumah panjang yang berumur kurang daripada 45 tahun kebawah dan rata-rata mereka telah beragama Kristian, mereka cenderung untuk kurang mengetahui kesemua aspek pantang-larang yang diamalkan. Terdapat beberapa pantang-larang yang masih diamalkan oleh kebanyakan mereka. Antaranya ialah pantang-larang berburu di hutan

yang mana rezeki mereka amat bergantung kepada bunyi burung. Contohnya, kalau bunyi burung sebelah kanan itu membawa petanda baik bahawa mereka akan beroleh hasil buruan. Namun sekiranya bunyi burung pada sebelah kiri mereka, ia membawa maksud yang kurang baik, antaranya ialah mereka tidak mendapat hasil buruan atau kejadian yang tidak baik berlaku seperti kemungkinan mereka akan dihempap kayu semasa berburu atau kejadian lain yang tidak diingini berlaku. Selain daripada itu, mereka juga tidak boleh sebarang bercakap apabila berburu di hutan. Pendek kata, sumber rezeki mereka sangat bergantung kepada sikap mereka (*Apai G*, Temubual 1 Jun 2016). Pantang-larang ini masih kuat mereka amalkan kerana berburu merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang masih mereka lakukan sehingga sekarang.

Selain daripada pantang-larang berburu, satu lagi pantang-larang yang masih diamalkan oleh mereka sebagai semua masyarakat yang hidup berkomuniti. Pantang-larang tersebut digunakan apabila berlaku kematian di rumah panjang. Pantang-larang tersebut ialah setiap *bilek-family* harus dihuni oleh sekurang-kurangnya seorang penghuni sepanjang tempoh berkabung. Namun, bagi sesiapa yang tidak boleh balik atas sebab-sebab tertentu seperti mereka yang memang telah menetap lama di bandar, mereka akan diberi kelonggaran untuk tidak ada di rumah. Dengan satu syarat, mereka akan dikenakan denda. Denda tersebut berbentuk mata wang atau benda lain. Kalau zaman dahulu, denda yang akan dikenakan ialah sebiji tembikar kecil dan sebatang besi serta satu pinggan. Namun, bagi zaman sekarang, kebanyakan denda hanya berbentuk mata wang sahaja. Jumlah denda yang dikenakan ditentukan bersama oleh penduduk rumah panjang (*Indai G*, 50 tahun, Temubual pada Jun 2016).

3.2.8 Perayaan dan Adat Resam Perkahwinan

Dari segi perayaan, terdapat dua perayaan utama yang diraikan oleh masyarakat Iban di ketiga-tiga rumah panjang tersebut. Antaranya ialah perayaan Hari Gawai yang akan disambut 1 Jun setiap tahun dan hari Kristmas iaitu pada 25 Disember setiap

tahun. Sekiranya musim perayaan tiba, ketiga-tiga rumah panjang ini mengamalkan budaya kunjung-mengunjung dari rumah panjang ke rumah panjang. Amalan ini secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan diantara mereka.

Bagi aspek perkahwinan masyarakat Iban di kawasan kajian, terdapat konsep perkahwinan tradisional yang masih diamalkan oleh mereka. Antaranya ialah adat *ngugi* atau *nguai*. Adat ini bermaksud bahawa bagi setiap pasangan yang ingin berkahwin, mereka hendaklah memilih salah satu pihak sahaja menjadi kepunyaan mereka. Contohnya, sekiranya pasangan itu ingin memilih untuk tinggal dengan pihak lelaki, maka pasangan wanita itu akan melepaskan segala kepunyaannya atau haknya daripada pihak keluarganya. Ini bermaksud dia tidak ada hak untuk mendapatkan harta dari keluarganya kerana dia telah menjadi kepunyaan pihak suami. Namun begitu, hubungan kekeluargaan dia dengan keluarga tidak akan terputus. Begitu juga dengan sebaliknya bagi pihak lelaki. Proses yang berlaku adalah sama⁴.

Dalam adat perkahwinan dalam kalangan masyarakat Iban juga terdapat nilai hantaran sebagai ganti kepada keluarga yang akan melepaskan anak masing-masing kepada pihak yang akan memiliki. Kalau zaman dahulu, hantaran itu dalam bentuk tembikar atau parang. Namun begitu, selaras dengan peredaran masa, hantaran kebanyakan dalam bentuk wang. Malah adat *ngugi* atau *nguai* juga semakin jarang diterapkan oleh pasangan yang berkahwin pada masa sekarang. Kebanyakan daripada mereka memilih untuk hidup mandiri atau hidup dari luar keluarga besar atas sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah, faktor pekerjaan di bandar atau di tempat mereka diarahkan untuk berkhidmat. Apabila musim perayaan utama seperti Hari Krismas dan Hari Gawai, selalunya pasangan akan bertoleransi dalam menentukan di mana mereka akan menyambut perayaan tersebut. Kebiasaannya mereka akan merayakan dua perayaan tersebut mengikut giliran. Contohnya, tahun ini di keluarga pihak lelaki, tahun berikutnya di keluarga perempuan. Sikap toleransi ini sangat penting kerana dua

⁴ Rujuk buku, Sandin, B. (1966). *Tusun pendiau*. Kuching: Borneo Literature Bureau. Hl 17-42.

perayaan utama ini merupakan perayaan yang sangat bermakna bagi masyarakat Iban. Contohnya, Hari Gawai merupakan hari keberkatan kepada mereka selain untuk berjumpa dengan sanak-saudara di rumah panjang. Oleh itu, secara tidak langsung perayaan menjadi salah satu aspek yang boleh menyatukan masyarakat Iban di rumah panjang.

3.3 Status Sosioekonomi berdasarkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)


Mengetahui status sosioekonomi masyarakat Iban di kawasan kajian merupakan aspek penting dalam menilai keberkesanan kegiatan ekonomi yang mereka jalankan. Dari status ekonomi tersebut, memudahkan pengkaji untuk menilai taraf pembangunan kawasan kajian menurut standard pembangunan kerajaan. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) merupakan indeks yang sesuai digunakan bagi menilai dan mengukur tahap pembangunan fizikal dan sosioekonomi masyarakat Iban di kawasan kajian.

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) ini mengambilkira beberapa aspek dimensi untuk mengukur tahap kemiskinan. Antaranya ialah aspek pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) ini akan digunakan bagi mendapatkan maklumat secara demografi mengenai status pembangunan di kawasan kajian. Fokus kajian juga akan membangkitkan pendapat atau suara masyarakat Iban di kawasan kajian mengenai status pembangunan menurut pandangan mereka sendiri. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang status pembangunan di kawasan kajian, kajian ini telah memakai indikator Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI). Indeks yang digunakan merangkumi 4 aspek penting iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan. Indikator ini digunakan oleh pihak pentadbiran Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di dalam mengukur taraf kemiskinan penduduk Malaysia secara keseluruhan.

3.3.1 Status kemiskinan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)

Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi rakyat Sarawak ialah RM 920 sebulan yang berkuatkuasa pada tahun 2015. Sekiranya pendapatan bulanan mereka kurang daripada RM 920 sebulan, isi keluarga itu dikategorikan sebagai miskin. Berikut merupakan taraf PGK bagi ketiga-tiga 3 rumah panjang di kawasan kajian yang merangkumi 39 isi rumah.

Jadual 3.7.1 Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dalam kalangan masyarakat Iban Nanga Engkuah



Daripada 39 isi rumah, 38 isi rumah dalam kategori pendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan iaitu kurang daripada RM 920 pada setiap bulanan. Sementara 1 isi rumah yang memperolehi pendapatan diatas RM 920. Didapati, status pekerjaan penduduk rumah panjang amat mempengaruhi pendapatan bulanan mereka. 38 isi rumah yang berpendapatan bawah PGK ialah bekerja sebagai petani yang berskala kecil seperti menanam lada, menoreh getah dan memburu binatang untuk dijual.


Sementara, 1 isi rumah yang berpendapatan di atas PGK ialah bekerja sebagai pembantu am di klinik Nanga Engkuah.

Secara amnya, masyarakat Iban di sini masih lagi mengamalkan aktiviti pertanian berskala kecil. Terdapat dalam kalangan mereka masih berhuma bagi yang masih mampu untuk berhuma dan ada yang mengusahakan tanaman lada dan menoreh getah. Antaranya ialah bagi yang berumur dalam lingkungan umur 30 tahun hingga hujung 50 tahun. Sementara pula, bagi golongan yang berumur 60 tahun keatas kebanyakan mereka hanya mengharapkan bantuan daripada jabatan kebajikan iaitu pampasan diberi kepada mereka setiap bulan. Bantuan ini yang mereka gunakan untuk membeli keperluan harian mereka. Selain itu, penduduk rumah panjang memperoleh sumber pendapatan dengan menangkap ikan, memburu dan mengumpul hasil hutan. Perkara ini bermaksud bahawa mereka sangat bergantung kepada sumber alam. Kebanyakan hasil itu akan dijual kepada penduduk rumah panjang bagi mendapatkan sumber kewangan.

3.3.2 Status Pembangunan berdasarkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

Bagi mengukur status kemiskinan menggunakan indikator Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI). Terdapat tiga indikator yang akan dipakai iaitu berdasarkan taraf pendidikan, taraf pendidikan dan taraf kehidupan. Dalam setiap indikator terdapat sub-sub ukuran yang tersendiri.

Jadual 3.7.2 Status Pembangunan Masyarakat Iban di Kawasan kajian berdasarkan Indeks MPI



3.3.2.1 Taraf Kesihatan

Dari segi kesihatan, mengikut kepada indikator yang ditetapkan dalam Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang turut digunakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dua aspek penting yang cuba diketengahkan bagi memastikan setiap komuniti yang tinggal di dalam sesebuah penempatan dapat mencapai tahap kesihatan yang digariskan. Menurut Indikator yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, aspek jarak

merupakan penanda aras pembangunan sesebuah tempat. Jarak yang ditetapkan ialah jarak petempatan dengan klinik mesti tidak jauh dari 5 km dan mempunyai bekalan air terawat. Hasil kajian mendapati bahawa dari segi jarak klinik kesihatan, 100 peratus daripada penduduk rumah panjang berada dekat dengan klinik kesihatan dan secara amnya mendapat bekalan air paip dan mereka telah diagihkan dengan projek yang menapis air terawat.

Namun begitu, klinik desa yang disediakan hanya memberi perkhidmatan kesihatan yang sangat asas sahaja. Sekiranya ada kes kecemasan yang melibatkan sakit kronik, penduduk rumah panjang terpaksa pergi ke pekan Song untuk mendapatkan rawatan yang memakan masa yang sangat lama iaitu 4 jam untuk sampai di pekan Song. Perkara ini sangat memberi permasalahan kepada penduduk rumah panjang sekiranya ada kes kecemasan. Terdapat beberapa kes kecemasan yang menyebabkan pesakit meninggal meskipun sepatutnya nyawa dapat diselamatkan sekiranya bantuan diberikan dengan kadar segera. Menurut luahan penduduk rumah panjang, perkara ini telah berlarutan selama berpuluh-puluh tahun.

Selain itu, golongan orang tua turut berhadapan dengan beberapa cabaran khususnya bagi mereka yang memerlukan rawatan susulan dari doktor pakar di pekan dan bandar. Antaranya ialah tidak ada orang yang menguruskan temu janji dengan doktor atau segala perihal yang berkaitan seperti aspek pengangkutan dan sebagainya. Semuanya perlu diuruskan sendiri oleh mereka. Contohnya ialah, kes seorang balu yang dikenal dengan panggilan *Ini T* yang berusia 60 tahun berkongsi tentang cabaran yang beliau hadapi. Selain daripada tidak tahu membaca seperti mengenal tarikh temu-janji, beliau juga berhadapan dengan masalah pengangkutan. Masalah ini bukan sahaja berlaku kepada beliau, malah kepada penduduk rumah panjang yang lain terutamanya yang tidak ada perahu. Apabila sampai tarikh mereka untuk mendapatkan rawatan di Song atau hospital di bandar Sibu dan Kapit, mereka harus memikirkan pengangkutan.

Beberapa alternatif yang terpaksa mereka lakukan iaitu menunggu di tepi sungai untuk mendapatkan tumpangan bagi siapa sahaja yang turun ke pekan Song seperti penduduk rumah panjang yang terletak dihulu mereka. Situasi yang sama mereka hadapi apabila ingin balik semula ke rumah panjang. Kadang-kadang disebabkan tidak ada tempat untuk menumpang balik, mereka harus mencari tempat tinggal sementara di pekan Song sehingga mereka memperoleh bot yang boleh menumpangkan mereka balik semula ke rumah panjang.

Menurut *Ini T* yang berusia 60 tahun, mereka sering kali berhadapan dengan situasi kecemasan. Contohnya dalam situasi kecemasan seperti sakit yang perlukan rawatan kecemasan.

Merinsa kami anak enti lebuah bisi bala sakit raya, menua jauh di ulu sungai, enda alah enda undur meh ke pasar naban ke tudah ke sakit. Enti seput ulih ditan baik ke agi, enti enda alah nadai ko enggau. (Temubual 1 Jun 2016)

Cabaran sangat besar yang terpaksa kami tanggung khususnya apabila berlakunya kes-kes kecemasan seperti penyakit kronik. Kedudukan rumah panjang yang terletak jauh di hulu sungai menyebabkan kami sukar untuk mendapatkan bantuan kecemasan. (Temubual 1 Jun 2016)

Apabila berlakunya situasi kecemasan mereka tidak ada pilihan lain selain daripada menggunakan jalan air untuk turun ke pekan Song. Sekiranya masa tersebut adalah pada waktu malam, keadaan sangat berisiko kerana keadaan sungai yang agak berbahaya. Malah keadaan semakin genting apabila tidak ada golongan lelaki yang masih tinggal di rumah kerana selalunya golongan lelaki pergi berburu pada waktu malam. Oleh itu, terdapat kes di mana pesakit meninggal dunia dalam perjalanan sebelum sempat sampai di pekan Song untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Begitu juga dengan kemudahan air terawat. Meskipun mudah untuk akses kepada bekalan air, mereka masih menggunakan bekalan air graviti yang tidak terawat sebagai bekalan air utama untuk mandi dan untuk keperluan memasak. Mereka ada

dibekalkan dengan bekalan air terawat iaitu melalui projek tangki tapisan air. Penduduk rumah panjang mengambil air dari tangki tersebut sebagai air minuman. Penduduk rumah panjang memberitahu bahawa, tindakan penyelenggaraan daripada pihak berwajib untuk memastikan sumber air terawat tersebut agak tidak produktif. Menurut penduduk rumah panjang, dalam tempoh setahun dari kajian dibuat, tidak ada pemeriksaan oleh pihak yang bertanggungjawab keatas qualiti air tangki tersebut. Namun, penduduk rumah panjang tetap bergantung kepada sumber air tersebut sebagai air minuman mereka.



Gambar 3.9: Klinik Kesihatan Nanga Engkuah
Klinik Nanga Engkuah yang terletak di seberang rumah panjang. Penduduk rumah panjang akan menggunakan perahu untuk ke klinik ini.

Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 29/6/2016



**Gambar 3.10: Tangki penapis air bersih
Penduduk rumah panjang mendapatkan bekalan air minuman daripada tangki
rawatan ini.**

Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 15 Jun 2016

3.3.2.2 Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan mengikut kepada indikator yang ditetapkan dalam Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) adalah merangkumi aspek kurang 11 tahun persekolahan dan keciciran dalam 6 tahun sehingga 16 tahun persekolahan. Dari segi pendidikan, daripada 152 orang informan, seramai 96 orang yang berstatus persekolahan kurang daripada 11 tahun. Dari statistik ini, hampir sebahagian daripada yang berumur antara 40 tahun dan keatas tidak mendapatkan pendidikan kerana mereka antara generasi yang lahir dalam lingkungan tahun 60-an hingga tahun 70-an.

Menurut informan, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak bersekolah. Antaranya ialah ibu bapa mereka tidak mampu menyekolahkan mereka

kerana cabaran kewangan. Pada zaman persekolahan mereka, cabaran kewangan merupakan cabaran utama yang mereka hadapi. Antaranya ialah, mereka tidak dapat membeli pakaian yang sesuai untuk ke sekolah. Selain itu, pada zaman mereka, kebanyakan mereka tidak tahu tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Oleh sebab itu, mereka tidak ada motivasi untuk ke sekolah. Sebaliknya, mereka lebih seronok mengikuti ibu dan ayah mereka pergi ke huma. Pada masa itu, selalunya tempat berhuma bagi masyarakat Iban adalah terletak jauh dari kawasan rumah panjang. Lazimnya, mereka akan bermalam di huma terutama apabila tibanya musim menanam padi. Oleh sebab itu, lingkungan informan yang berumur 40 tahun ke atas rata-ratanya tidak bersekolah. Mereka juga antara golongan yang paling ramai tinggal di rumah panjang pada masa ini.

Selain itu juga, terdapat keciciran pelajaran dalam golongan anak-anak masyarakat Iban di kawasan kajian semasa tempoh kajian dibuat iaitu mencatatkan seramai 5 orang. Beberapa faktor yang menyumbang kepada perkara ini. Antaranya ialah mereka tidak ada motivasi untuk belajar. Dari segi pemerhatian, terdapat pola yang telah dikenalpasti bagi generasi yang tidak mahu bersekolah ini. Kebanyakan dalam kalangan mereka mempengaruhi antara satu sama lain. Perkara ini bermaksud bahawa mereka dalam kalangan sahabat di sekolah dan di rumah panjang. Pengkaji menyoal secara rambang dalam kalangan mereka tentang sebab mereka tidak mahu ke sekolah. Salah satu jawapan mereka ialah mereka masih boleh hidup meskipun tidak pergi sekolah dan ada kawan-kawan bersama mereka. Oleh sebab itu, mereka memilih untuk tidak datang ke sekolah kerana keperluan mereka dipenuhi tanpa pergi ke sekolah. Jadi, perkara ini menyebabkan masalah keciciran pelajaran dalam kalangan pelajar sekolah masyarakat Iban di rumah panjang masih berlaku sehingga ke masa ini.

3.3.2.3 Taraf Kehidupan

Sementara pula, dari segi aspek taraf hidup. Antara indikator yang digunakan untuk mengukur taraf kehidupan mengikut indikator yang ditetapkan dalam Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) ialah keadaan tempat tinggal yang selesa, bilangan bilik tidur yang cukup, terdapat kemudahan tandas, terdapat kemudahan kutipan sampah, ada perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan komunikasi. Dari aspek tempat tinggal, masing-masing ketiga rumah panjang telah mendapatkan kemudahan tempat tinggal yang sangat baik jika dibandingkan dengan sebelum tahun 90-an. Salah satu program pembangunan yang telah dirancang oleh pihak pentadbiran dalam menjayakan keperluan ini iaitu melalui projek Kecil Luar Bandar (MRP) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang bertujuan untuk memperbaiki dan menaiktaraf rumah panjang. Peruntukkan ini diagihkan setiap lima tahun sekali.

Bagi kemudahan ruang bilik tidur dan tandas, setiap *bilek-family* dilengkapi dengan beberapa kemudahan ini. Pembinaan ruangan ini adalah bergantung kepada kata sepakat setiap rumah panjang di dalam menentukan jenis-jenis plan rumah yang ingin mereka buat. Dari aspek kemudahan kutipan sampah pula, ketelusan dalam menyelenggarakan pembuangan sampah tidak mencapai piawaian yang ditentukan kerana penduduk rumah panjang rata-ratanya masih membuang sampah ke sungai. Menurut penduduk rumah panjang, apabila Jawatankuasa Kesihatan dan Kemajuan Kampung (JWKK) masih aktif pada masa dulu, sistem pembuangan sampah mereka lebih sistematik dan terkawal. Hal ini kerana, terdapat jawatankuasa kampung yang akan memastikan aspek ini diselenggarakan dengan betul. Namun, setelah perpindahan beramai-ramai penduduk rumah panjang ke pekan dan bandar menyebabkan bilangan penduduk rumah panjang masih tinggal menjadi sedikit. Semangat untuk meneruskan jawatankuasa ini tidak dapat dilaksanakan lantaran tidak ada orang mahu meneruskan

tanggungjawab itu dan juga tidak ada tenaga pelaksana yang sesuai untuk memikul tanggungjawab ini.

Aspek pengangkutan merupakan salah satu aspek yang belum lagi mencapai piawai yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran. Perkara ini disebabkan oleh lokasi rumah panjang terletak jauh di pedalaman. Mereka belum lagi menikmati kemudahan pengangkutan asas seperti masyarakat bandar. Salah satu daripadanya ialah kemudahan jalan raya yang berturap. Pengangkutan utama yang digunakan oleh rumah panjang ini untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain ialah melalui jalan air. Contohnya kalau mereka ingin pergi ke kebun atau bergerak keluar daripada kawasan rumah panjang, mereka hanya menggunakan jalan air dengan menaiki perahu. Sementara pula, tidak semua setiap *bilek-family* memiliki perahu dan ejen sangkut dan memiliki kepakaran untuk memandu enjin sangkut. Lebih-lebih lagi untuk menyusuri sungai yang memerlukan kepakaran yang tertentu tentang selok-belok sungai tersebut. Malah ada yang tahu memandu enjin sangkut tidak semestinya mereka berani untuk memandu dalam jarak yang jauh seperti hingga ke pekan Song kerana terlalu ramai kejadian perahu karam yang juga turut mengorbankan nyawa. Menurut kepada pemerhatian yang telah dijalankan, sistem keselamatan air tidak dilakukan dengan telus di kawasan ini. Contohnya ialah, mereka tidak dibekalkan dan tidak ada jaket keselamatan.

Dari aspek komunikasi asas pula, pihak kerajaan membekalkan beberapa kemudahan seperti kemudahan telefon tiang dan kemudahan internet kepada masyarakat rumah panjang. Namun begitu, kemudahan yang dibekalkan oleh pihak kerajaan tidak diselenggarakan dengan sebaiknya oleh pihak yang bertanggungjawab. Contohnya ialah bagi kemudahan telefon tiang tersebut, penduduk rumah panjang memberitahu ia hanya beroperasi selama setahun sahaja, selepas kontrak pihak yang bertanggungjawab menyelenggarakan kemudahan itu tamat tempoh, maka perkhidmatan kemudahan tersebut tidak diteruskan. Apabila ditanya kepada penduduk di rumah panjang tentang

sebab-sebab perkara ini berlaku. Rata-rata mereka mengatakan bahawa kemudahan ini bergantung kepada pihak yang sukarelawan untuk menyelenggarakan kemudahan ini untuk keperluan penduduk di rumah panjang.

Selain daripada aspek yang dinyatakan diatas, terdapat beberapa kemudahan asas dari aspek infrastruktur yang telah dinikmati oleh masyarakat Iban di kawasan ini. Antaranya ialah klinik kesihatan desa yang terletak di seberang rumah panjang yang hanya dipisahkan oleh sungai Katibas. Penduduk rumah panjang akan menaiki perahu untuk menyeberangi sungai sekiranya mereka pergi ke klinik tersebut untuk mendapatkan rawatan asas seperti mendapatkan bekalan ubat. Selain itu, terdapat juga sekolah rendah iaitu SK Nanga Engkuah yang juga terletak di seberang kawasan rumah panjang ini. Sekolah rendah ini juga ada menyediakan sekolah tadika kepada anak-anak masyarakat Iban di kawasan kajian. Seramai 13 buah rumah panjang yang akan menghantar anak-anak mereka untuk bersekolah di SK Nanga Engkuah yang mana sekarang secara keseluruhan bilangan murid yang belajar di sana ialah seramai 84 orang murid termasuk murid-murid tadika.

Masyarakat Iban di kawasan juga dapat menikmati kemudahan Mini Perpustakaan. Dalam perpustakaan itu disediakan kemudahan internet desa yang telah beroperasi sejak tahun 2012. Namun begitu, penghujung tahun 2016, perkhidmatan internet itu akan tamat kontrak dan penduduk rumah panjang tidak dapat lagi menikmati kemudahan internet itu sekiranya tidak ada pihak yang mahu menyambung kontrak untuk menyelenggarakan rangkaian internet tersebut. Kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan asas yang lain adalah seperti sekolah taska turut disediakan. Malah mereka juga ada dibekalkan dengan jentera elektrik oleh pihak *Sarawak Electricity Supply Corporation* (SESCO) yang boleh menyalurkan bekalan elektrik kepada ketiga-tiga rumah panjang tersebut. Namun begitu, dua tahun kebelakangan ini iaitu bermula

pada tahun 2014, generator tersebut tidak lagi berfungsi kerana tidak ada pihak yang menyelenggarakanannya.



Gambar 3.11: Sekolah Rendah Kebangsaan Nanga Engkuah
Kedudukan sekolah rendah ini terletak di seberang rumah panjang tempat kajian.
Penduduk rumah panjang akan menaiki perahu untuk ke sekolah ini.

Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 23 Julai 2016

Dari segi gaya hidup, ketiga buah rumah panjang itu telah mengalami tranformasi dari segi struktur rumah panjang. Mereka banyak mendapat bantuan daripada pihak kerajaan khususnya mendapat bantuan dari segi kewangan untuk membeli peralatan membuat dan membaiki rumah. Bantuan ini membantu masyarakat Iban di rumah panjang untuk membina dan membaiki semula rumah mereka. Aktiviti harian penduduk rumah panjang juga sangat ringkas. Pada awal pagi, mereka akan pergi huma bagi sesiapa yang berhuma. Kebanyakan mereka yang berhuma masih mengamalkan *sistem berderau* iaitu sistem pertanian bergilir-gilir dalam mengejakan huma. Pada waktu tengahari mereka akan balik dan berehat. Selalunya pukul 2.00 petang bagi kaum perempuan, mereka duduk di *ruai* dan berbual. Sementara bagi kaum lelaki pula, selalunya aktiviti mereka mengait jala dan pukak, membuat perahu dan ada

yang berburu. Pada sebelah malamnya pula, bagi yang memiliki generator, mereka akan menghidupkan generator sekejap bagi menonton televisyen sampai pukul 10.00 malam. Pada pukul 10.00 malam semua penghuni rumah panjang sudah tidur. Maka seluruh rumah panjang akan bergelap dan keadaan menjadi sangat sunyi. Lingkungan alam dipenuhi dengan bunyi-bunyi cengkerik, unggas dan nyanyian dari hutan. Rutin seperti ini berulang setiap hari.

Dapat disimpulkan bahawa, gaya hidup penduduk rumah panjang sangat mudah dan tidak kompleks. Mereka menjalankan aktiviti harian mereka dengan tahap tekanan yang terkawal. Namun begitu, sesuai dengan tuntutan masa sekarang, kebanyakan mereka mulai memikirkan cara-cara untuk mengatasi permasalahan yang timbul di luar jangkaan mereka. Antaranya ialah apabila tuntutan pada masa sekarang memerlukan mereka untuk mencari sumber kewangan. Perubahan ini diterima oleh masyarakat Iban di rumah panjang kerana menyedari tentang kepentingan sumber tersebut di dalam kehidupan mereka. Mereka mengakui bahawa kehidupan dahulu dengan sekarang amatlah berbeza. Kalau dahulu, dengan hanya berhuma, bercucuk tanam dan memburu hasil hutan serta menangkap ikan mereka boleh hidup. Namun sekarang, semua perkara sangat bergantung kepada sumber kewangan. Cabaran yang mereka hadapi di rumah panjang pada masa sekarang ialah tidak ada sumber pencarian yang tetap bagi menampung sumber kewangan mereka.

Dari segi aspek pertubuhan politik, ketiga buah rumah panjang ini di bawah kepimpinan kuasa politik Barisan Nasional hampir lebih daripada 50 tahun lagi. Uniknyanya, pucuk kepimpinan di daerah ini tidak pernah berubah iaitu ditadbir oleh satu kuasa politik sahaja iaitu Barisan Nasional (BN). Bila ditanya tentang pengetahuan mereka tentang parti politik. Kebanyakan mereka tahu parti apa yang memegang mereka. Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan penduduk rumah panjang yang tidak tahu wakil rakyat mereka. Dari segi pendaftaran sebagai pemilih dan pengundian.

Seratus peratus daripada mereka telah mendaftar sebagai pengundi dan telah mengundi lebih daripada sekali.

3.4 Galeri khas: Proses pembinaan jalan raya berturap Sibul-Song-Kapit

Penduduk di daerah Song secara umumnya sering mengatakan bahawa keperluan pembangunan mereka pada masa sekarang ialah jalan raya berturap yang dapat menghubungkan pekan Song dengan bandar Sibu dan Kapit. Aspirasi ini turut disuarakan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Oleh itu, berikut merupakan antara projek pembinaan jalan raya dari bandar Sibu ke Daerah Song yang telah dibina dan dalam proses perancangan untuk pembinaan sepenuhnya.



Gambar 3.12: Jalan raya berturap dari Bandar Sibu ke Nanga Kanowit

Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.13: Jalan tanah merah dari Nanga Ngemah ke pekan Song
Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.14: Jalan tanah merah sepanjang perjalanan ke Pekan Song
Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.15: Perusahaan ladang sawit milik syarikat Ta Ann
Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.16: Jalan raya yang berturap setelah sampai di pekan Song
Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.17: Jalan menuju ke Pekan Song
Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018



Gambar 3.18: Terminal bot express pekan Song. Huruf “N” tertanggal
Sumber: Gambar pengkaji. Diambil pada 1 Jun 2018

Pembangunan jalan raya di kawasan daerah Song diyakini mampu untuk mengubah corak kehidupan masyarakat Iban di daerah ini secara keseluruhan dan juga

kepada masyarakat Iban di kawasan kajian. Secara harafiah, mereka sangat menerima pembangunan jalan ke rumah panjang mereka dan pembinaan jalan merupakan salah satu kehausan mereka sejak 50 tahun yang lepas. Namun begitu, di atas pembangunan yang diimpikan, mereka mahu agar hak mereka diutamakan. Antaranya ialah proses perbincangan yang telus terhadap proses pembinaan jalan raya ke rumah mereka. Proses perbincangan yang berterus ke atas pampasan yang diberikan sekiranya tanah mereka diteroka dan hasrat mereka agar tanah mereka turut diakui secara sah milik mereka meskipun telah diteroka. Isu dan permasalahan mengenai status pemilikan tanah bagi masyarakat Iban di daerah tersebut termasuk di kawasan kajian adalah tidak ada pengesahan secara dokumen iaitu geran tanah. Sehingga sekarang mereka belum mendapatkan geran tanah meskipun telah beberapa kali membuat permohonan. Oleh itu, tuntutan hak dalam aspek ini masih menjadi salah satu aspirasi masyarakat di kawasan kajian termasuk semua masyarakat di daerah tersebut.

3.5 Kesimpulan

Secara kesimpulan, taraf pembangunan di kawasan kajian ialah pada tahap yang sederhana dan dapat mereka nikmati dengan ala kadar sahaja. Menurut kepada ukuran pembangunan khususnya dari segi pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), majoriti daripada mereka dibawah garis kemiskinan iaitu jumlah pendapatan bulanan di bawah RM920.00. Hal ini disebabkan mereka masih bergantung kepada sumber ekonomi yang berskala kecil seperti menoreh getah, tanaman lada dan berhuma. Sementara pula, kebanyakan masyarakat Iban di rumah panjang tidak lagi berhuma kerana ia lebih membawa kerugian daripada keuntungan kepada mereka. Selain itu, mereka juga hanya bergantung kepada sumber alam seperti berburu dan menangkap ikan. Hasil perolehan tersebut akan dijual untuk mendapatkan sumber kewangan. Namun begitu, perolehan tersebut tidak konsisten dan juga menyebabkan sumber pendapatan mereka tidak menentu.

Dari segi aspek aspek pendidikan, terdapat keciciran pelajaran dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang termasuk generasi muda pada masa sekarang iaitu seramai 96 orang daripada 152 orang informan yang berstatus persekolahan kurang daripada 11 tahun. Dari statistik ini, hampir sebahagian daripada yang berumur antara 40 tahun dan keatas tidak mendapatkan pendidikan. Sementara bagi generasi muda, seramai 5 orang yang dikenalpasti tidak bersekolah. Dari segi kesihatan, meskipun piawai yang dikenakan bagi aspek ini telah dicapai, namun bagi kes-kes kecemasan, penduduk rumah panjang sukar mendapatkan bantuan segera. Dari segi bekalan air bersih pula, mereka meminum air dari sumber air graviti dan sumber air terawat yang telah disediakan. Namun sumber air terawat tersebut tidak diselenggarakan secara konsisten oleh pihak yang bertanggungjawab.

Bagi taraf kehidupan pula, mereka dapat menikmati kesejahteraan pembangunan pada taraf yang sederhana. Antaranya ialah seperti sekolah, klinik kesihatan dan bekalan internet desa. Namun begitu, terdapat juga kemudahan yang terbengkalai dan tidak diselenggarakan seperti kemudahan internet, telefon dan jentera elektrik yang sepatutnya dinikmati oleh penduduk di situ. Selain itu, cabaran lain yang terutama ialah dari segi pengangkutan. Masyarakat Iban di kawasan kajian hanya menggunakan satu alternatif iaitu jalan sungai. Mereka belum dibekalkan dengan pembangunan jalan raya berturap yang menjadi punca utama mereka terasing daripada kehidupan bandar.

BAB 4: KEBERKESANAN, CABARAN DAN KESAN PEMBANGUNAN

4.1 Pengenalan

Program pembangunan yang berkesan merupakan satu jentera penting dalam pembangunan. Bagi menjayakan setiap program pembangunan, terdapat lima perkara penting dalam pembangunan yang perlu dilaksanakan iaitu terdiri daripada proses perancangan (*planning*), proses pelaksanaan (*implemantation*), proses pengawasan (*monitoring*) sehingga ke proses terakhir iaitu faedah yang dikongsikan bersama (*benefit sharing*). Namun begitu, sekiranya program pembangunan yang dijalankan selaras dengan kehendak komuniti yang akan menerima pembangunan, ia akan menjadi satu nilai tambah kepada kejayaan pelaksanaan program pembangunan tersebut.

Kajian ini mendapati beberapa program pembangunan yang telah dilaksanakan di kawasan kajian. Sama ada dari segi program pertanian mahupun pembangunan infrastruktur. Namun begitu, terdapat beberapa isu kepincangan yang telah dikenalpasti dalam pelaksanaan program-program pembangunan tersebut. Merujuk kepada buku pelawat bagi ketiga-tiga rumah panjang tersebut. Pada tahun 1995 hingga tahun 2005, pegawai kerajaan seperti pegawai pertanian kerap datang ke rumah panjang untuk mengadakan program muhibah bersama masyarakat Iban di kawasan kajian. Namun selepas tahun 2005, pelawatan pihak kerajaan semakin berkurang.

Sementara pula, menurut pegawai pentadbiran di kawasan kajian, hasil pemerhatian mereka untuk beberapa tahun ini, mereka menemui bahawa salah satu pola sikap masyarakat Iban yang negatif ialah mereka tidak berupaya untuk mengusahakan sesuatu bantuan yang dipohon untuk tempoh masa yang panjang. Perkara ini bermaksud, penduduk rumah panjang atau individu yang menerima bantuan hanya mengusahakan perusahaan di bawah program untuk tempoh tertentu sahaja. Contohnya ialah setelah mendapatkan hasil perusahaan sekali, mereka tidak mahu meneruskan perusahaan itu lagi.

Namun begitu, menurut perkongsian penduduk rumah panjang yang pernah mengusahakan bantuan yang diberi, mereka tidak mampu untuk meneruskan perusahaan daripada projek pembangunan yang diberikan kerana ia lebih memberi bebanan kepada mereka. Contohnya bagi mereka yang pernah menternak ikan. Salah satu daripadanya ialah kos untuk membeli makanan ikan sangat tinggi dibandingkan dengan hasil jualan harga ikan sekiranya ikan itu dijual. Kos yang diperkirakan oleh mereka termasuklah kos pengangkutan untuk turun ke pekan. Oleh sebab itu, rata-rata mereka tidak mampu untuk meneruskan perusahaan untuk jangka masa yang agak panjang kerana cabaran tersebut memberi bebanan kepada mereka. Konflik dan ketirisan dari pelbagai sudut ini menjadi hambatan kepada keberkesanan setiap program pembangunan yang direncanakan kepada komuniti Iban di kawasan kajian.

Oleh itu, temubual bersama penduduk rumah panjang sebagai informan penting dan juga maklumat daripada beberapa pegawai daripada daerah tersebut dijalankan bagi mengenalpasti perkara ini. Temubual antara dua belah pihak ini sangat penting dalam mencapai ketelusan maklumat yang disampaikan iaitu maklum balas antara pihak yang menerima pembangunan dengan pihak yang melaksanakan program pembangunan supaya tidak berlaku perkara yang berat sebelah dalam pengumpulan data. Dalam bab ini juga turut membincangkan kesan-kesan pembangunan keatas kehidupan masyarakat Iban menurut pengalaman dan pandangan mereka sendiri.

4.2 Program-program pembangunan di kawasan kajian

Sebelum berdiskusi secara lebih lanjut tentang program-program pembangunan yang dilaksanakan di kawasan kajian. Kajian akan menghuraikan program-program pembangunan yang dilaksanakan di daerah Song secara keseluruhan. Hal ini kerana, rancangan pembangunan yang diberikan kepada masyarakat Iban di kawasan kajian adalah berpusat di Daerah Song.

Daerah Song merupakan daerah terpencil yang terpisah secara demografi dari kawasan bandar seperti bandar Sibu dan Kapit. Malah pengangkutan utama yang digunakan ialah melalui jalan air untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Terdapat beberapa perancangan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk kesejahteraan masyarakat yang tinggal di daerah ini. Salah satu daripadanya ialah, Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Skim ini telah diperkenalkan pada tahun 2001 menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) yang bertujuan membasmi kemiskinan. Skim ini merupakan salah satu Rancangan Jangka Panjang Ke-3 (Rakan Sarawak, 2006). Matlamat utama Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) ialah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pembasmian kemiskinan dan meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup kumpulan yang disasarkan. Terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai di dalam pelaksanaan program ini.

- i. Menyumbang kepada usaha-usaha pengurusan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus dalam tahun 2005.
- ii. Memberi sumbangan kepada pertambahan peratusan isi rumah golongan berpendapatan sederhana.
- iii. Menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasaran agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan.

Susulan daripada itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu melalui Program Transformasi Luar Bandar (RTP) terdapat beberapa projek pembangunan yang memfokus kepada beberapa aspek pembangunan telah dilaksanakan. Antara pembangunan yang dijalankan di daerah Song ialah pembinaan kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya. Pada tahun 2017, kos pembinaan jalan raya berturap di daerah ini menelan kos sebanyak RM252,648,010.04 (Cortez et al., 2017). Projek pembinaan jalan ini merangkumi beberapa jalan atau tempat yang hanya memfokus di

persekitaran yang berdekatan dengan daerah Song sahaja yang merangkumi kawasan-kawasan rumah panjang yang terdekat. Antaranya ialah pembinaan Jalan Takan (*Link Road*), Fasa 1 di Kampung Gelam: Jalan Takan (*Link Road*), Fasa 2 Kampung Gelam; Jalan Takan Nanga Tekalit; Jalan SMK Katibas, Nanga Musah; Jalan Song-Sipan-SK Temalat.

Selain itu, dalam peruntukan itu juga ada melibatkan beberapa projek loji rawatan seperti Loji Rawatan Air Nanga Beguang; BELD Rumah Delok dan Rumah Lucas, Engkabau, Katibas dan beberapa projek yang lain (Cortez et al., 2017). Pembinaan jalan raya berturap yang menghubungkan kawasan rumah panjang dengan pekan Song iaitu sepanjang sungai Katibas pula menelan perbelanjaan sebanyak RM2,560,000 (Cortez et al., 2017). Tetapi menurut pegawai penerangan daerah tersebut, sebanyak 30 milion telah diperuntukan untuk membina jalan raya berturap ke Nanga Engkuah. Sementara menanti janji itu dilaksanakan, sehingga kini penduduk rumah panjang masih lagi bergantung kepada jalan air sebagai pengangkutan utama mereka. Terdapat juga jalan kayu balak atau jalan tanah merah atau dikenali sebagai jalan kem balak yang menghubungkan mereka dengan pekan Song, tetapi jalan ini hanya sesuai untuk kenderaan pacuan empat roda yang berkuasa tinggi.

Sementara pula, antara pembangunan infrastruktur yang disedari oleh masyarakat Iban di kawasan kajian ialah Projek Kecil Luar Bandar (MRP). Projek Kecil Luar Bandar (MRP) merupakan program pembangunan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dibawah Projek Transformasi Luar Bandar yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Program Tranformasi Luar Bandar ini terdiri daripada lima program utama iaitu program Pembangunan Luar Bandar Secara Menyeluruh, Pembinaan Infrastruktur Asas Luar Bandar, Perkhidmatan Perbankan Luar Bandar, Memperkukuhkan Perkhidmatan

Bas Luar Bandar serta melibatkan Program Pembangunan dan Kebajikan Orang Asli (Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2018).

Dalam Projek Kecil Luar Bandar ini, terdapat beberapa bahagian saluran dana yang diperuntukan. Antaranya ialah jalan kampung, jalan perhubungan desa atau jalan luar bandar, jambatan atau jeti atau titi, jeti terapung, parit konkrit, merata tapak bangunan, projek tangki atau bekalan air luar bandar, projek bekalan elektrik luar bandar, balairaya, dewan serbaguna, gelanggang sukan dan projek lain-lain yang berkenaan. Cara-cara permohonan projek ini ialah dengan menulis surat permohonan beserta perancangan projek kepada wakil rakyat dan juga pegawai daerah. Permohonan haruslah dibuat melalui Ketua Kampung atau Pengerusi JWKK Kampung. Bagi masyarakat Iban di kawasan kajian, bentuk bantuan yang diperoleh daripada Projek Kecil Luar Bandar (MRP) ini ialah bantuan dari segi kewangan untuk membaikpulih rumah panjang.

Selain daripada pembangunan infrastruktur, pihak kerajaan turut melaksanakan program pembangunan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Satu satu objektif program pembangunan tersebut ialah berasaskan program pertanian yang boleh menjana sumber pendapatan. Bagi masyarakat Iban di kawasan kajian, antara salah satu program pembangunan yang berasaskan penjana sumber ekonomi yang sangat mereka kenalpasti ialah program 1Azam. Program 1Azam merupakan program dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Jabatan Pertanian Sarawak, 2018). Program ini bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin iaitu dibawah RM520 sebulan bagi miskin tegar dan dibawah RM850 sebulan bagi golongan miskin. Di negeri Sarawak, Jabatan Pertanian memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan program 1Azam. Oleh itu, program ini telah dilaksanakan di semua bahagian dan daerah termasuk kawasan pedalaman.

Program 1Azam ini terdiri daripada beberapa program. Antaranya ialah Azam Kerja, Azam Khidmat, Azam Niaga dan Azam Tani. Azam Kerja merupakan program pembangunan yang memberi tumpuan kepada beberapa jenis pekerjaan yang tidak memerlukan pendidikan dan kemahiran yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR). Azam Khidmat pula merupakan program pembangunan untuk menggalakkan keusahawanan. Program Azam Khidmat dikelola oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Program Azam Niaga pula memberi peluang kepada perniaga secara kecil-kecilan dengan menggalakkan penglibatan keusahawanan dalam kalangan pengusaha yang berpendapatan rendah. Program ini juga turut diterajui oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Program 1Azam yang keempat ialah program Azam Tani yang melibatkan projek-projek pertanian yang mendapatkan pulangan dalam jangka masa pendek. Program Azam Tani dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Portal Rasmi Pusat Maklumat Rakyat, 2017).

Diantara keempat-empat program 1Azam ini, program 1Azam Tani merupakan program yang sangat dikenali dan sering dipohon oleh masyarakat Iban di daerah Song dan juga masyarakat Iban di kawasan kajian kerana kegiatan ekonomi utama mereka ialah bertani. Program Azam Tani ini menyediakan perkhidmatan dalam menggalakkan aktiviti tanaman yang boleh membuahkan hasil dalam jangka masa yang pendek. Antara tanaman yang digalakkan ialah cili merah, sawi, kangkung dan jagung. Selain itu, program ini ada menyediakan projek akuakultur seperti ternakan ikan, penetasan dan penjagaan benih ikan seperti ikan keli, ikan kelah, ikan siakap, ikan kerapu dan lain-lain.

Namun begitu, setiap permohonan yang ingin membuat permohonan 1Azam hendaklah mendapatkan pengesahan yang berdaftar di bawah sistem e-Kasih (Jabatan Pertanian Sarawak, 2018). Program e-Kasih merupakan sistem pangkalan data bagi keluarga yang berada di paras kemiskinan negara yang telah dilaksanakan pada 31

Oktober 2007 dalam Mesyuarat Kabinet. Program ini bertujuan membantu dalam merancang, melaksanakan dan mengawal program kemiskinan yang telah dibangunkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri pada Jun 2008. Kelayakan permohonan program ini ialah memenuhi status miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan per kapita isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan bagi isi rumah yang tinggal kawasan luar bandar dan RM1500 bagi isi rumah yang tinggal di kawasan bandar. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam e-Kasih adalah berdasarkan Banci Isi Rumah Miskin (BIRM) yang merupakan program banci dijalankan dengan pendekatan isi rumah dan bukan orang perseorangan. Banci ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan hasil jumlah banci dihantar ke Pejabat Pembangunan Persekutuan ICU sebagai input utama ke e-Kasih (Portal Rasmi Pusat Maklumat Rakyat, 2017).


Banci Isi Rumah Miskin (BIRM) ini terdiri daripada 2 fasa iaitu fasa 1 dikendalikan secara menyeluruh meliputi kawasan bandar dan luar bandar bermula Disember 2007 sehingga Jun 2008 melalui perangkaan yang diambil terus dari Kementerian Perubahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Fasa 1 BIRM telah dikendalikan di kawasan-kawasan dengan paras kemiskinan negara yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Namun ada sesetengah kawasan tidak dapat diliputi dengan cara perangkaan khususnya petempatan Orang Asli, kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan kawasan estet atau ladang yang ditakbirkan secara sendiri. Fasa 2 BIRM pula telah dimulakan dengan teliti dari Januari 2008 hingga Julai 2009 dengan pengesahan senarai yang dianggap miskin diterima daripada Ahli atau Dewan Undangan Parlimen dan Agensi Negara. Isi rumah yang telah mematuhi terma dan syarat sah e-Kasih akan dianggap layak untuk memasuki program e-Kasih (Portal Admin e-Kasih, 2018).

Antara syarat lain pemohonan Program 1Azam ialah harus warganegara Malaysia, individu yang telah didaftarkan dengan sah sebagai salah satu peserta e-Kasih bagi kategori Miskin atau Miskin Tegar, berpendapatan RM1500 bagi kategori bandar dan RM1000 bagi kategori Luar Bandar, berusia 18 sehingga 55 tahun dan mempunyai minat, pengalaman dan berkemahiran dalam menjalankan perkhidmatan dan perniagaan secara skala kecil. Namun bagi negeri Sarawak, pendapatan yang ditetapkan untuk pemohon yang layak memohon ialah golongan berpendapatan rendah dan miskin iaitu dibawah RM520 sebulan bagi miskin tegar dan dibawah RM850 sebulan bagi golongan miskin (Portal Admin eKasih, 2018).

4.3 Cabaran dan keberkesanan program pembangunan

Meskipun terdapat program pembangunan yang telah disalurkan kepada masyarakat Iban di rumah panjang, namun dari segi pelaksanaan ia kurang berjaya. Terdapat kepincangan dalam penyampaian maklumat pembangunan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Perkara ini terbukti apabila terdapat dalam kalangan mereka tidak pasti dengan sesetengah program pembangunan yang dilaksanakan. Di samping itu juga, terdapat program pembangunan yang diketahui oleh mereka namun mereka tidak layak untuk mendapatkan bantuan tersebut kerana tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Wahal, bagi masyarakat Iban di kawasan kajian, mereka merasakan diri mereka layak mendapatkan bantuan tersebut jika ukuran kemunduran pembangunan diukur menurut pandangan mereka.

Rajah 4.1 merupakan aliran kepada keberkesanan program pembangunan menurut pendapat atau ulasan masyarakat Iban di kawasan kajian. Dua program pembangunan yang dikenalpasti oleh masyarakat Iban di kawasan kajian ialah Projek Kecil Luar Bandar (MRP) dan Program 1Azam.



Gambar Rajah 4.1 Aliran Keberkesanan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Merujuk kepada gambar rajah tersebut, masyarakat Iban di kawasan kajian berpendapat bahawa Projek Kecil Luar Bandar (MRP) membantu meringkankan beban mereka namun bantuan tidak mencukupi. Projek Kecil Luar Bandar (MRP) program pembangunan yang diberi khas untuk membaikpulih rumah panjang yang rosak dan ia disalurkan setiap lima tahun sekali atau semasa pilihan raya menjelang. Oleh sebab itu, projek tersebut sering mendapatkan julukan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian untuk memancing undi. Syarat-syarat yang terutama bagi mendapatkan bantuan tersebut ialah permohonan perlu dibuat oleh ketua kampung. Sementara pula, bagi program 1Azam, hanya segelintir daripada mereka menerima bantuan wahal mereka merasakan diri layak untuk mendapatkan bantuan tersebut. Pemilihan calon yang layak menerima bantuan 1Azam adalah berdasarkan senarai nama dalam data e-Kasih yang mana pendapatan mereka adalah di bawah Peratusan Garis Kemiskinan (PGK).

Kesimpulannya, masyarakat Iban di kawasan kajian menerima program pembangunan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada mereka. Namun, sangat lemah pada peringkat pelaksanaan menyebabkan program pembangunan yang diberikan kurang berjaya.

Terdapat beberapa faktor-faktor dan cabaran yang melemahkan pelaksanaan program pembangunan di kawasan kajian telah dikenalpasti. Antaranya ialah masyarakat Iban di kawasan kajian tidak jelas dengan pelaksanaan program pembangunan yang dilaksanakan dan ketirisan pengagihan projek pembangunan. Cabaran kedua ialah perubahan polisi kerajaan. Ketiga, masalah perhubungan. Keempat pula masalah pemasaran hasil pertanian dan kelima isu kepimpinan rumah panjang.

4.3.1 Maklumat pembangunan tidak jelas dan ketirisan pengagihan projek pembangunan

Meskipun terdapat program pembangunan yang telah dilaksanakan di daerah ini, masih ada dalam masyarakat rumah panjang yang kurang pasti dengan pelaksanaan program-program pembangunan tersebut. Hasil daripada temubual bersama masyarakat rumah panjang di kawasan kajian mendapati bahawa terdapat penduduk rumah panjang yang masih tidak jelas tentang program Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Seorang *Ibu* yang ditemubual yang dikenali sebagai *Indai G* yang berusia 40 tahun, antara penduduk rumah panjang yang masih keliru dengan pelaksanaan program ini. Beliau mengatakan bahawa beliau tidak pernah mendengar tentang program itu. Malah apabila ditanya mengenai MRP atau lebih dikenali sebagai Projek Kecil Luar Bandar yang dikelola di bawah Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), terus-terang beliau katakan bahawa beliau tidak tahu tentang perkara ini. Menurut *Indai G* yang berusia 40 tahun.

Nadai orang manah ke kami pasal utai tok. Enda kala ninga. (Temubual 2 Jun 2016)

Tidak ada orang yang memberitahu kami tentang perkara ini. Tidak pernah dengar. (Temubual 2 Jun 2016)

Namun, mereka sebenarnya ada menerima bantuan Projek Kecil Luar Bandar (MRP) ini seperti bantuan kewangan sebanyak RM4000 untuk setiap *bilek-family*. Salah satu projek di bawah program ini ialah projek membaikpulih rumah panjang. Hanya beliau tidak jelas tentang bantuan tersebut.

Apai G yang berusia 50 tahun iaitu suami kepada *Indai G* ada menyuarakan tentang pendapat beliau tentang Projek Kecil Luar Bandar (MRP) yang mana bantuan membaikpulih rumah panjang ini akan diberikan lima tahun sekali. Menurut beliau, sememangnya bantuan ini meringankan bebanan mereka untuk mendapatkan modal bagi membaikpulih rumah mereka. Namun, beliau berpendapat bahawa bantuan tersebut tidak mencukupi. Perkara ini terbukti daripada pengalaman yang lepas mengenai cabaran yang mereka hadapi. Contohnya ialah, pihak kerajaan pernah memberi bantuan sebanyak RM4000 kepada setiap *bilek-family*. Menurut perkiraan beliau, daripada RM4000 yang diberikan, mereka perlu memperuntukan RM2000 untuk kos pengangkutan dan memberi upah kepada tenaga buruh serta tenaga mahir untuk membaiki rumah. Sementara, RM2000 yang masih tersisa adalah kos yang mereka gunakan untuk membeli peralatan untuk membaiki bahagian rumah yang rosak.

Beliau menerangkan bahawa kos upah tenaga buruh dari segi pengangkutan menjadi tinggi disebabkan oleh beberapa faktor-faktor tertentu. Antaranya ialah, tenaga buruh ini memperkirakan risiko pengangkutan untuk membawa barangan bagi membaiki rumah panjang ialah melalui jeram yang sangat berbahaya ditambahkan lagi membawa muatan yang berat. Selain itu, penduduk rumah panjang turut berhadapan dengan masalah sumber tenaga mahir yang sangat terhad. Tenaga mahir yang membaiki rumah hanya beberapa orang sahaja dan mereka terpaksa menunggu giliran untuk membaikpulih rumah mereka. Cabaran dalam melakukan membaikpulih rumah ini pula

bergantung kepada kemampuan setiap *bilek-family*. Contohnya ialah dalam situasi seorang warga emas iaitu *Ini B* yang berusia 60 tahun yang tinggal seorang diri, kos yang diperlukan oleh beliau untuk mengupah tenaga mahir menjadi lebih tinggi jika dibandingkan dengan *bilek-family* yang ada anggota keluarga yang boleh membantu tenaga mahir tersebut bagi mempercepatkan proses membaikpulih rumah. Hal ini kerana, bagi warga emas ini, mereka bergantung sepenuhnya kepada tenaga buruh dan tenaga mahir dan tidak mampu membantu daripada sumber tenaga. Oleh itu, mereka perlu mengagihkan perbelanjaan yang lebih untuk mengupah tenaga mahir kerana upah tenaga mahir adalah mengikut kadar hari bekerja. Oleh itu, penduduk rumah panjang menyimpulkan bahawa projek Kecil Luar Bandar (MRP) ini membantu namun ia hanya meringankan sedikit sahaja kos membaikpulih rumah mereka.

Ketirisan dalam pengagihan projek pembangunan juga merupakan antara faktor yang mengenggang keberkesanan pelaksanaan program pembangunan di kawasan kajian khususnya dalam program 1Azam. Mengikut kepada ulasan penduduk rumah panjang mengenai program 1Azam. *Indai G* lebih tahu Program Azam 1Malaysia bandingkan dengan Projek Kecil Luar Bandar (MRP) yang berfokus kepada azam tani. Menurut pemahaman beliau, program 1Azam ini merupakan program yang memberi bantuan kepada mereka dari segi kegiatan pertanian. Antaranya ialah seperti alat untuk menangkap ikan, enjin sangkut, bantuan perusahaan kraf seperti anyaman dan sebagainya. Tetapi, menurut beliau pengagihan projek tersebut kepada permohon agak kurang telus. Beliau bersuara atas pengalaman beliau sendiri. Meskipun sudah beberapa kali membuat permohonan, namun permohonan beliau tidak pernah diluluskan.

Namun begitu, hasil daripada temubual dengan Pegawai Pertanian Daerah Song. Beliau menerangkan bahawa terdapat peruntukan setiap tahun yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui program ini. Pegawai pertanian menjelaskan bahawa program Azam 1Malaysia itu dikategorikan kepada beberapa bahagian. Salah satu bahagian yang

sering dipohon oleh penduduk tempatan di daerah itu secara keseluruhan ialah program 1Azam Tani iaitu bantuan berasaskan aktiviti pertanian. Namun, menurut pegawai pertanian di daerah tersebut, salah satu kriteria yang dikenakan bagi kelayakan permohonan program tersebut ialah bagi calon nama yang berjaya dalam tapisan statistik e-Kasih yang dibuat oleh pegawai dari Pejabat Daerah Song.

Selain itu, kriteria penting yang ditetapkan ialah mereka melihat kepada potensi kelangsungan bantuan tersebut kepada pemohon. Selain daripada memenuhi syarat e-Kasih, Pegawai dari jabatan pertanian juga diberi kuasa untuk memilih secara rawak bagi rumah panjang atau individu yang layak menerima bantuan berdasarkan potensi produktiviti program bantuan itu sekiranya diberikan kepada individu atau usahasama bagi masyarakat rumah panjang yang dipilih. Faktor lain pula ialah, mereka akan memilih berdasarkan akses dan proses pemantauan mereka. Perkara ini bermaksud, keutamaan diberikan kepada rumah-rumah panjang yang berdekatan dengan pekan Song. Perkara ini disebabkan oleh beberapa aspek yang perlu mereka pertimbangkan. Salah satu daripadanya ialah faktor kos pengangkutan. Mereka perlu memikirkan bahawa, sekiranya projek yang memerlukan pemantauan ketat, maka projek itu akan diberikan kepada penduduk rumah panjang yang dekat dengan kawasan pentadbiran iaitu dekat pekan Song. Bagi rumah panjang yang terletak agak jauh dari pekan Song, mereka diberi projek pertanian yang tidak memerlukan pemantauan ketat. Termasuk juga kepada rumah panjang kawasan kajian. Namun begitu, masyarakat Iban di kawasan kajian mengharapkan agar pihak kerajaan menjadikan program ini sebagai salah satu alternatif utama dalam membantu memperkasakan sumber ekonomi masyarakat Iban di rumah panjang melalui aktiviti pertanian. Perkara ini bermaksud, setiap *bilek-family* di rumah panjang akan mendapatkan bantuan daripada program ini. Hal ini kerana, aktiviti pertanian merupakan antara salah satu aktiviti ekonomi utama masyarakat Iban di kawasan kajian.

4.3.2 Perubahan polisi program pembangunan: Pelawatan pihak kerajaan ke rumah panjang

Polisi atau fokus pembangunan daripada pihak kerajaan turut mempengaruhi pelaksanaan dalam program pembangunan. Contohnya ialah dalam Rancangan Malaysia ke-8 iaitu melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), fokus pihak kerajaan adalah kepada kegiatan pertanian secara kecilan yang mana masyarakat Iban di rumah panjang memperolehi kebaikan daripada program tersebut. Salah satu modul yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam program SPKR ialah membuat pelawatan kepada masyarakat Iban di rumah panjang mewujudkan interaksi antara pihak kerajaan dengan masyarakat Iban di rumah panjang. Melalui interaksi tersebut, ia telah membuka ruang kepada masyarakat Iban dan pihak kerajaan bekerjasama dalam mencapai tujuan yang sama bagi menjayakan projek pembangunan yang dirangka. Perkara ini terbukti bahawa, melalui interaksi tersebut, pihak kerajaan telah memberi tunjuk ajar atau ceramah khususnya dalam mengusahakan kegiatan pertanian yang boleh menjana sumber pendapatan kepada masyarakat Iban di rumah panjang.

Namun begitu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, fokus pihak kerajaan lebih kepada kegiatan ekonomi komersial dan peruntukkan yang mengkhusus kepada pertanian secara kecilan sepertimana yang diusahakan oleh masyarakat Iban di rumah panjang tidak lagi menjadi fokus utama pihak kerajaan. Perkara ini berlarutan dalam Rancangan Malaysia ke-10 apabila masyarakat Iban di rumah panjang yang semakin haus akan alternatif yang boleh menjana sumber pendapatan melalui kegiatan pertanian dijalankan dengan kaedah yang tidak telus. Contohnya ialah melalui pengagihan program 1Azam yang berasaskan pertanian. Syarat-syarat permohonan tidak selaras dengan situasi masyarakat Iban sehinggakan terdapat dalam kalangan mereka merasa terpinggir dalam mendapatkan pengagihan alternatif dari program pembangunan yang dianggap boleh membawa perubahan kepada kehidupan mereka. Hal ini kerana,

terdapat dalam kalangan mereka yang seharusnya layak mendapatkan bantuan, namun permohonan mereka tidak diterima.

Hasil daripada temubual bersama informan, pelawatan pihak kerajaan seperti pegawai pertanian, pegawai kesihatan dan pegawai daerah Song ke rumah panjang sangat mempengaruhi perkembangan aspek sosioekonomi masyarakat Iban di kawasan kajian. Menurut catatan di buku pelawat ketiga-tiga rumah panjang tersebut, sekitar tahun 1995-2005, pegawai kerajaan kerap membuat pelawatan ke rumah panjang atau dikenali sebagai program muhibah. Program muhibah ini memberi ruang interaksi secara terus antara pihak kerajaan. Contohnya ialah seperti pegawai pertanian. Menurut penduduk rumah panjang, pegawai pertanian ini akan meluangkan masa selama tiga hari dalam melaksanakan program muhibah tersebut. Melalui program muhibah ini, penduduk rumah panjang berpeluang untuk menyuarakan permasalahan yang mereka hadapi sebagai masyarakat tani yang tinggal di rumah panjang. Jadi peranan pegawai kerajaan yang datang ialah memberi khidmat nasihat yang berkaitan dengan kegiatan pertanian seperti melibatkan perusahaan kebun lada dan koko. Khususnya teknik-teknik menjaga tanaman lada seperti mengenalpasti kulat-kulat yang boleh merosakkan tanaman lada dan cara mencegahnya. Pegawai pertanian turut memberi khidmat kepada penduduk rumah panjang tentang jenis baja dan racun yang sesuai dalam proses penjagaan tanaman lada mereka. Termasuk juga aktiviti ternakan. Beberapa jenis ternakan yang diperkenalkan oleh pegawai ini kepada masyarakat Iban di rumah panjang seperti membela ikan, ayam dan itik. Sebagai galakkan, pegawai pertanian ini membekalkan anak-anak ikan, ayam dan itik sebagai permulaan kepada perusahaan. Hasil ternakan ini bukan sahaja untuk menghasilkan bekalan protein malah mereka boleh menjual hasil tersebut sebagai sumber pendapatan mereka.

Seorang *ibu* yang dikenali sebagai *Indai Y* yang berusia 45 tahun menyatakan tentang kekerapan kakitangan kerajaan datang ke rumah panjang. Beliau sedikit

sebanyak menyedari tentang pergerakan khususnya pegawai pertanian ke rumah panjang. Menurut beliau sekitar tahun 1995 hingga tahun 2005, pihak pentadbiran kerap datang ke rumah panjang mereka. Contohnya beberapa sekali dalam satu sukuan atau bergantung kepada program pertanian yang dirancang. Antara pegawai kerajaan yang sering datang ke rumah panjang mereka ialah pegawai dari Jabatan Pertanian. Pegawai dari Jabatan Pertanian ini berperanan dalam membantu aktiviti pertanian penduduk di rumah panjang. Di samping itu juga, untuk membantu penduduk rumah panjang dari segi menjana sumber pendapatan, pegawai pertanian ini telah membekalkan anak ikan dan anak ayam. Daripada hasil ternakan akan dijual dan ia telah membantu penduduk rumah panjang dari segi menambahkan sumber pendapatan mereka.

Menurut Encik P pula yang merupakan salah seorang daripada pegawai Penerangan Daerah Song, jabatan mereka telah merancang setiap jadual tahunan pelawatan mereka ke rumah panjang untuk menyampaikan maklumat penting. Nisbah pelawatan mereka ialah tiga kali pada setiap bulan. Namun, apabila peruntukan telah diberikan, maka mereka perlu memperkirakan beberapa aspek yang juga bergantung kepada peruntukan yang telah diberikan. Antaranya ialah kos pengangkutan. Sekiranya mereka tidak ada dana yang cukup, mereka tidak dapat membuat pelawatan terutama kepada rumah panjang yang terletak jauh di hulu sungai kerana kos pengangkutan yang agak tinggi. Selain itu, mereka juga bergantung kepada pergerakan wakil rakyat yang akan membuat pelawatan ke rumah panjang. Contohnya ialah, bagi rumah panjang yang ada menerima bantuan dari segi rancangan pembangunan seperti program berasaskan pertanian, wakil rakyat sekali gus ingin membuat pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan program tersebut.

Dalam tempoh lebih daripada sepuluh tahun berkhidmat di daerah tersebut, beliau berpendapatan bahawa rentak pembangunan yang berlaku di daerah tersebut berada dalam tahap yang sederhana. Masih terdapat kepincangan yang sangat

memerlukan perhatian dari pihak pentadbiran di peringkat atas dalam memastikan masyarakat Iban di daerah itu secara amnya dapat merasai kesejahteraan pembangunan. Salah satu aspek penting menurut beliau ialah pembangunan infrastruktur seperti jalan raya berturap. Jalan raya merupakan salah satu aspek penting di dalam merencanakan lagi pembangunan di kawasan tersebut bagi memudahkan pergerakan. Beliau mengatakan bahawa, sebagai pihak yang bertanggungjawab di dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat Iban di rumah panjang, salah satu aspek yang membataskan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara efektif ialah disebabkan oleh masalah pengangkutan. Menurut beliau, mereka mengalami kesukaran untuk membuat pemantauan dan pergerakan ke kawasan rumah panjang yang jauh di hulu sungai kerana tidak ada jalan raya untuk akses ke kawasan tersebut.

Tambah beliau lagi, dilema yang mereka hadapi ini berlarutan selama bertahun-tahun iaitu sepanjang perkhidmatan beliau sebagai pegawai penerangan di daerah tersebut. Beliau sangat memahami kesusahan penduduk rumah panjang yang tinggal di hulu sungai yang tidak akses kepada jalan raya. Bagi rumah panjang kawasan kajian, mereka jarang mendapat bantuan kerana lokasi rumah panjang yang sangat jauh dari pusat pentadbiran. Jadi pegawai kerajaan seperti pegawai pertanian tidak mahu memberikan projek berasas pertanian yang memerlukan pemantauan kepada penduduk rumah panjang di kawasan kajian disebabkan oleh faktor lokaliti kerana memperkirakan kos pengangkutan sangat tinggi. Menurut pegawai pertanian itu lagi, kos pengangkutan mereka sangat membebankan kerana seringkali apabila mereka membuat pemantauan adalah dengan mengeluarkan perbelanjaan sendiri. Cabaran yang agak memberi kekangan ini menyebabkan pengagihan projek pertanian adalah berdasarkan kepada banyak perkara yang dipertimbangkan. Tetapi pada awal tahun 2017, satu hub pejabat pertanian telah dibuat di kawasan kajian. Pejabat pertanian ini bertujuan untuk

mengoperasikan kegiatan pertanian di kawasan kajian dan seluruh rumah panjang lain yang berdekatan.

Selain daripada isu pelawatan oleh pegawai kerajaan, terdapat juga polisi pihak kerajaan juga dianggap telah membebankan kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Seorang *Aki* yang dikenali sebagai *Aki J*, berusia dalam lingkungan 60 tahun mengatakan bahawa pengenalan kepada Perkhidmatan Cukai dan Pendapatan (GST) oleh pihak pentadbiran beberapa tahun ini telah melonjakkan lagi harga barangan.

Menurut beliau:

Berasai amat pemerinsa kami di rumah panjai ketegal ke bisi GST, rega barang balat amat niki, mata duit makin nadai harga, penatai pemisi sudah amat deka diulih ke kami ke diau ba rumah panjai. (Temubual 1 Julai 2016)

GST tersebut sangat membebankan kerana harga barang semuanya naik. Apabila semua harga barang naik, maka kos kehidupan kami juga semakin bertambah. Wahal, kami yang tinggal di rumah panjang tidak ada sumber pendapatan yang tetap. Situasi seperti ini sangat merunsingkan kami. (Temubual 1 Julai 2016)

Masyarakat Iban di rumah panjang terpaksa berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin tinggi dan perlu memenuhi keperluan yang semakin bertambah seperti persekolahan anak-anak dan cucu mereka. Oleh itu, polisi atau perancangan pembangunan pihak kerajaan yang sentiasa berubah ini secara tidak langsung memberi kesan yang sangat dirasai oleh masyarakat Iban rumah panjang yang tinggal jauh di pedalaman khususnya dilema dalam berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin bertambah. Sementara pula, sumber pendapatan mereka tidak mampu menampung kos sara hidup yang semakin tinggi ekoran daripada tidak ada peluang pekerjaan di rumah panjang sepertimana masyarakat yang tinggal di bandar.

4.3.3 Masalah perhubungan: Sistem komunikasi dan pengangkutan

Masalah pengangkutan merupakan isu utama yang menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan pembangunan di kawasan kajian. Ketiga-tiga rumah panjang ini bukan sahaja belum akses kepada jalan raya yang berturap, malah mereka juga tidak ada sistem komunikasi yang efektif yang dapat menghubungkan mereka dengan dunia luar. Contohnya, untuk mengetahui tentang berita di bandar, mereka hanya bergantung kepada berita-berita yang disalurkan melalui radio yang dinikmati dengan ala kadar sahaja. Hal ini kerana kadangkala rangkaian radio mereka terganggu oleh perkara-perkara yang tidak dijangka seperti apabila hari hujan. Seringkali mereka tidak dapat menerima apa-apa perkhabaran dari luar.

Sememangnya telah dilantik *tuai rumah* untuk mengambil tanggungjawab dalam hal-hal menyampaikan maklumat dari pihak pentadbiran. Namun begitu, mereka juga perlu untuk mempertimbangkan perkara yang mereka mampu lakukan dan tidak mampu lakukan. Contohnya ialah cabaran dari segi kos pengangkutan. Menurut salah seorang *tuai rumah* di kawasan kajian, mereka terpaksa membelanjakan sejumlah kos pengangkutan yang agak membebankan untuk turun ke pekan Song bagi menghadiri sebarang mesyuarat. Meskipun terdapat elaun yang diberikan, beliau berpendapat bahawa ia tetap memberi bebanan kepada mereka dari segi pengangkutan kerana beliau berpendapat bahawa isu pengangkutan bukan satu masalah sekiranya pembinaan jalan raya berturap disalurkan kepada masyarakat Iban di pedalaman setelah lebih lima puluh tahun sebagai negara yang merdeka. Sebagai *tuai rumah* dan masyarakat pedalaman yang terpinggir kerana tidak ada sistem perhubungan yang menghubungkan mereka dengan bandar atau pekan, beliau memberi maklum balas bahawa ketelusan pihak pentadbiran dalam menyalurkan kemudahan yang boleh membawa kehidupan mereka ke arah yang lebih baik adalah dirasakan kurang berjaya. Malah kadang-kala *tuai rumah*

tidak mendapat maklumat tentang mesyuarat yang akan diadakan kerana surat jemputan tidak sampai kepada beliau pada masa yang tepat.

Seorang informan yang dikenali sebagai *Aki K* berusia 60 tahun yang ditemubual turut menyatakan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Iban di rumah panjang kesan daripada masalah perhubungan iaitu tidak ada kemudahan jalan berturap yang sangat mereka impikan sekian lama. Sepanjang usia beliau iaitu semenjak pembentukan Malaysia, perubahan dari segi aspek perhubungan belum lagi dirasakan oleh beliau sebagai masyarakat Iban yang tinggal jauh di pedalaman. Sehingga kini, mereka tidak ada pilihan lain selain daripada jalan air yang terpaksa mengeluarkan sendiri kos pengangkutan yang menelan kos sebanyak RM400 untuk satu perjalanan pergi dan balik dari pekan Song ke rumah panjang. Tujuan perjalanan mereka ke pekan Song adalah dengan harapan tertentu, antaranya ialah untuk memohon bantuan program pembangunan berasaskan pertanian. Namun begitu, kadang-kala dalam urusan mereka memohon program pertanian yang diminta, tidak semestinya permohonan mereka diterima. Berikut merupakan pandangan yang berbaul kekesalan oleh beliau.

Enti kami empu nurun ke pasar Song, kos tambang minyak moto udah berapa. Enti sema baka bisi jalai, angka belanja nya ulih dikurang laban aku empu ningga ari bala ke bekena ke kereta mulai kedirik ke menua. Perintah tok ka mantu, tang mantu alang-alang. Sida ngasuh ngisi borang, tang enda semesti kami ke bulih. Uдах ga tambang nurun ke pasar mar, minta bantu enda ga semesti ea bulih. (Temubual 5 Jun 2016)

Sekiranya kami pergi sendiri ke pekan Song, kos yang diperlukan untuk membeli petrol menelan perbelanjaan yang sangat tinggi. Sekiranya ada jalan mungkin lebih senang sedikit kerana petrol tidak mahal seperti mana yang saya pernah dengar dari mereka yang menaiki pacuan empat roda ke sini melalui jalan kem balak. Lagi pun pihak pentadbiran ini ingin membantu pun bukannya betul-betul ingin membantu. Mereka suruh isi borang untuk membuat sebarang permohonan namun tidak semestinya kami dapat. Sudahlah kos yang di perlukan untuk turun ke pekan semata-mata

mohon bantuan sangat tinggi, tapi tidak semestinya kami dapat bantuan tersebut. (Temubual 5 Jun 2016)

4.3.4 Tidak ada peluang pemasaran

Tidak ada peluang pemasaran hasil pertanian merupakan salah satu punca kegagalan setiap program pembangunan yang dilaksanakan. Menurut perkongsian daripada *Indai Y*, meskipun program tersebut pernah menambahkan sumber pendapatan mereka, ia dianggap kurang berjaya kerana tidak ada kelangsungan dalam program tersebut. Perkara ini bermaksud bahawa, perusahaan tersebut tidak bertahan dalam jangka masa yang panjang dan berterusan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mengenggang. Antaranya ialah, tidak ada peluang pemasaran yang agak terancang untuk setiap pengusahaan. Tambah *Indai Y* lagi, mereka tidak mampu mendapatkan penghasilan yang maksimum dalam perusahaan ternakan disebabkan oleh tidak ada peluang pemasaran yang luas di rumah panjang. Lebih-lebih lagi apabila masing-masing mereka mengusahakan ternakan tersebut pada masa yang sama. Mereka juga tidak ada medium dan tidak tahu tentang cara untuk memasarkan hasil ternakan mereka di pasaran khususnya di pekan Song. Oleh sebab itu, objektif program pembangunan yang bertujuan menambahkan sumber pendapatan kepada masyarakat Iban di rumah panjang belum mencapai tahap yang maksimum.

Dari segi cabaran dalam memasarkan perusahaan kecil-kecilan, ia turut diakui oleh Encik P sendiri sebagai pengawai penerangan di daerah tersebut. Beliau turut merasai dilema yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat Iban di rumah panjang dalam isu-isu seperti ini. Menurut beliau, sekiranya pihak pentadbiran ingin melihat kejayaan dalam program seperti ini, beliau mencadangkan beberapa solusi. Salah satu daripadanya ialah menubuhkan pusat pemasaran hasil pertanian di daerah Song yang terancang. Maksudnya ialah terdapat juga kawalan harga jualan agar pihak perusahaan dan pembeli dapat berkongsi manfaat bersama. Namun, rintangan terpenting yang

seharusnya diselesaikan bagi semua petempatan rumah panjang di daerah tersebut ialah kemudahan perhubungan iaitu menyediakan jalan raya berturap. Menurut beliau, semua usaha kerajaan akan menjadi sia-sia sekiranya masalah pokok ini tidak diselesaikan terlebih dahulu.

4.3.5 Isu dalaman: Kepimpinan di rumah panjang

Isu kepimpinan di rumah panjang antara satu lagi faktor yang menjadi halangan dalam penyampaian maklumat pembangunan kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Sikap lepas tangan *tuai rumah* yang berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang dipukul memberi perbezaan yang ketara terhadap hala tuju kehidupan masyarakat dibawah pimpinan mereka. Diantara ketiga-tiga rumah panjang tersebut, salah satu rumah panjang tidak ada *tuai rumah*. *Tuai rumah* yang dilantik disifatkan sebagai *tuai rumah* yang dilantik atas nama sahaja. Beliau yang diakui sebagai *tuai rumah* di rumah panjang namun tidak tinggal bersama-sama dengan anak-anak buah di bawah pimpinan beliau di rumah panjang. *Aki K* yang berumur 60 tahun mengatakan bahawa keadaan mereka menjadi amat sukar semenjak *tuai rumah* mereka tidak lagi mengambil kisah tentang kebajikan mereka. Antara kesan negatif yang sangat jelas mereka rasai ialah mereka sering ketinggalan dari segi mendapatkan maklumat penting terutama tentang program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Menurut beliau:

Enti kami empu enda nurun ke pasar Song, kami enda nemu nama pengawa pemansang ke diatur perintah. Kami nadai tuai rumah ke ulih madah ke berita pemansang ke benung tauka diberi perintah. (Temubual 5 Jun 2016)

Kalau kami sendiri yang tidak turun ke pekan Song, kami tidak tahu tentang pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran. Kami tidak ada ketua kampung sebagai wakil kepada kami untuk mendapatkan sebarang maklumat tentang bantuan yang dirancang oleh pihak kerajaan. (Temubual 5 Jun 2016)

Beliau menyuarakan tentang kekesalan beliau berkaitan dengan isu atau permasalahan ini. Sikap *tuai rumah* yang lepas tangan dan kemudahan yang terhad membuatkan beliau jauh merenung ke depan tentang nasib-nasib penduduk Iban di rumah panjang untuk beberapa tahun akan datang. *Tuai rumah* yang bertanggungjawab dan ketelusan pihak pentadbiran di dalam memberi bantuan kepada mereka merupakan salah satu perkara yang sangat mereka perlukan sekarang. Tidak ada kesatuan yang erat antara mereka jika dibandingkan dengan dua lagi rumah panjang yang lain kerana masing-masing fokus dengan hal sendiri kerana tidak ada ketua yang mengerakkan mereka. Malah, keadaan rumah panjang mereka juga agak ter bengkalai kerana tidak ada *tuai rumah* yang bertanggungjawab dalam membuat permohonan untuk projek pembaikpulih rumah. Menurut penduduk rumah panjang berkenaan, pihak pentadbiran hanya menerima permohonan pembaikpulih rumah melalui permohonan *tuai rumah* sahaja dan sebagai rakyat biasa mereka tidak ada kuasa untuk memohon projek pembaikpulih rumah tersebut.

Selain daripada masalah kepimpinan peringkat teratas, Jawatankuasa Kesihatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) juga tidak lagi berfungsi dengan sepenuhnya. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah tidak ada calon yang sesuai untuk memikul tanggungjawab tersebut. Menurut *Aki S* yang berusia 60 tahun, yang merupakan antara bekas jawatankuasa tersebut mengatakan bahawa JKKK tidak lagi berfungsi disebabkan ramai ahli dari jawatankuasa sebelumnya tidak lagi tinggal di rumah panjang. Kebanyakan ahli jawatankuasa yang ada kemahiran telah berhijrah ke bandar. Sementara, untuk memberi mandat kepada penduduk rumah panjang yang masih tinggal agak sukar kerana majoriti yang tinggal di rumah panjang pada masa sekarang ialah dalam kalangan yang tidak ada kemahiran seperti menulis dan membaca. Wahal, pada masa kini mereka memahami bahawa keadaan makin mencabar kerana sebagai JKKK mereka perlu menguasai beberapa kemahiran asas seperti menguasai

penggunaan teknologi iaitu menggunakan komputer riba untuk menulis surat dan sebagainya. Oleh sebab itu, peranan JKKK di rumah panjang terkubur begitu sahaja.

4.4 Kesan Pembangunan: Migrasi masyarakat Iban beramai-ramai ke bandar

Selain daripada keberkesanan program pembangunan yang ingin dikupas, kajian turut mendapati bahawa terdapat penemuan baru yang turut menjadi isu yang dibicarakan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Antaranya ialah kesan pembangunan yang telah mengubah beberapa aspek kehidupan masyarakat Iban di kawasan kajian. Pembangunan yang dilihat telah membawa kesan positif dan kesan negatif kepada aspek kehidupan masyarakat Iban di rumah. Antaranya ialah perubahan sosioekonomi masyarakat Iban di rumah panjang, kegiatan sosial di rumah panjang sukar dilaksanakan dan masalah sosial yang telah dikenalpasti.

4.4.1 Perubahan sosioekonomi masyarakat Iban di rumah panjang

Kehadiran pembangunan kepada masyarakat Iban di rumah panjang telah mengubah corak kehidupan khususnya kegiatan sosioekonomi mereka yang merangkumi aspek kegiatan pertanian, perubahan nilai kewangan dan kos sara hidup. Salah satu daripadanya ialah sistem berderau. Sistem berderau merupakan salah satu kaedah pertanian tradisional. Ia juga bermaksud salah satu sistem dalam kegiatan pertanian yang dilakukan secara bersama atau berkumpulan bagi meringankan beban kerja. Sistem ini dilakukan secara bergilir dalam kegiatan bertani bagi satu kelompok yang telah bersetuju untuk bekerjasama sebagai satu pasukan. Oleh kerana kegiatan dilakukan secara berkumpulan, maka secara tidak langsung sistem ini telah menjadi landasan untuk membina dan mengeratkan hubungan antara individu yang bekerjasama sebagai satu pasukan. Salah satu kegiatan pertanian yang mempraktikkan sistem ini ialah kegiatan berhuma oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Namun, pada masa sekarang sistem tersebut menjadi sukar untuk dilaksanakan.

Terdapat beberapa faktor yang menghalang kepada amalan sistem tersebut. Salah satu daripadanya ialah bilangan masyarakat Iban yang masih menjalankan kegiatan berhuma atau melakukan aktiviti pertanian di rumah panjang semakin berkurang. Hal ini disebabkan oleh faktor penghijrahan masyarakat Iban di rumah panjang ke bandar secara berterusan setiap tahun dan masa. Apabila ramai yang meninggalkan rumah panjang, maka bilangan penduduk rumah panjang semakin berkurang. Apabila bilangan penduduk rumah panjang semakin sedikit, maka tenaga kerja juga menjadi kurang. Apabila tenaga kerja semakin berkurang, maka penduduk rumah panjang terpaksa mengecilkan luas kawasan huma mereka. Akibatnya, hasil padi yang mereka kerjakan tidak mampu untuk menampung bekalan beras sebelum sampainya kitaran musim berhuma yang seterusnya.

Perubahan ini menyebabkan perubahan dalam kegiatan pertanian masyarakat Iban di rumah panjang dibandingkan dengan dahulu. Menurut *Aki K*:

Enti baka kelia ucu, kami agi ngena adat berduruk. Nya kebuah kami ulih berumai besai laban ke berbala mayuh alai bersaup ngintu tauka ngereja ke umai. Tang meh diatu, susah amat ka nguna adat nya agi laban mayuh orang enda bumai agi. (Temubual 5 Jun 2016)

Dahulu, kami masih mengamalkan sistem berderau. Itu sebabnya kami mampu untuk mengusahakan huma yang bersaiz besar. Namun, pada masa sekarang, sukar untuk mempraktikan budaya berderau kerana tidak ramai yang berhuma dan perkara ini menyebabkan kami kekurangan tenaga yang dapat mengusahakan huma yang bersaiz besar bersama-sama. (Temubual 5 Jun 2016)

Tambah beliau lagi, sekiranya mereka masih mengamalkan sistem berderau, mereka tidak berhadapan dengan masalah untuk mengerjakan huma yang besar meskipun tanpa bantuan alat teknologi. Malah, hasil huma mereka cukup untuk menampung keperluan beras mereka sepanjang tahun. Namun pada masa sekarang, sistem itu menjadi sukar untuk dipraktikan kerana kekurangan tenaga kerja dalam kalangan mereka. Bilangan

bilek-family yang masih berhuma di rumah panjang pada masa sekarang semakin berkurang. Menurut *Aki L* pula yang merupakan salah seorang ketua rumah panjang. Daripada 20 pintu *bilek-family*, hanya 16 pintu sahaja yang tinggal di rumah panjang dan yang tinggal kebanyakannya ialah warga emas. Sementara yang masih lagi berhuma kurang dari 10 *bilek-family*.

Selain daripada bilangan penduduk rumah panjang yang semakin berkurang yang menyebabkan aktiviti berhuma sukar dilaksanakan, ancaman binatang liar terhadap tanaman mereka turut memberi kesan negatif kepada aktiviti pertanian di rumah panjang. Antaranya ialah ancaman monyet dan babi hutan. Bintang-binatang liar ini telah masuk ke kawasan huma mereka kerana habitat haiwan liar ini telah terancam akibat daripada penerokaan hutan. Oleh sebab itu, padi dan tanaman lain yang diusahakan tidak mendatangkan hasil yang boleh menampung keperluan seperti beras dan tanaman lain yang menjadi sumber makanan mereka. Berikutan daripada cabaran tersebut, masyarakat Iban di rumah panjang semakin kurang untuk berhuma dan bercucuk tanam. *Aki S*, berusia 60 tahun mengatakan bahawa masalah gangguan haiwan liar terhadap kegiatan berhuma kepada masyarakat Iban di rumah panjang membawa permasalahan yang lain iaitu untuk menampung bekalan biji benih padi mereka. Menurut beliau, apabila sering terjadi gangguan hidupan liar ke atas tanaman mereka, mereka tidak mahu untuk berhuma kerana ia tidak membawa pulangan yang baik seperti sebelum ini. Selepas tempoh beberapa tahun tidak berhuma dan mereka ingin berhuma kembali, maka, anak-anak benih padi yang mereka simpan telah rosak. Oleh sebab itu, mereka mengalami kesukaran untuk memulakan lagi kegiatan berhuma setelah beberapa tahun tidak berhuma kerana biji benih padi mereka telah rosak. Permasalahan yang saling berkait antara satu sama lain ini telah mengubah aktiviti sosioekonomi dan kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang secara tidak langsung.

Di samping itu juga, antara kesan berbangkit lain yang turut dikenalpasti oleh penduduk rumah panjang dari segi perubahan sosioekonomi ialah kehidupan yang berasaskan keperluan kewangan. Menurut *Aki K*, pemerhatian beliau sebagai individu yang telah membesar di rumah panjang, terdapat perubahan ketara dalam masyarakat Iban dalam melihat makna nilai kewangan. Contohnya ialah, dari segi hasil buruan. Sebelum sumber kewangan dilihat sebagai satu keperluan penting, hasil buruan mereka akan dibahagikan sama rata antara satu sama lain. Malah, bagi penduduk yang tidak ikut berburu pula terutama warga emas, mereka akan diagihkan bahagian daripada hasil buruan atas dasar belas kasihan. Namun, amalan tersebut semakin jarang diamalkan pada masa sekarang. Sebaliknya, hasil buruan mereka akan dijual bukannya untuk dibahagikan kepada sesama. Dari amalan mengagihkan bahagian hasil buruan kepada warga emas juga amat kurang kerana fokus mereka lebih kepada mendapatkan sumber kewangan. Tambah beliau lagi, setiap pekerjaan yang mereka lakukan di rumah panjang pada masa sekarang adalah mereka lebih mengharapkan upah seperti dalam bentuk kewangan kerana sumber kewangan dilihat sebagai keperluan utama mereka.

Tambah *Aki K* lagi, perubahan daripada sistem kewangan ini juga turut merubah pandangan masyarakat Iban tentang kos dan keperluan hidup. Meskipun mereka tinggal di rumah panjang dan tidak terbeban untuk membayar bil air dan elektrik seperti masyarakat bandar, namun mereka tidak lari dari berhadapan dengan isu kos sara hidup yang semakin bertambah. Contohnya ialah kenaikan harga barang keperluan harian mereka semakin tinggi. Salah satu cabaran yang turut dirasai oleh mereka ialah dengan pelaksanaan Perkhidmatan Cukai dan Barangan (GST) menyebabkan harga barang bukan sahaja naik malah harga petrol juga turut naik. Contohnya ialah, kos pengangkutan yang mereka perlukan untuk turun ke pekan Song telah menelan kos sejumlah RM400 untuk membeli petrol sahaja. Disebabkan terpaksa bergantung kepada sungai sebagai pengangkutan utama, mereka tidak ada pilihan selain terpaksa

mengeluarkan perbelanjaan yang lebih sekiranya terdapat isu-isu kecemasan seperti sakit dan juga membeli keperluan harian mereka ke pekan Song ataupun apa sahaja keperluan pengangkutan yang melibatkan enjin sangkut. Perkara ini membawa kesinambungan kepada permasalahan mereka dari segi memperoleh sumber pendapatan sebagai masyarakat yang tinggal rumah panjang yang tidak ada perolehan pendapatan tetap pada setiap bulan.

Aki S yang berusia dalam lingkungan 60 tahun turut mengupas beberapa cabaran yang dihadapi masyarakat Iban di rumah panjang terutama di dalam memperoleh sumber pendapatan. Beliau berpendapat bahawa sumber pendapatan di rumah panjang sangat terhad. Hal ini kerana, tidak ada peluang pekerjaan yang banyak di rumah panjang jika dibandingkan dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Sebagai seorang penduduk di rumah panjang, salah satu alternatif yang beliau lakukan untuk menambahkan sumber pendapatan ialah dengan mengambil upah membuat perahu. Namun begitu, pendapat bulanan beliau tidak menentu kerana ia bergantung kepada permintaan para pelanggan. Sementara bayaran setiap perahu yang beliau kenakan pula bergantung kepada saiz perahu yang pelanggan beliau mahu. Contohnya bagi perahu panjang yang berukuran 5 & 6 kaki, beliau kenakan harga RM800, perahu panjang yang berukuran 4 kaki ialah RM700. Tempoh masa yang beliau perlukan untuk membuat sebuah perahu ialah selama 9 hingga 10 hari. Di samping itu juga, ia bergantung kepada keadaan cuaca dan juga bergantung kepada masa kelapangan mereka. Sekiranya mereka sibuk, maka proses membuat perahu itu menjadi lama.

Isu tentang kekangan masa dalam fokus kepada perusahaan ini menjadi satu isu yang turut menjadi perkiraan beliau. Disebabkan oleh beliau antara penduduk rumah panjang yang masih lagi berhuma, maka hal kelapangan menjadi satu aspek yang perlu beliau pertimbangkan. Beliau juga berpendapat, bagi menambahkan pendapatan di rumah panjang, ia sangat bergantung kepada usaha dan minat seseorang individu yang

mengusahakan sesuatu perkara. Sekiranya mereka ada minat dan rajin, maka setiap usaha akan membuahkan hasil. Menurut beliau, bagi masyarakat rumah panjang yang punya kemahiran seperti beliau, mereka mampu menambahkan sumber kewangan. Beliau mengakui tentang kepentingan kemahiran kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Antaranya ialah berkemahiran membuat perahu, membaiki rumah dan kemahiran hidup yang lain. Namun begitu, beliau juga ada memperkirakan tentang individu yang tinggal sebatang kara seperti yang sudah tua, mereka ini merupakan golongan yang pastinya tidak ada sumber pendapatan lebih selain dariada bergantung kepada pemberian anak-anak yang tinggal di bandar.

4.4.2 Kegiatan sosial di rumah panjang sukar dilaksanakan

Dalam aspek sosial, migrasi masyarakat Iban dari rumah panjang ke rumah panjang turut memberi kesan yang amat ketara. Menurut *Aki L* yang berumur 60 tahun merupakan salah seorang tuai rumah di kawasan kajian berkongsi tentang cabaran yang beliau hadapi dalam memastikan kerukunan dan kesatuan penduduk rumah panjang setelah migrasi ini. Beliau mendapati bahawa matlamat untuk mencapai kesatuan dalam setiap kegiatan sosial di rumah panjang pada masa sekarang menjadi semakin mustahil. Salah satu daripadanya ialah kegiatan bergotong-royong seperti membersihkan kawasan rumah panjang ataupun sekiranya berlaku kematian. Perkara yang dianggap ringan pada suatu ketika dahulu, namun ia menjadi satu bebanan kepada mereka pada masa sekarang kerana beban kerja menjadi berat apabila bilangan penduduk yang masih tinggal di rumah panjang semakin berkurang. Contohnya ialah apabila beliau berhasrat untuk menjalankan aktiviti seperti pertanian yang berskala besar yang diusahakan bersama-sama oleh semua penduduk rumah panjang menjadi sukar kerana majoriti yang tinggal di rumah panjang ialah golongan warga emas yang sudah tidak mampu mengejakan perkara-perkara yang berat. Menurut beliau, situasi ini sangat berbeza dengan situasi apabila bilangan penduduk di rumah panjang masih ramai pada suatu ketika dahulu.

Apabila tenaga kerja cukup dalam mengusahakan aktiviti pertanian maka setiap perkara menjadi ringan. Antaranya ialah mereka pernah mengusahakan ternakan seperti ternakan kambing, ayam dan itik di bawah program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebelum ini. Malah, aktiviti pertanian yang mereka usahakan bersama telah menghasilkan keuntungan yang dapat mereka nikmati bersama-sama.

Tambah beliau lagi, terdapat juga golongan muda cuba membuat aktiviti untuk menambahkan sumber pendapatan bagi masyarakat yang tinggal di rumah panjang. Contohnya ialah dari segi perusahaan pertanian. Namun, mereka menghadapi masalah peluang pasaran dan faktor lain yang mengenggang seperti masalah pengangkutan. Pada akhirnya, mereka terpaksa berhijrah ke bandar untuk mendapatkan mencari pekerjaan bagi menyara kehidupan mereka. Oleh sebab itu, ramai dalam kalangan golongan muda meninggalkan rumah panjang kerana di rumah panjang tidak ada peluang pekerjaan yang boleh menjana sumber pendapatan mereka secara konsisten pada setiap bulan.

Tambah beliau lagi, kemeriahan kehidupan di rumah panjang pada masa sekarang juga kian hambar. Contohnya ialah apabila menjelang musim perayaan seperti Hari Gawai. Perayaan tidak semeriah dahulu kerana bilangan penduduk yang ada di rumah panjang sangat sedikit. Antara faktor yang mereka kongsi ialah, terdapat sebilangan besar masyarakat rumah panjang yang telah berhijrah ke bandar tidak dapat pulang kerana masalah tertentu. Contohnya ialah, tidak cukup perbelanjaan untuk pulang bagi merayakan hari Gawai kerana kos balik kampung sangat tinggi. Faktor utama yang mereka persetujui ialah tidak ada akses kepada jalan raya yang berturap sementara kos pengangkutan air yang tinggi dan keadaan sungai yang sangat berbahaya.

Permasalahan ini dipertimbangkan oleh individu yang tinggal di bandar yang berhasrat untuk balik kampung bagi merayakan Hari Gawai. Contohnya, apabila memikirkan untuk membawa anak-anak kecil menaiki perahu, lebih-lebih lagi anak-anak yang tidak pandai berenang. Perkara ini menjadi isu penting yang difikirkan oleh

mereka kerana pengawasan keselamatan sungai di kawasan kajian terutama pemakaian jaket keselamatan sangat kurang. Oleh itu, apabila memikirkan faktor keselamatan dan kos balik kampung yang tinggi, kebanyakan penduduk rumah panjang yang telah berhijrah ke bandar mengambil keputusan untuk tidak balik ke rumah panjang apabila musim perayaan.

4.4.3 Masalah sosial di rumah panjang

Masalah sosial dalam kalangan golongan muda di rumah panjang turut menjadi isu penting. *Aya S* yang berusia 50 tahun yang tinggal satu rumah panjang dengan *Aki K* turut menegaskan tentang beberapa aspek negatif yang menular di rumah panjang terutamanya perubahan dalam kalangan generasi muda yang tinggal di rumah panjang terutama yang masih bersekolah. Masalah sosial yang sangat mempengaruhi mereka adalah seperti berjudi, minum *tuak* dan merokok yang tidak membawa keuntungan kepada kehidupan mereka sekiranya ia tidak dikawal. Dalam hal ini, beliau bukan sahaja mempertikaikan peranan ibu bapa di dalam mendidik anak-anak mereka, malah beliau menegaskan bahawa belum ada kesedaran daripada *tuai rumah* dalam menegur perkara ini. Menurut *Aya S* yang berusia 50 tahun dan *Aki K* yang berusia 60 tahun.

Jauh terpawal pengidup kelebihan agi nemiak rebak baru diatu laban pengawa ngirup. Apai indai ke dikarap ulih nagang anak, tang diri empu ke ngirup bakani ka meri chunto ke manah ngagai bala anak. (Temubual 12 Jun 2016)

Budaya minum minuman keras dalam kalangan generasi muda di rumah panjang semakin sukar untuk dikawal. Tambahan lagi, ibu bapa tidak menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak yang mana mereka juga turut minum minuman keras tidak memberi teladan yang baik kepada anak-anak mereka. (Temubual 12 Jun 2016)

Pengudah ke bala mayuh enda ngereja pengawa berumai-bertaun diatu, ngejung ke bala orang di rumah panjai nadai pengawa ke ka dikereja. Nya

kebuah, lebu nadai pengawa, sida ngirup arak, ngirup tuak. (Temubual 12 Jun 2016)

Setelah ramai bilangan masyarakat Iban di rumah panjang tidak lagi berhuma, perkara ini menyebabkan mereka terlalu banyak masa terluang. Ini menyumbang kepada budaya minum minuman keras di rumah panjang hampir setiap hari. (Temubual 12 Jun 2016)

Budaya minum *tuak* yang setiap hari di rumah panjang merupakan satu budaya yang kurang sihat ekoran daripada tidak ada aktiviti yang lebih berfaedah. Keadaan ini akan menjadi semakin serius bila ia turut berlaku dalam kalangan generasi muda yang masih bersekolah. Ibu bapa yang menjadikan budaya minum minuman keras sebagai rutin harian di rumah panjang telah memberi teladan yang tidak baik kepada anak-anak mereka. Terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti yang menyumbang kepada permasalahan ini. Salah satu daripadanya ialah apabila ramai dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang pada masa sekarang tidak lagi berhuma, maka masa terluang mereka menjadi semakin banyak. Ekoran dari itu, mereka mengisi masa terluang ini dengan aktiviti-aktiviti seperti ini. Budaya ini mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan sosial masyarakat Iban di rumah panjang. Kalau dahulu, kegiatan minum ini agak terkawal kerana masing-masing masih berkebum dan berhuma. Disebabkan tidak ada aktiviti lain yang dapat mengisi masa lapang mereka pada masa sekarang, maka ia telah diisi dengan kegiatan minum *tuak* hampir setiap hari.

Budaya yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang ini khususnya dalam kalangan ibu bapa menyebabkan kebajikan anak-anak terabai di samping telah memberi contoh yang tidak baik kepada anak-anak. Ekoran dari itu, masalah ini telah menularkan masalah-masalah sampingan yang memberi keburukan kepada anak-anak. Contohnya tidak ada kesedaran dalam kalangan ibu bapa dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak menyebabkan masalah keciciran pelajaran

berlaku dalam kalangan generasi muda di rumah panjang walaupun sekolah rendah hanya terletak di seberang rumah sahaja.

4.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, merujuk kepada empat proses dalam pembangunan iaitu dari segi perancangan (*planning*), pelaksanaan (*implemantation*), pengawasan (*monitoring*) dan faedah yang dikongsi bersama (*benefit sharing*). Penerimaan proses pembangunan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian ialah berada di tahap pelaksanaan (*implemantation*) iaitu melalui program-program pembangunan yang disalurkan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Namun begitu, proses pelaksanaan tersebut belum mencapai objektif sepertimana yang telah dirancang. Beberapa faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku yang melibatkan tanggungjawab pihak atasan iaitu pihak kerajaan dalam melakukan proses *implemantation* serta kekangan yang sangat jelas seperti kelemahan penerimaan pembangunan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Khususnya ialah masyarakat di kawasan kajian masih ketinggalan dalam mendapatkan kemudahan infrastruktur asas pembangunan seperti jalan raya berturap dan kemudahan elektrik serta jaminan dalam memperoleh sumber pendapatan. Malah, respon masyarakat Iban terhadap setiap program pembangunan yang diberikan kepada mereka sangat mempengaruhi keberhasilan program pembangunan tersebut.

Salah satu kepincangan yang disebabkan oleh kelemahan dalam proses pelaksanaan pembangunan di ialah maklumat pembangunan tidak jelas dan ketirisan pengagihan projek pembangunan. Menurut kepada kajian yang pernah dibuat oleh Kwok (2014), antara faktor-faktor yang menyebabkan rentak pembangunan di rumah panjang tidak sampai ialah kebanyakan pengetahuan penduduk rumah panjang tentang pengenalan mereka kepada program pembangunan seperti Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) berada pada tahap sederhana. Perkara ini terbukti benar

kerana telah dikenalpasti terdapat dalam kalangan masyarakat rumah panjang tidak tahu program atau projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran.

Selain itu, perubahan polisi dalam program pembangunan telah mengubah fokus dan hala tuju perancangan pembangunan kerajaan khususnya dalam kegiatan ekonomi. Perubahan ini menyebabkan aktiviti pelawatan atau pemantauan pihak kerajaan terhadap kegiatan pertanian masyarakat di pedalaman tidak dapat dilaksanakan oleh pegawai kerajaan yang berkenaan. Bagi masyarakat Iban, pelawatan pihak kerajaan ke rumah mereka merupakan salah satu cara untuk mereka berinteraksi secara terus dengan pihak kerajaan. Secara tidak langsung, ia akan memberi dorongan kepada mereka untuk mengusahakan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian yang boleh menjana sumber pendapatan mereka. Masyarakat Iban menjadi yakin dan percaya serta merasa terjamin sekiranya pihak kerajaan turut turun padang dalam menyokong kegiatan ekonomi mereka mereka di rumah panjang.

Masalah ketinggalan dalam penerimaan infrastruktur seperti sistem komunikasi dan pengangkutan bukan sahaja menjadi satu gambaran bahawa masyarakat di kawasan kajian masih ketinggalan jauh dari segi pembangunan, malah kelemahan ini menjadi kekangan besar kepada pertumbuhan pembangunan itu sendiri. Antaranya ialah tidak ada jalan raya berturap yang memudahkan pergerakan untuk menjalankan aktiviti seharian. Malah, kedudukan mereka yang sangat jauh dari pekan Song menyukarkan mereka mendapatkan maklumat berkaitan dengan program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran. Selain itu, cabaran yang dihadapi sendiri oleh *tuai rumah* dan isu *tuai rumah* yang gagal menjalankan tanggungjawab sebagai perantaraan masyarakat rumah panjang dengan pihak pentadbir turut menyumbang kepada faktor yang menyebabkan pelaksanaan program pembangunan di kawasan kajian kurang berkesan.

Di samping itu juga, pembangunan turut membawa perubahan dan cabaran kepada masyarakat rumah panjang pada masa sekarang. Perubahan dan cabaran ini seperti serampang dua mata iaitu membawa kebaikan dan keburukkan kepada kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Antaranya ialah migrasi masyarakat Iban di rumah panjang secara beramai-ramai ke bandar telah menyebabkan bilangan penduduk yang tinggal di rumah panjang semakin sedikit. Perubahan kepada aspek ini turut memberi kesan kepada aspek yang lain. Contohnya ialah kegiatan pertanian seperti berhuma semakin sukar dijalankan. Salah satu aktiviti sosial yang suatu ketika dahulu menyatukan masyarakat Iban dalam kegiatan bertani ialah sistem berderau sukar dilakukan dalam konteks kehidupan masyarakat Iban pada masa sekarang.

Kesan yang kedua ialah kegiatan sosial di rumah panjang sukar dijalankan seperti kegiatan bergotong-royong kerana bilangan penduduk yang masih tinggal adalah sedikit. Malah kebanyakan daripada mereka ialah warga emas yang tidak mampu mengerjakan pekerjaan yang berat. Di samping itu juga, pembangunan telah menyebabkan masalah sosial di rumah panjang berlaku. Hal ini kerana, akibat daripada aktiviti pertanian seperti berhuma tidak dapat lagi dijalankan menyebabkan masa terluang di isi dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti minum *tuak* setiap hari. Oleh hal demikian, masyarakat Iban di kawasan kajian menuntut pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan permasalahan yang sebaiknya juga digali dari akar umbi. Hal ini kerana, masyarakat Iban menerima baik setiap program pembangunan yang dibawa oleh kerajaan kepada mereka. Namun mereka berhasrat agar pada peringkat pelaksanaan tidak sekadar melepaskan batuk di tangga. Daripada pembangunan yang telah mereka terima, masyarakat Iban di kawasan kajian turut mempunyai aspirasi pembangunan sendiri yang boleh mengubah kehidupan kepada keadaan yang lebih baik.

BAB 5: DEFINISI DAN ASPIRASI PEMBANGUNAN MASYARAKAT IBAN

5.1 Pengenalan

Pendekatan yang dikemukakan oleh Sen (1999) iaitu pembangunan adalah kebebasan menekankan bahawa sesebuah masyarakat bebas untuk memilih atau menentukan pembangunan yang mereka perlukan di dalam hidup. Melalui hukum utama ini, ia akan menjadi syarat utama kepada tuntutan aspek-aspek lain yang dikenali sebagai prinsipal instrumen. Aspek prinsipal instrumental ini terdiri daripada beberapa aspek iaitu kebebasan dari aspek politik, peluang ekonomi, jaminan sosial, dan jaminan mendapatkan hak yang jelas. Kebebasan aspek politik merujuk kepada masyarakat bebas untuk memilih pemimpin dan menentukan corak politik yang dikehendaki. Kedua ialah peluang ekonomi: merujuk kepada setiap individu berhak menggunakan sumber bahan mentah untuk keperluan dan peningkatan ekonomi yang akan menyumbang kepada pemerikasaan taraf hidup.

Aspek ketiga ialah jaminan sosial: cara masyarakat menyusun kehidupan sosial untuk mendapatkan pendidikan, kesihatan dan lain-lain bagi membolehkan mereka menikmati serta dapat memenuhi keperluan setiap aspek kehidupan dan aspek terakhir ialah jaminan hak yang jelas dan hak untuk mendapat perlindungan hidup (*protective security*): apabila masyarakat merasakan diri mereka berada di lingkungan sosial yang selamat sepanjang masa iaitu nyawa mereka tidak diperjudikan dalam menangani tuntutan dunia. Kesemua aspek kebebasan ini memberi kemampuan kepada sesebuah masyarakat untuk menyuarakan aspirasi pembangunan menurut acuan mereka sendiri. Sen (1999) mendefinisikan aspirasi sebagai antara aspek sasaran atau *goal* yang ingin dicapai berdasarkan tiga keraguan yang berbeza yang terdiri daripada manusia mempunyai pelbagai pilihan, manusia ada keupayaan untuk mendapatkan apa yang diinginkan yang juga sepatutnya dimiliki, indeks ketiga pula julat norma dan nilai serta sikap yang diukur berdasarkan menghormati kepelbagaian norma dan nilai serta sikap sebagai satu hak kebebasan individu bagi menyuarakan kehendak mereka.

Pendekatan pembangunan adalah kebebasan menurut Sen (1999) amat bertepatan dengan masyarakat Iban rumah panjang yang tinggal di pedalaman. Kebebasan sebagai syarat utama menurut Sen (1999) dapat memberi peluang kepada masyarakat Iban di rumah panjang untuk menyuarakan aspirasi pembangunan menurut keperluan mereka sendiri kerana mereka lebih memahami keperluan pembangunan yang diperlukan. Hasil kajian mendapati aspirasi pembangunan masyarakat Iban di rumah panjang yang melibatkan beberapa aspek yang dapat mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Antaranya ialah merangkumi keupayaan mereka untuk memperolehi pendapatan bulanan secara konsisten, dapat menikmati pembangunan infrastructures seperti jalan raya berturap, kemudahan elektrik dan kemudahan telekomunikasi, jaminan dari segi pendidikan dan juga keupayaan untuk memperkukuhkan dan mempertahankan identiti dan jati diri yang mereka pegang iaitu tanah adat mereka.

Berikut merupakan aspirasi pembangunan menurut masyarakat Iban di rumah panjang ekoran daripada perubahan yang telah dibawa oleh pembangunan. Menurut *Ini B* yang berusia 60 tahun.

Pemansang kami dibai bala anak laban sida ea bisi sekula lalu senang bulih pengawa di negeri ngiga anak belanja. (Temubual 1 Jun 2016)

Pembangunan menurut kami ialah pembangunan yang disebabkan oleh anak-anak yang ada pendidikan akademik yang melayakkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang setimpal di bandar. (Temubual 1 Jun 2016)

Pembangunan menurut mereka ialah disebabkan oleh pendidikan. Tambah *Aki L* yang berusia 60 tahun pula:

Reti pemansang ba pengidup kami di rumah enti jalai ulih digaga ngambi meri penyenang ngagai kami deka bejalai kini-kitu. (Temubual 25 Jun 2016)

Pembangunan menurut kami ialah sekiranya kami dapat menikmati kemudahan jalan raya berturap yang memudahkan pergerakan kami. (Tembual 25 Jun 2016)

Jalan raya yang berturap merupakan kunci pembangunan kepada masyarakat Iban di rumah panjang kerana kemudahan jalan raya dapat memudahkan pergerakan mereka.

Menurut *Apai A* yang berusia 50 tahun pula, jaminan yang jelas ke atas perolehan pendapatan bulanan merupakan salah satu aspek pembangunan menurut mereka.

Reti pemansang ba pengidup kami rumah panjai enti kami terulih ke penatai pemisi ke tetap tiap bulan. (Temubual 1 Jun 2016)

Pembangunan bermaksud apabila kami mampu memperolehi sumber pendapatan yang tetap setiap bulan. (Temubual 1 Jun 2016)

Luahan di atas menyatakan tentang definisi dan cita-cita pembangunan menurut masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang adalah bersifat holistik. Antaranya ialah daripada apa yang telah mereka nikmati dan juga tuntutan dalam pembangunan mengikut keperluan semasa. Oleh itu, kajian telah meneroka secara mendalam tentang aspirasi pembangunan masyarakat Iban di kawasan kajian.

5.2 Definisi pembangunan menurut konteks masyarakat Iban

Setiap individu mempunyai pendapat yang tersendiri dalam mengertikan pembangunan bagi kehidupan mereka. Antaranya ialah pengalaman hidup yang lampau akan mempengaruhi pandangan setiap individu dalam mendefinisikan pembangunan. Menurut pandangan atau ulasan yang telah diberikan oleh mereka, terdapat beberapa definisi pembangunan yang telah dikenalpasti. Pembangunan menurut mereka ialah faktor pendidikan akademik menjadi kayu ukur yang telah mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik terutama kepada generasi anak-anak mereka. Pembangunan juga bagi mereka ialah peranan pihak kerajaan dalam menyalurkan kemudahan infrastruktur dan pembangunan juga diertikan sebagai perubahan hidup ke arah yang lebih baik daripada yang sebelumnya.

5.2.1 Pembangunan adalah satu perubahan hidup ke arah yang lebih baik

Kesempitan kehidupan dahulu menyebabkan masyarakat Iban di rumah panjang sangat menghargai setiap perubahan terutamanya perubahan tersebut mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik dari sebelumnya. Menurut *Indai G* yang berusia 60 tahun:

Ketegal ari pengidup diatu diasai jauh lebih nyamai enti dibanding ke enggau pengidup kami 40 taun kelia ucu, nya meh reti pemansang ba kami. Enda ga ngumbai cukup lantang, tang meh jauh nyamai enti dibanding enggau kelia. (Temubual 25 Jun 2016)

Perubahan kehidupan yang lebih baik pada masa sekarang jika dibandingkan dengan kehidupan kami 40 tahun dahulu, tidaklah semakmur seperti yang dimahukan namun ia lebih baik jika dibandingkan dari kehidupan dahulu. (Temubual 25 Jun 2016)

Beliau mengatakan bahawa kehidupan di rumah panjang pada masa sekarang lebih baik jika dibandingkan dengan 40 tahun yang lampau. Antaranya ialah dari segi kegiatan ekonomi. Empat puluh tahun yang lampau mereka menoreh getah untuk mendapatkan sumber kewangan dengan harga 30 sen sekati, 50 sen sekati dan 90 sen sekati yang mana menurut beliau tidak cukup untuk menampung keperluan anak-anak beliau yang masih bersekolah lebih-lebih lagi pada masa itu status beliau sebagai ibu tunggal. Oleh itu, bagi menambahkan perbelanjaan persekolahan anak-anak dan perbelanjaan harian, beliau mengambil upah mengerjakan huma orang lain sekiranya ditawarkan. Pada masa itu, kadar upah yang diberikan ialah dari RM 5.00 hingga RM 10.00 sehari. Namun begitu, kadar upah itu tidak dapat memberi jaminan kewangan kepada keluarga beliau pada waktu itu kerana kadar perolehan adalah tidak menentu iaitu bergantung kepada peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Implikasi daripada perkara tersebut ialah anak-anak beliau tidak cukup perbelanjaan untuk bersekolah dan menyebabkan mereka tidak mahu bersekolah dan

keciciran dalam pelajaran. Menurut beliau, daripada kelima-lima anak beliau yang bersekolah, kebanyakan mereka tidak menamatkan tempoh persekolahan hingga ke tingkatan 5. Tahap pendidikan anak-anak beliau yang paling tinggi ialah setakat tingkatan 3. Namun pada usia beliau sekarang ini, anak-anak sudah membesar dan beliau tidak ada tanggungan lagi. Sesekali-sekala anak-anak yang bekerja di bandar mengirimkan perbelanjaan bulanan kepada beliau. Perkara ini sedikit sebanyak meringankan beban perbelanjaan beliau. Di samping itu, beliau turut menerima duit pampasan tanah yang diteroka oleh peneroka dalam kadar setahun sekali. Duit pampasan itu sebagai ganti-rugi kepada tanah adat milik mereka yang diteroka. Masyarakat rumah panjang di kawasan kajian mengatakan bahawa ia adalah duit *menua kongsi*. Pampasan ini diberi kepada mereka setiap setahun sekali.

5.2.2 Perubahan kehidupan yang dibawa oleh anak-anak yang ada pendidikan akademik

Seorang warga emas iaitu *Ini B* berumur 60 tahun memberikan ulasan bahawa pendidikan telah mengubah kehidupan anak-anak beliau dari terutama untuk mendapatkan peluang pekerjaan khususnya di bandar. Disebabkan oleh anak-anak ada pendidikan asas, mereka telah berhijrah ke bandar bagi mencari pekerjaan dan setiap bulan mereka akan memperolehi pendapatan yang tetap. Sekali-sekala anak-anak beliau akan mengirimkan wang perbelanjaan kepada beliau di rumah panjang dan beliau akan menggunakan duit kiriman tersebut untuk membeli keperluan asas yang diperlukan.

Menurut beliau:

Gaya pengidup di rumah panjai diatu ucu jauh lebih nyamai enti dibanding enggau kelia. Enti baka kelia chukup ea pemerinsa kami ucu. Berbeli ke gula pen enda ulih laban enda cukup anak sen. (Temubual 1 Jun 2016)

Kehidupan di rumah panjang pada masa sekarang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan dahulu. Kehidupan dahulu sangat naif. Untuk membeli keperluan asas seperti gula pun tidak mampu. (Temubual 1 Jun 2016)

Beliau mengatakan bahawa perubahan hidup yang telah dibawa oleh pembangunan ialah apabila anak-anak beliau ada pendidikan akademik. Berbekalkan pendidikan akademik yang ada, ia telah memudahkan anak-anak mendapatkan peluang pekerjaan di bandar dan mendapatkan sumber kewangan yang lebih terjamin. Perkara tersebut diakui merupakan salah satu pencapaian dalam kehidupan beliau dan juga kepada masyarakat Iban lain. Beliau membuat perbandingan berdasarkan kepada pengalaman beliau sendiri. Beliau menceritakan bahawa ketika beliau berumur dalam lingkungan dua puluh tahun, beliau telah mendirikan rumah tangga. Menurut beliau dalam tempoh masa tersebut merupakan peringkat kehidupan yang sangat mencabar di dalam membesarkan anak-anak kerana kemiskinan hidup. Contohnya ialah, keluarga beliau tidak mampu untuk membeli keperluan asas utama termasuk makanan seperti gula. Namun kesempitan hidup tersebut sudah diatasi apabila anak-anak beliau telah berhijrah dan bekerja di bandar dan mendapatkan peluang pekerjaan dengan kelayakan akademik yang mereka perolehi. Menurut beliau lagi:

Laban ke udah bisi pelajar baka nemu maca enggau nulis serta nemu surat. Nya kebuah bala anak ulih ke negeri ngiga pengawa ke ulih ditampi diri empu. Bisi ga alai berpinta ke anak belanja lebu ke suntuk diau di rumah panjai. Enti kami suba ucu, merinsa udu laban enda nemu surat laban ke enda kala sekula. (Temubual 1 Julai 2016)

Generasi anak-anak kami yang ada pendidikan akademik menyebabkan mereka mampu untuk memperolehi pekerjaan di bandar berdasarkan kelulusan yang ada. Tidak seperti zaman kami dahulu yang buta huruf. (Temubual 1 Julai 2016)

Seorang lagi informan yang juga berusia 60 tahun yang dikenali sebagai *Aki S* turut mempunyai pendapat yang sama. Salah satu aspek yang memacu kepada perubahan tersebut ialah kebanyakan generasi muda dari rumah panjang pada masa sekarang memiliki pendidikan akademik. Menurut beliau:

Bala rebak baru ke udah disikap enggau pelajar di sekula cukup ea mai pemanah laban ari pengawa sekula nya udah ngubah pengidup sida ea.

Ambi ke chunto, sida ea nyamai ngiga pengawa ke ulih ditapi diri di negeri.

(Temubual 1 Julai 2016)

Generasi pada masa sekarang telah dibekalkan dengan akademik menyebabkan mereka mampu untuk bersaing mendapatkan pekerjaan di bandar. (Temubual 1 Julai 2016)

Melalui kelulusan akademik, ia telah memberi ruang kepada mereka untuk memilih peluang pekerjaan yang lebih banyak, sama ada di sektor kerajaan, sektor swasta dan juga peluang pekerjaan lain yang tersedia di bandar. Pekerjaan ini memberi jaminan kepada mereka untuk mendapatkan sumber kewangan. Oleh itu, secara tidak langsung pendidikan diakui antara jentera yang telah mengubah kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang ke arah yang lebih baik.

5.2.3 Keupayaan menikmati kemudahan infrastruktur yang sedia ada

Keupayaan dalam menikmati kemudahan infrastruktur yang sedia ada merupakan maksud pembangunan dalam konteks masyarakat Iban di rumah panjang. Menurut *Ini B* yang berusia 60 tahun, terdapat beberapa kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada mereka. Antaranya ialah kemudahan klinik kesihatan dan sekolah rendah yang berdekatan dengan rumah panjang. Berhampiran mereka juga dibina Taska dan Pusat Sumber. Pusat Sumber mereka juga turut dibekalkan dengan kemudahan internet yang menggunakan tenaga solar. Menurut beliau, semua kemudahan ini merupakan salah satu cerminan bahawa taraf kehidupan mereka menjadi lebih baik jika dibandingkan dengan empat puluh tahun yang lalu. *Ini B* mengatakan bahawa peranan pihak kerajaan dianggap penting kerana telah membawa perubahan kepada kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

Kenyataan tentang kehidupan rumah panjang lebih baik jika dibandingkan dengan kehidupan dahulu turut disokong oleh beberapa penduduk rumah panjang yang lain. Antaranya ialah *Aya L* yang berusia dalam lingkungan 50 tahun yang tinggal bersama dengan isteri beliau. Salah satunya ialah melalui projek-projek pembangunan

seperti Projek Kecil Luar Bandar (MRP) seperti bantuan memperbaiki membuat rumah panjang dari oleh daripada pihak kerajaan. *Indai T*, balu seorang tentera yang berusia dalam lingkungan 60 tahun turut mengatakan pendapat yang sama bahawa kehidupan sekarang lebih baik jika dibandingkan dengan dahulu. Menurut beliau, sewaktu beliau berusia 12 tahun, mereka menoreh getah sebagai sumber pendapatan mereka. Namun sekarang, disebabkan oleh faktor usia yang semakin meningkat, beliau tidak berupaya untuk menoreh getah seperti dahulu. Sekarang beliau hanya bergantung kepada duit pencen mendiang suami beliau yang pernah berkhidmat sebagai anggota tentera untuk menampung perbelanjaan bulanan yang sebanyak RM 300 sebulan.

Menantu beliau iaitu *Apai I*, yang berusia dalam lingkungan akhir 40 tahun bersetuju tentang pernyataan mengatakan bahawa kehidupan sekarang jauh lebih baik daripada kehidupan dahulu. Contohnya ialah, bantuan pihak pentadbiran dari segi membaikpulih rumah panjang sedikit-sebanyak telah meringankan beban mereka. Selain itu, beliau juga telah menikmati beberapa kemudahan infrastrukturnya yang sedia ada merupakan pencapaian pembangunan yang telah direalisasikan oleh pihak kerajaan. Contohnya ialah seperti kemudahan klinik dan sekolah.

Meskipun mereka telah menikmati kemudahan yang sedia ada, masih terdapat juga kelemahan dari segi pelaksanaan pembangunan yang berlaku. Oleh itu, terdapat juga definisi pembangunan yang disuarakan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian ekoran daripada kelemahan dalam pelaksanaan pembangunan tersebut. Seorang *aki* iaitu *Aki L* yang berusia dalam lingkungan 60 tahun merupakan salah seorang ketua rumah panjang kawasan kajian mempunyai ulasan beliau sendiri tentang kelemahan dalam pelaksanaan pembangunan. Menurut beliau:

Pemansang bisi meh dipeda, diasai, tang meh enda cukup. Ambi ke chunto baka karan, tali paun enggau jalai alun. Nya ke dikedeka kami orang rumah panjai diatu. (Temubual 10 Julai 2016)

Kami memang ada merasai pembangunan daripada apa yang telah pihak kerajaan berikan kepada kami selama ini. Namun ia masih tidak cukup. Contohnya ialah kemudahan elektrik, komunikasi dan jalan raya berturap adalah antara kemudahan yang sangat kami perlukan pada masa sekarang. (Tembual 10 Julai 2016)

Aki L mengatakan bahawa pembangunan yang ada pada masa sekarang belum memenuhi keperluan penduduk di rumah panjang. Beliau berpendapat bahawa pembangunan sebenarnya tidak sampai ke kawasan pedalaman. Pembangunan di rumah panjang sepertimana yang mereka nikmati pada masa sekarang adalah bertentangan dengan pengumuman tentang rancangan pembangunan sepertimana yang terpampang di kaca-kaca televisyen. Hakikatnya, pembangunan itu tidak ada dan belum sampai kepada mereka meskipun ia telah dijanjikan hampir 50 tahun setelah pembentukan Malaysia. Antara adalah kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan elektrik, tidak ada rangkaian komunikasi yang membolehkan mereka berhubung dengan sanak-saudara di bandar dan tidak ada jalan raya yang berturap.

5.3 Aspirasi pembangunan masyarakat Iban di rumah panjang

Setelah dianalisa, berikut merupakan antara aspirasi pembangunan masyarakat Iban di rumah panjang kawasan kajian. Konteks setiap aspirasi dianalisa menurut urutan iaitu dari yang sangat penting bagi tempoh masa pendek hingga ke aspek pembangunan untuk jangka masa panjang. Aspek pembangunan yang mereka citakan ini merupakan aspek penting di dalam melengkapkan pembangunan sebagai satu komuniti yang tinggal di rumah panjang. Pembahagian perbincangan untuk sub topik tersebut adalah gabungan aspek pembangunan menurut kerajaan Malaysia iaitu dalam Indek Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang terdiri daripada aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Namun begitu, perbincangan akan dikupas mengikut aspirasi yang sangat diperlukan iaitu aspirasi yang paling banyak dituntut oleh mereka sehingga ke aspirasi yang diperlukan namun bukan keperluan segera. Aspirasi terutama yang sangat dituntut oleh

masyarakat Iban di kawasan kajian ialah jaminan dalam memperolehi sumber pendapatan bulanan. Kedua ialah, pembangunan infrastruktur yang lengkap dan aspek pendidikan. Selain daripada membuat kupasan melalui Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI), terdapat beberapa penemuan baru yang turut menjadi aspirasi pembangunan dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang. Antaranya ialah aspirasi masyarakat Iban dari aspek pengukuhan identiti dan aspirasi politik peribumi. Penemuan ini bersesuaian dengan pendapat Sen (1999) yang mengetengahkan teori bahawa setiap kelompok masyarakat bebas dalam menentukan aspek pembangunan mereka sendiri termasuk dalam aspek politik.

5.3.1 Jaminan dalam perolehan sumber pendapatan

Salah satu keperluan pembangunan yang sangat penting bagi masyarakat Iban di rumah panjang dalam tempoh masa pendek mahupun dalam jangka masa yang panjang ialah jaminan dalam aspek sumber pendapatan yang mampu diperolehi secara konsisten setiap bulan. Menurut *Aki K* yang berusia 60 tahun.

Nama utai dikedeka kami, orang ke diau di rumah panjai to ucu. Pengawa bertanam kami ulih meri asil ke nyukung penatai pemisi kami. Chunto ea, baka nanam lada. (Temubual 10 Julai 2016)

Apa yang kami mahukan sebagai masyarakat yang tinggal di rumah panjang ialah kegiatan pertanian yang mampu menjana sumber pendapatan kepada kami. Contohnya ialah kegiatan menanam lada. (Temubual 10 Julai 2016)

Dari segi mendapatkan sumber pendapatan bulanan, *Aki K* yang berusia 60 tahun berhasrat agar pihak kerajaan dapat merancang program berasaskan pertanian yang dapat menambahkan sumber pendapatan mereka di rumah panjang. Hal ini kerana, pertanian merupakan antara aktiviti ekonomi utama di rumah panjang dan pada masa sekarang, mereka hanya menjalankan aktiviti pertanian yang berskala kecil. Aktiviti pertanian yang berskala kecil ini tidak dapat menyokong sumber pendapatan mereka

pada setiap bulan. Oleh itu, beliau berhasrat agar terdapat perancangan pembangunan daripada pihak kerajaan yang memfokus kepada aktiviti pertanian yang mampu menambahkan sumber pendapatan sama ada berskala besar atau berskala kecil.

Tambahan beliau lagi, pada peringkat pelaksanaan pula beliau juga berharap agar terdapat pemantauan yang kerap oleh pihak bertanggungjawab ke rumah panjang bagi melihat dan mengetahui sendiri kehidupan mereka di rumah panjang. Terutamanya ialah memantau dan memberi khidmat nasihat kepada mereka mengenai permasalahan yang melibatkan kegiatan pertanian sepertimana yang pernah dijalankan oleh pihak kerajaan dalam jangka masa antara tahun 1995 hingga 2005. Tambah beliau lagi, galakkan dari pihak kerajaan dalam mengusahakan kegiatan pertanian di rumah panjang merupakan salah satu perkara yang sangat wajar dijalankan kepada masyarakat Iban di rumah panjang agar mereka kembali bertani. Aspirasi beliau juga ingin menghidupkan semula budaya sistem berderau dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang melalui kegiatan berhuma atau juga kegiatan pertanian yang lain. Hasrat beliau ini juga bukan sahaja untuk menghidupkan kembali budaya tolong-menolong antara masyarakat Iban di rumah panjang, beliau turut memandang bahawa sekiranya masyarakat Iban di rumah panjang kembali berhuma, mereka tidak perlu bagi membeli beras kerana mereka sebenarnya berkemampuan untuk berhuma dan menampung sendiri bekalan beras mereka sepanjang tahun. Di samping itu juga, sekiranya aktiviti berhuma ini semakin giat diusahakan kembali oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Maka, masa terluang yang ada di rumah panjang dapat diisi dengan kegiatan yang berfaedah.

Seorang *ibu* iaitu dikenali sebagai *Indai G* yang berusia dalam lingkungan 45 tahun menyuarakan pendapat beliau tentang kepentingan kegiatan pertanian dalam membantu penduduk rumah panjang menambahkan sumber pendapatan bulanan mereka. Beliau berhasrat agar pemantauan daripada pegawai pertanian ke rumah

panjang menjadi salah satu modul yang digunakan oleh pihak kerajaan bagi memberi galakkan kepada mereka untuk bertani. Menurut beliau:

Suba anak, dalam kandang taun 1995 sampai 2005, pengawa bertanam bertupi cukup ea mai ubah ke pengidup kami di rumah panjang laban bala perintah selalu datai ke rumah panjai meri penemu bertanam bertupi ke bala kami. (Temubual 1 Jun 2016)

Sekitar tahun 1995 sehingga tahun 2005, program pembangunan yang berasaskan pertanian yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah membawa perubahan yang sangat baik kepada kehidupan kami di rumah panjang kerana mereka sering memberi khidmat nasihat mengenai kegiatan pertanian yang diusahakan. (Temubual 1 Jun 2016)

Maksudnya ialah sekitar tahun 1995 sehingga 2005, pegawai pertanian sering kali datang ke rumah panjang. Malah perhubungan antara pegawai ini dengan masyarakat rumah panjang juga sangat rapat. Mereka sering membuat pemantuan ke rumah panjang dan memberi khidmat nasihat kepada penduduk rumah panjang tentang permasalahan yang mengancam tanaman mereka. Antaranya ialah jenis-jenis serangga perosak dan cara mengawalinya. Pegawai pertanian ini akan mencadangkan racun yang sesuai untuk memusnahkan serangga tersebut tentang tanaman-tanaman lain yang diusahakan penduduk rumah panjang, seperti tanaman lada dan koko. Selain itu, mereka akan membekalkan subsidi baja kepada masyarakat rumah panjang bagi mengurangkan kos pertanian mereka. Oleh sebab itu, aktiviti pertanian dalam tempoh masa tersebut dianggap telah mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik khususnya dalam aspek menambahkan sumber pendapatan bulanan mereka. Kunci kejayaan kepada usaha tersebut adalah hubungan yang erat antara pihak kerajaan dengan masyarakat Iban yang juga menjadi jentera yang merealisasikan kejayaan setiap usaha kerajaan untuk membantu kelompok yang memerlukan.

Tambah beliau lagi, selain daripada berhuma, salah satu kegiatan pertanian yang boleh menambahkan sumber pendapatan mereka ialah dengan menanam sayur. Kondisi yang mereka hadapi pada masa sekarang ialah kebanyakan yang mengusahakan tanaman sayur di rumah panjang adalah hanya secara kecil-kecilan dan dijual kepada penduduk yang berada di sekitar. Oleh sebab itu, pulangan yang mereka dapat hasilkan tidak seberapa. Berikutan dengan itu, aspirasi beliau supaya pihak kerajaan merancang perusahaan ekonomi yang berasaskan penanaman sayur kerana ia dilihat berpotensi sebagai sumber pendapatan mereka. Dalam pada itu juga, sekiranya aktiviti tanaman sayur ini dilaksanakan, beliau berharap agar terdapat juga kawalan atau pemantauan ketat pada harga komuniti. Sekiranya keadaan ini dilakukan dengan telus, mereka percaya bahawa masyarakat rumah panjang dapat menambahkan mata pencarian mereka dengan mudah untuk jangka masa yang panjang dan berterusan. Dengan itu, cabaran yang dihadapi penduduk rumah panjang seperti perbelanjaan bulanan yang tidak mencukupi menjadi lebih ringan sekiranya hasil pertanian mereka boleh menyokong sumber pendapatan mereka. Di samping dapat mengisi masa lapang mereka dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah.

Seorang *ibu* yang dipanggil nama *Ini T* yang berusia 50 tahun pula turut menyuarakan aspirasi beliau khususnya tentang kegiatan yang boleh menjana sumber pendapatan masyarakat Iban di rumah panjang dari perspektif beliau sebagai ibu tunggal. Sebagai seorang individu yang membesarkan anak-anak sehingga ke cucu beliau sekarang, beliau mempunyai harapan agar dapat melakukan sesuatu yang boleh menjamin perolehan sumber pendapatan meskipun tinggal di pedalaman. Antara salah satu yang beliau inginkan ialah tanaman lada mengikut kemampuan tulang empat keratnya. Beliau mengharapkan agar terdapat aspek yang sewajarnya diberi perhatian oleh pihak kerajaan sekiranya kegiatan menanam lada ini dijadikan sebagai salah satu kegiatan pertanian utama masyarakat Iban di rumah panjang. Antara perkara yang

sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan ialah kos untuk membeli tiang lada, bantuan untuk dapatkan pohon lada, subsidi baja dan pemantauan yang berterusan daripada pegawai-pegawai pertanian. Cadangan beliau ini juga turut disokong oleh masyarakat Iban di rumah panjang di kawasan kajian.

Selain daripada kegiatan pertanian, menurut *Ini T* lagi, perusahaan kraf tangan juga merupakan salah satu kegiatan yang boleh menjana sumber pendapatan mereka khususnya kepada golongan wanita di rumah panjang. Antaranya ialah kraf yang berasaskan tenunan seperti tenunan *kain pua*. Beliau secara peribadi mengusahakan tenunan *pua* yang mana usaha beliau pada masa ini telah disokong oleh Pegawai Kebajikan atas status ibu tunggal yang dipegang oleh beliau. Melalui projek yang dibantu oleh Jabatan Kebajikan tersebut, beliau mendapat bantuan dari segi bahan-bahan yang digunakan untuk menenun. Selain itu, beliau juga dijemput untuk menghadiri kelas kemahiran menenun dan mendapatkan khidmat nasihat tentang cara-cara pemasaran produk tenunan beliau. Menurut beliau:

Pengawa nenun tok sigi bisi nyukung ari nambah ke anak belanja, tang meh enda tentu ga endu, laban nitih ke peminta bala ke minta digaga ke baju tauka pua. (Temubual 10 Julai 2016)

Kegiatan membuat kraf ini telah membantu dalam menambahkan sumber pendapatan saya, namun hasilnya tidak menentu kerana bergantung kepada permintaan para pelanggan. (Temubual 10 Julai 2016)

Namun begitu, tambahan beliau, meskipun perusahaan tenunan itu mampu menjana sumber pendapatan, namun pendapatan yang diperoleh tidak menentu kerana ia bergantung kepada permintaan pelanggan. Sekiranya permintaan tinggi, maka beliau dapat memperolehi hasil jualan yang lumayan, begitu juga sebaliknya. Beliau juga berhadapan dengan beberapa cabaran dalam perusahaan tersebut. Salah satu daripadanya ialah kos yang diperlukan sangat tinggi. Bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan terutama dari segi kos untuk membeli barangan tenunan sebenarnya tidak

mencukupi. Kadangkala jenis bantuan yang diberikan seperti dari segi peralatan tenunan hanya diberi sebahagian sahaja, selebihnya harus diusahakan oleh beliau sendiri. Contohnya, beliau hanya dibekalkan dengan benang namun tidak diberikan perwarna kain padahal kos perwarna kain lebih mahal dari harga benang. Cabaran ini secara tidak langsung juga menyebabkan hasil perusahaan tenunan beliau menjadi tidak menentu. Meskipun begitu, sekiranya kegiatan menenun mendapat sokongan penuh daripada pihak kerajaan sebagai kegiatan ekonomi di rumah panjang, khususnya untuk kaum wanita, beliau melihat ia adalah satu potensi besar yang boleh menjana sumber pendapatan kepada mereka. Perkara ini terbukti apabila hasrat *Ini T* disokong oleh kaum perempuan yang lain seperti *Indai Y* yang berusia 50 tahun. Menurut beliau:

Kami ka amat ngemeran ke pengawa bertenun tok endu, tang meh belanja ke dikena bertenun cukup tinggi baka berbeli ke ubong enggau chura.
(Temubual 1 Jun 2016)

Kami ingin sekali mengusahakan perkara ini, namun kami tidak ada modal yang cukup untuk membeli peralatan menenun seperti benang dan pewarna kain. (Temubual 1 Jun 2016)

Kebanyakan kaum ibu dan wanita di rumah panjang memiliki hasrat agar perusahaan membuat kraf tangan yang berasaskan *kain pua* menjadi satu inisiatif yang dilihat oleh pihak kerajaan sebagai satu kegiatan yang boleh mereka usahakan di rumah panjang bagi menambahkan sumber pendapatan. Selain itu, menurut *Indai Y* juga, aktiviti ini merupakan antara perkara yang mampu dilakukan dalam usia mereka sebagai alternatif yang bukan sahaja dapat menjana sumber pendapatan malah mereka dapat mengisi masa lapang yang agak terluang di rumah panjang dengan aktiviti yang lebih berfaedah.

Ini I yang berusia dalam lingkungan 60 tahun turut mengatakan hasrat beliau tentang apa yang beliau mahu sumbangkan dalam usia yang sudah sangat lanjut. Beliau mengatakan bahawa beliau tidak mampu untuk mengerjakan perkara-perkara berat seperti berhuma. Salah satu daripada perkara yang ingin beliau lakukan ialah anyaman

seperti menganyam tikar rotan dan hasil anyaman yang lain seperti *pemasai*. Cabaran kepada beliau sekarang ialah tidak mampu untuk mendapatkan rotan kerana sumber rotan perlu diambil ke dalam hutan tebal. Namun terdapat satu jenis rotan yang boleh ditanam iaitu sejenis rotan yang dikenali sebagai *wi sega*. Oleh itu, sekiranya terdapat dorongan daripada pihak kerajaan dalam memberi hikmat nasihat dan bantuan modal, beliau menyatakan bahawa peluang anyaman kraf mampu menjana sumber pendapatan masyarakat Iban di rumah panjang. Hasrat beliau turut disokong oleh *Indai Y*. Beliau mahu mengusahakan anyaman sekiranya pihak kerajaan membantu dari segi mesin untuk meraut rotan. Hal ini kerana, mesin tersebut mempercepatkan proses meraut rotan.

Berikut merupakan hasil kraf tangan dari segi anyaman tikar dan kegiatan menenun kain pua oleh penduduk rumah panjang.



**Gambar 5.1 : Hasil anyaman tikar *bemban*.
Harga segulung tikar ini boleh mencecah sampai Rm500.
Sumber: Gambar Pengkaji diambil pada Jun 2017**



Gambar 5.2: Seorang ibu sedang menenun pua kumbu

Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 23/6/2016

Beliau mengusahakan tenunan dan mendapat tempahan yang agak banyak daripada pelanggan. Namun pada tahun 2017, terdengar khabar bahawa beliau telah meninggal dunia disebabkan sesak nafas dan tidak sempat untuk menerima rawatan kecemasan kerana kedudukan rumah panjang yang sangat jauh dari pekan Song. Namun begitu, kegiatan membuat kraf tangan berdasarkan kain *pua* masih diusahakan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian sehingga ke hari ini.



Gambar 5.3: Hasil anyaman rotan

Sumber: Gambar Pengkaji. Diambil pada 25 Julai 2016

5.3.2 Pembinaan infrastruktur asas pembangunan

5.3.2.1 Jalan raya berturap melonjakkan kegiatan ekonomi di rumah panjang

Kemudahan jalan raya yang berturap dianggap boleh melonjakkan kegiatan ekonomi di rumah panjang. *Aki K* yang berusia 60 tahun mengatakan bahawa aspirasi beliau ialah terdapat medium yang dapat menghubungkan masyarakat Iban di rumah panjang dengan pekan dan bandar. Salah satu medium yang menghubungkan mereka dengan pekan dan bandar ialah jalan raya berturap. Menurut beliau, pembinaan jalan raya berturap merupakan salah satu aspek penting yang telah lama dinantikan oleh masyarakat Iban di rumah panjang bagi memudahkan pergerakan mereka selain daripada menggunakan jalan air. Menurut beliau, kos yang mereka perlukan untuk pengangkutan buat masa sekarang yang menggunakan jalan air ialah sangat tinggi. Namun begitu, mereka tidak ada pilihan lain kerana pengangkutan air merupakan satu-satunya pengangkutan yang mereka ada sekarang. Menurut beliau:

Enti sema jalai udah datai ba menua kami, senang kami ngemai asil tanam kami ke pasar Song, Sibu enggau endur bukai. Endur kami berjual mega mayuh, lalu kami ulih milih taukey ke meri harga borong ke setambak enggau asil tanam ke dijual. (Temubual 15 Julai 2016)

Menurut beliau lagi, pembinaan jalan raya yang berturap merupakan salah satu kunci yang boleh memudahkan urusan ekonomi. Antaranya, memudahkan mereka untuk membawa hasil pertanian mereka ke pekan seperti hasil tanaman sayur, getah dan sebagainya. Keupayaan untuk bergerak ke bandar lain selain daripada di pekan Song juga membolehkan mereka mendapatkan pemborong yang boleh menawarkan harga yang berpatutan dengan hasil pertanian mereka. Dalam keperluan ini, beliau melihat aspek kebebasan dan peluang yang menjadi lebih luas untuk mendapatkan pembeli dan pemborong kepada hasil pertanian mereka. Contohnya ialah apabila tiba musim buah-buahan. Hasil buah-buahan tempatan yang banyak juga mudah dijual jika dibandingkan

dengan keadaan sekarang. Cabaran penduduk rumah panjang apabila tibanya musim buah-buahan ialah kebergantungan mereka dengan jalan air sangat membataskan pergerakan dan urusan penjualan hasil buah-buahan mereka. Buat masa sekarang, usaha mereka untuk menjual buah-buahan tempatan apabila musim buah-buahan lebih membawa kerugian kepada mereka. Hal ini kerana, setiap kali musim buah-buahan tempatan, mereka perlu mengumpulkan buah-buahan tersebut dengan kuantiti yang banyak sebelum menjualnya supaya sekurang-kurangnya melalui hasil jualan tersebut sekurang-kurangnya dapat menampung kos pengangkutan mereka. Namun, apabila disimpan terlalu lama, kualiti buah-buahan mereka menurun. Dijual kepada penduduk di rumah panjang, tapi masing-masing ada buah sendiri. Pada akhirnya, buah itu dibiarkan busuk begitu sahaja. Oleh itu, mereka melihat bahawa kemudahan jalan raya berturap merupakan salah satu keperluan penting yang boleh memudahkan pergerakan mereka dalam merencanakan aktiviti ekonomi di rumah panjang.

Hasrat *Aki K* turut disokong oleh *Aki S* yang berusia 60 tahun. Beliau asalnya bukan dari rumah panjang tersebut, beliau berasal dari Betong, Sarawak namun berhijrah ke Nanga Engkuah kerana *nguai* kepada isteri beliau dan separuh dari usia beliau tinggal di rumah panjang tersebut. Beliau dapat melihat sendiri bagaimana kehidupan di rumah panjang juga turut berubah selaras dengan peredaran masa. Malah beliau juga dapat membandingkan tentang beberapa aspek perbezaan kehidupan masyarakat Iban di pedalaman jika dibandingkan dengan kehidupan masyarakat Iban di pinggir bandar iaitu asal-usul beliau sendiri di Betong yang sangat jauh berbeza. Beliau menyimpulkan bahawa beberapa aspek yang sangat penting perlu diambil perhatian dari pucuk kepimpinan sekiranya mereka ingin mengerakkan kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang yang tinggal di pedalaman ke arah yang lebih baik. Salah satunya ialah pembinaan jalan raya berturap yang boleh menghubungkan penduduk rumah panjang

dengan rumah panjang yang lain dan menghubungkan terus ke pekan Song. Menurut beliau:

Aku udah meda bakani jalai tau mai ubah ke pengawa bala kami ke diau di Betong. Ambi ke chunto, jalai meri penyenang ngagai bala rumah panjai berjalai baka ka ke kebun tauka berjual ke asil tanam sida ke pasar. Kelimpah ari nya mega, jalai siti kunci ngagai pemai pemansang bukai. Ambi ke chunto baka penatai karan ke rumah panjai. (Temubual 15 Jun 2016)

Saya telah melihat sendiri bagaimana masyarakat Iban yang tinggal di Betong dapat menikmati kebaikan yang dibawa oleh pembangunan kepada mereka. Contohnya pembinaan jalan raya berturap telah memudahkan kegiatan ekonomi mereka. Selain itu, pembinaan jalan raya juga merupakan kunci kepada pembinaan kemudahan infrastruktur yang lain. Salah satu daripadanya ialah, sekiranya ada jalan raya dibuat maka penyaluran kemudahan elektrik sudah pastinya akan menyusur. (Temubual 15 Jun 2016)

Pembinaan jalan raya berturap juga kunci kepada pembinaan kemudahan infrastruktur lain seperti kemudahan elektrik yang dapat dinikmati dalam tempoh dua puluh empat jam.

5.3.2.2 Kemudahan elektrik dua puluh empat jam

Kemudahan elektrik 24 jam turut menjadi tuntutan kepada aspirasi masyarakat Iban di kawasan kajian. *Aki K*, 60 tahun mengatakan bahawa antara keperluan penting kepada mereka ialah kemudahan elektrik. Masyarakat Iban di rumah panjang pada masa sekarang hanya bergantung kepada penjanaan kuasa elektrik dari generetor mereka sendiri sebagai sumber elektrik mereka. Namun, ia tidak dinikmati secara 24 jam. Menurut beliau, pihak kerajaan telah membekalkan mereka Projek SESCO sebagai bekalan elektrik yang disalurkan kepada tiga rumah panjang di kawasan kajian. Namun begitu, tidak ada pemantuan yang efisien daripada pihak berwajib menyebabkan

generator itu terbengkalai dan tidak diselenggara. Bantuan generator ini bermula pada awal tahun 2000 dan penggunaannya dikongsi oleh tiga rumah panjang tersebut.

Mengikut kepada situasi yang pernah dikongsi oleh *tuai rumah* iaitu *Aki L*, ketiga rumah panjang tersebut sebenarnya telah membuat kata sepakat tentang kos penyelenggaraan dari segi membeli minyak pelincir dan memberi upah kepada individu yang bertanggungjawab menjaga generator tersebut. Kos penyelenggaraan tersebut diperolehi daripada setiap *bilek-family* iaitu berdasarkan bilangan peralatan elektrik yang digunakan. Namun begitu, apabila berlakunya migrasi secara beramai-ramai dalam kalangan masyarakat rumah panjang ke bandar, perkara ini menyebabkan bilangan penduduk rumah panjang yang tinggal menjadi sedikit. Jadi kos penyelenggaraan terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh *bilek-family* yang masih tinggal. Apabila bilangan penggunaan semakin sedikit, bayaran juga semakin sedikit, dan kos penyelenggaraan yang terpaksa dibayar oleh setiap *bilek-family* yang tinggal menjadi semakin tinggi dan membebankan mereka. Akhirnya, mereka membuat keputusan tidak menggunakan generator itu lagi dan masing-masing mereka berbalik kepada keadaan sedia-kala iaitu menggunakan generator kepunyaan mereka sendiri. Bagi yang tidak ada generator pula, mereka tidak ada pilihan melainkan terpaksa bergelap setiap malam.

Permasalahan tidak berhenti di situ, penduduk rumah panjang yang ada generator pula berhadapan dengan kekurangan sumber untuk mendapatkan bahan api untuk menghidupkan generator mereka. *Apai J* berusia 40 tahun mengatakan bahawa untuk keperluan jangka masa panjang, masyarakat rumah panjang sangat berhasrat agar kemudahan elektrik disalurkan kepada mereka. Namun untuk keperluan jangka masa pendek, beliau menuntut agar terdapat alternatif atau usaha dalam perancangan pembangunan yang boleh meringankan beban mereka iaitu alternatif untuk menghantar membekal bahan bakar terus kepada penduduk rumah panjang dan dijual dengan harga yang terkawal dan tidak membebankan mereka.

5.3.2.3 Kemudahan jambatan gantung dan telekomunikasi

Selain daripada keperluan bahan api, *Apai J* turut menyuarakan tentang hasrat beliau dari segi keperluan penting bagi masyarakat di rumah panjang tersebut iaitu jambatan gantung ke seberang sekolah bagi memudahkan pergerakan mereka bukan sahaja menghantar anak ke sekolah, malah untuk pergi ke klinik desa yang terletak diseberang rumah mereka. Hal ini kerana masalah akan timbul sekiranya sungai Katibas menjadi deras apabila selepas musim hujan. Keadaan sungai yang agak deras sekiranya musim ujan menjejaskan keselamatan mereka untuk berkayuh ke seberang. Pemintaan itu adalah berikutan daripada janji pembangunan yang pernah diperkatakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Iban di kawasan kajian sekian lama. Namun pihak yang telah menjanjikan pembinaan jambatan tersebut gagal berbuat seperti yang pernah dijanjikan. Malah tuntutan beliau juga turut diakui oleh *Aki L*:

Lama udah bala perintah ka ngaga jambatan gantung nya. Uдах disukat sida ea nya suba, tang digaga ke alu enda. (Temubual 15 Julai 2016)

Perancangan untuk membuat jambatan itu sebenarnya sudah lama, malah pernah diukur, tapi pembinaan belum dilakukan sehingga sekarang. (Temubual 15 Julai 2016)

Sementara *Ini T* yang berusia 60 tahun pula berkata:

Siti agi utai ke dikarap kami ditu endu, bisi line talipun datai di menua kami ulih telepun ke bala anak ba pasar tauka kena ngesah utai ke penting. (Temubual 10 Julai 2016)

Satu lagi aspirasi yang kami mahu iaitu kemudahan komunikasi yang membolehkan kami menghubungi anak-anak atau saudara-mara kami di bandar. (Temubual 10 Julai 2016)

Beliau mengatakan tentang hasrat beliau dari segi kepentingan kemudahan telekomunikasi kepada mereka yang terletak jauh di pedalaman. Tujuan yang utama

tuntutan kepada kemudahan tersebut ialah memudahkan beliau berhubung dengan anak-anak dan saudara-mara yang berada di bandar.

5.3.3 Memperkukuhkan aspek pendidikan dalam kalangan generasi muda

Membangunkan aspek pendidikan dalam kalangan generasi muda Iban di rumah panjang merupakan antara salah satu aspirasi masyarakat Iban di rumah panjang. Menurut seorang *aya*, dikenali sebagai *Aya S* berusia dalam lingkungan 50 tahun. Beliau mengatakan bahawa graduan yang pernah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau yang pernah keluar dari kawasan Song perlu bersatu merangka aktiviti pembangunan kepada masyarakat sendiri. Khususnya ialah kepada pelajar sekolah kerana menurut beliau setiap pelajar yang telah berjaya dalam pendidikan adalah dari pelbagai bidang. Kepelbagaian bidang ini akan membuka peluang yang lebih banyak dalam mereka berkongsi tentang pengalaman mereka kepada pelajar Iban khususnya yang masih tinggal di pedalaman. Menurut beliau:

Ngarap ke bala tebak baru ke udah disikap enggau pelajar baka nemiak universiti tauka ke udah gawa tau datai ke rumah panjai meri jaku ajar serta peransang ukai aja ke bala nemiak sekula, jaku peransang mega tau diberi ngagai bala apai indai ngambi sida nemu guna pelajar kena ngubah pengidup. (Temubual pada 1 Jun 2016)

Dengan harapan agar generasi yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi seperti lulusan universiti atau yang telah berjaya dalam kerjaya masing-masing datang ke rumah panjang bagi memberi ceramah dan motivasi terutama kepada generasi muda yang masih tinggal di rumah panjang ataupun yang sedang bersekolah. Kata-kata nasihat juga wajar diberikan kepada ibu bapa mereka akan kepentingan pendidikan untuk mengubah kehidupan. (Temubual pada 1 Jun 2016)

Beliau juga amat berharap agar individu yang telah berjaya dalam bidang pelajaran ini mengambil beban untuk mengubah nasib masyarakat Iban di rumah

panjang yang agak ketinggalan khususnya dalam kalangan generasi muda yang masih bersekolah. Perkara ini penting agar masalah-masalah seperti keciciran pelajaran tidak berlaku atau dapat dikurangkan. Antara cadangan beliau ialah generasi yang mempunyai pengalaman ini memberi sumbangan kepada komuniti Iban di rumah panjang. Contohnya ialah membuat kem motivasi kepada pelajar di rumah panjang bagi membuka minda pelajar yang tinggal di rumah panjang ini. Perkongsian ini juga wajar melibatkan ibu bapa supaya mereka sedar tentang kepentingan ilmu dalam mengubah kehidupan. Selain itu juga, perkongsian ini juga merupakan antara salah satu inisiatif untuk jangka masa pendek dalam menyampaikan maklumat terkini kepada mereka. Contohnya ialah, cara-cara mengakses internet dan mengetahui dunia luar mereka. Menurut beliau juga, motivasi ini amat penting bagi mendorong terutama generasi muda untuk punyai keinginan keluar dari kepompong dunia mereka kerana terdapat banyak peluang atau perkara di luar sana yang boleh mereka pelajari.

5.3.4 Aspirasi kepada pengukuhan identiti: Tanah adat yang dipertahankan

Kebebasan dalam rancangan pembangunan bermaksud bahawa masyarakat yang diberi pembangunan berhak ke atas pengukuhan identiti mereka. Menghormati budaya dan identiti sesebuah masyarakat antara aspek yang diketengahkan oleh Sen (1999) dalam teori pembangunan ialah kebebasan. Bagi masyarakat Iban, mereka mempunyai kebudayaan yang berkait antara satu sama lain. Kebudayaan yang mereka dukung membuktikan bahawa kebudayaan merupakan aspek penting dalam menjaga tiga aspek interaksi, iaitu interaksi antara satu sama lain atau kelompok manusia yang lain, interaksi dengan alam dan interaksi mereka dengan alam ghaib iaitu dengan tuhan. Interaksi ini membentuk satu kosmologi masyarakat Iban secara keseluruhan.

Salah satu isu penting bagi kebudayaan masyarakat Iban ialah perhubungan mereka dengan alam iaitu tanah. Sultive (1978) dan Uchibori (1984) mengatakan

bahawa kehidupan masyarakat Iban sangat bergantung kepada tanah kerana tanah merupakan antara salah satu sumber penting yang boleh mencukupkan tuntutan alam dan budaya mereka termasuk memburu, memancing, ritual dan kegiatan pertanian seperti kegiatan menanam padi. Masyarakat Iban juga menjadikan tanah sebagai satu khazanah penting setiap turun-temurun. Salah satu konsep yang juga sangat berkait rapat dengan perihal atau cara masyarakat Iban dalam mempertahankan hak mereka ke atas tanah ialah melalui satu slogan yang dipegang oleh mereka iaitu *Agi Idup, Agi Ngelaban* yang membawa maksud selagi hidup, selagi itu berjuang (SUARAM, n.d).

Sebelum pemerintahan James Brooke di Borneo, kawasan jajahan masyarakat Iban suatu ketika dahulu iaitu melalui adat *ngayau* atau adat potong kepala. Adat *ngayau* merupakan salah satu adat penting di dalam kelangsungan hidup suku kaum Iban suatu ketika dahulu. Antaranya, adat *ngayau* bertujuan mempertahankan hak mereka daripada ditakluki oleh suku lain ataupun merupakan cara masyarakat Iban memperluaskan kawasan jajahan mereka. Setelah Rajah Brooke mengambil-alih pucuk kepimpinan di Kepulauan Borneo seawal tahun 1940, budaya itu telah dimansuhkan kerana ia bertentangan dengan nilai kemanusiaan. Pemansuhan adat *ngayau* ini telah mengubah kehidupan masyarakat Iban secara keseluruhan. Salah satu daripadanya ialah, masyarakat Iban tidak lagi melakukan amalan memperluaskan tanah jajahan dan tidak lagi hidup secara berpindah-randah. Namun begitu, bagi masyarakat Iban, mereka telah mewartakan tanah adat mereka sendiri yang juga mereka kenali sebagai *menoa*.

Pemilikan dan status tanah adat sering berubah dari tahun ke tahun dan dari satu kepimpinan ke satu kepimpinan. Antaranya ialah, pada tahun 1939 semasa pemerintahan Rajah Brooke di Sarawak, sempadan tanah adat secara rasmi telah dikeluarkan atau dikenali sebagai Surat Pekelilig Sekretariat No.12 yang bertujuan mengelakkan berlakunya pencerobohan dan persengketaan di antara komuniti mengenai persempananan antara *menoa* (BRIMAS, 1999). Selepas 1 Januari 1958, undang-

undang Sarawak tanah Sarawak telah mengakui hak tanah adat Bumiputera, akan tetapi masih terdapat usaha dibuat untuk mengugat kesahihan hak tanah adat seperti Kerajaan Negeri wahal rekod-rekod mengenai setiap sempadan tanah adat ada tercatat di setiap Pejabat Daerah (BRIMAS, 1999). Sehingga kini isu berkaitan dengan NCR di negeri Sarawak belum menemui kata putus khususnya bagi masyarakat Iban iaitu pengiktirfan kepada status *Pulau Galau* dan *Pemakai Menoa* (Chin, 2004). BRIMAS (1999) dalam Seksyen 2 (a) Kanun Tanah Sarawak, tanah adat Bumiputera bermaksud tanah di mana hak adat Bumiputera telah didapati secara komunal ataupun selainnya mengikut undang-undang sebelum 1 Januari 1958 dan masih lagi sah diperlakukan.

Terdapat satu kawasan tanah adat yang yang belum lagi mendapat pengiktirfan daripada kerajaan negeri Sarawak ialah *pemakai menoa*. *Pemakai menoa* bermaksud kawasan sekeliling *temuda* iaitu kawasan hutan dara yang terdapatnya hasil-hasil hutan. Hasil-hasil hutan tersebut menjadi sumber kebergantungan kepada kehidupan harian masyarakat asal seperti tempat memburu, memperolehi bahan-bahan binaan, ubat-ubatan dan sebagainya. Namun, kerajaan Sarawak sering melanggar undang-undang ke atas hak dengan mengeluarkan konsesi-konsesi, lesen-lesen pembalakan dan geran-geran tanah untuk perladangan komersial (BRIMAS, 1999). Perkara tersebut juga turut diakui oleh Baru Bian yang merupakan seorang peguam yang membela tentang tanah adat di Sarawak. Pada tahun 2012, beliau telah datang ke sebuah rumah panjang di Sarawak bagi membawa kesedaran tentang penindasan yang sangat jelas keatas pemilikan tanah adat terhadap kaum asal di Sarawak termasuk orang Iban oleh kerajaan negeri. Menurut beliau, sehingga kini pucuk kepimpinan kerajaan negeri Sarawak belum lagi mengiktiraf status *pemakai menoa* sebagai hak milik kekal orang asal di Sarawak sebagai hak mereka yang sah dan bertulis.

Kerajaan negeri Sarawak telah menggunakan Seksyen 6 iaitu *communal reserve* bermaksud kerajaan negeri Sarawak beranggapan bahawa tanah kerajaan negeri telah diberikan kepada rakyat wahal sebenarnya tanah

tersebut ialah tanah adat penduduk asal. Jadi, perkara ini bermaksud bahawa masyarakat Iban khususnya tidak ada jaminan untuk mendapatkan hak milik tanah tersebut sepenuhnya. Oleh itu, masyarakat Iban harus menolak penawaran tersebut (Bian, 2012).

Solusi terbaik menurut beliau ialah pengiktirafan *pemakai menoa* tersebut seharusnya mengikuti seksyen 18 yang telah menyatakan pengiktirafan terang-terangan bahawa tanah adat bagi masyarakat asal tanpa ada pernyataan tempoh masa namun ia adalah hak mutlak mereka sepenuhnya.

Isu penerokaan *pemakai menoa* tanpa pengetahuan masyarakat rumah panjang turut berlaku di kawasan kajian. Penerokaan *pemakai menoa* ini telah menjadi isu berbangkit yang telah menjadi buah mulut penduduk rumah panjang apabila telah berlaku penerokaan hutan tanpa pengetahuan mereka. Hutan yang diteroka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja memusnahkan habitat haiwan liar malah mereka juga meneroka hutan yang merupakan milik penduduk rumah panjang yang diakui mereka sebagai tanah mereka walaupun tanpa geran tanah berbentuk dokumen. Bagi mereka, walaupun tidak ada pengesahan secara dokumen dari pihak kerajaan, semua tanah yang terdapat di lingkungan kehidupan mereka adalah mempunyai pemilik dari kalangan penduduk rumah panjang. Perkara ini turut menimbulkan rasa tidak puas hati dan kesal dalam kalangan penduduk Iban di rumah panjang kerana tanah pusaka mereka diteroka tanpa pengetahuan mereka.

Seorang nenek iaitu *Ini T* yang berusia 60 tahun mengatakan bahawa beliau sangat kesal dengan tindakan pihak peneroka. Beliau mengatakan:

Enti kami enda mansa kampung jerung leboh maya ke begiga, kami enda nemu tanah kami kena sungkul. Ambih kayu kami diambi sida ea. Landai tanah alai sida encuri kayu. Bakani kami deka ngenan ke tanah aki ini kami ti majak bakatu. (Temubual 1 Jun 2016)

Sekiranya kami tidak pergi ke hutan yang merupakan lingkungan tanah adat kami semasa berburu, kami tidak tahu bahawa kawasan kami telah diceroboh tanpa izin kami. Pokok habis ditebang. Dalam keadaan seperti ini, bagaimana kami dapat mempertahankan tanah yang diwariskan oleh nenek moyang kami. (Tembual 1 Jun 2016)

Sementara *Aki L* yang berusia 60 tahun mengatakan bahawa:

Aki ini kami kelua udah lelak-lelak nerumpang tanah ke kami alai kami beridup sampai diatu. (Temubual 20 Julai 2016)

Penat lelah datuk dan nenek kami dahulu meneroka tanah tersebut untuk kebergantungan kehidupan kepada kami sekarang dan seterusnya. (Temubual 20 Julai 2016)

Membuktikan betapa mereka sangat menentang penerokaan secara haram ke atas tanah adat mereka. Menurut *Ini T*, sekiranya mereka tidak pergi berburu hingga ke kawasan yang diteroka, mereka tidak tahu tentang penerokaan secara haram telah berlaku ke atas tanah adat mereka. Akibat daripada aktiviti penerokaan tersebut, menyebabkan kayu-kayan ditebang dan dicuri. Menurut *Aki L*, beliau sangat kecewa kerana mengingatkan tentang susah payah datuk dan nenek mereka dahulu meneroka hutan dengan tulang-empat kerat bagi mendapatkan tanah tersebut untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, beliau dan masyarakat Iban di rumah panjang yang lain sangat menuntut hak mereka ke atas tanah adat mereka agar tanah adat mereka diukur dan diakui secara rasmi sebagai milik mereka melalui geran tanah oleh pihak kerajaan.

5.3.5 Aspirasi politik pembangunan masyarakat Iban

Shamsul (1983) mengatakan bahawa pembangunan merupakan antara senjata yang digunakan oleh ahli-ahli politik di Malaysia untuk *survival* dalam karear politik mereka iaitu melalui janji pembangunan yang diberikan antara etnik. Tidak hairanlah sekiranya corak pembangunan di Sarawak masih bersandarkan sentimen politik pembangunan yang mana mereka beranggapan bahawa pembangunan boleh dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri (Mohd Fuad et al., 2012).

Tinjaun mereka ke atas suasana pilihan raya negeri Sarawak (DUN) pada tahun 2012 membuktikan bahawa kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional adalah berasaskan kepada sikap rakyat masih percaya dengan kepimpinan parti tersebut sebagai pucuk pemimpinan yang boleh memberi pembangunan kepada mereka.

Politik pembangunan merupakan aspek penting dalam kemajuan sosioekonomi sesuatu kawasan, terutamanya di kawasan yang masih belum membangun di kawasan pedalaman (Mohd Fuad et al., 2012). Politik pembangunan dapat diterjemahkan melalui projek pembangunan yang memberi faedah yang tersirat kepada rakyat antaranya ialah meningkatkan pendapatan rakyat, menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan peluang perniagaan, menaikkan taraf ekonomi rakyat dan juga pelbagai faedah yang bakal diterima oleh rakyat sekiranya pembangunan yang sangat luas dan jaringan perhubungan dan pengangkutan memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan kawasan atau bahagian. Meskipun pada 8 Mac 2008 telah mengubah corak politik Malaysia yang mana pemerintahan Barisan Nasional (BN) kehilangan 82 kerusi Parlimen dan 198 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Pakatan Parti Pembangkang (PAS, DAP dan PKR) yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR), namun begitu, kekuatan BN masih kuat di wilayah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Bagi Sarawak, mereka antara penyumbang terbesar kepada kejayaan Barisan Nasional pada pilihan raya tersebut (Mohd Fuad et al., 2012).

Meninjau kepada corak politik pembangunan di kawasan kajian, mereka masih memilih pemimpin yang sama disebabkan oleh nama parti. Perkara ini terbukti dengan keteguhan pucuk kepimpinan yang sama yang bertahan selama lebih dari 50 tahun iaitu Barisan Nasional dan dinaugi oleh calon yang sama. Nama Barisan Nasional yang disandang oleh wakil rakyat tersebut telah menjadi nilai tambah kepada beliau untuk memenangi kerusi setiap pilihan raya. Masyarakat Iban di kawasan kajian menjadikan

nama parti tersebut sebagai salah satu pucuk kepimpinan yang sedia ada yang sudah sehati dengan diri mereka. Menurut *Aki K* yang berusia 60 tahun:

Enggai enda ngundi perintah ucu, laban perintah diatu ke dikarap mai pemansang ke kitai. (Temubual 20 Julai 2016)

Tidak ada pilihan untuk mengundi pihak kerajaan sekarang kerana mereka yang diharapkan dapat memberi pembangunan kepada kami. (Tembual 20 Julai 2016)

Masih ada bibit-bibit harapan mereka kepada kepimpinan yang sama meskipun setiap kali pilihan raya mereka disajikan dengan janji yang sama. Contohnya ialah janji dalam meneruskan projek jalan raya berturap kepada mereka. Malah setiap kali menjelangnya sebelum hari pilih raya, terdapat dalam setiap rumah panjang akan diberi beberapa bantuan seperti projek Kecil Luar Bandar (MRP) iaitu pembaikpulih rumah panjang terutama bagi rumah panjang yang setia memberi sokongan kepada parti tersebut. Sepertimana mana yang pernah dikongsikan oleh *Apai I* yang berusia 50 tahun mengenai pendapat beliau tentang faedah yang dirasakan oleh mereka melalui penyaluran projek pembangunan ini. Menurut beliau, projek pembangunan ini akan diberikan setiap 5 tahun sekali atau sebelum menyelang pilihan raya. Selain itu, peranan *tuai rumah* dalam mempengaruhi penduduk rumah panjang juga antara aspek penting dalam kemenangan calon yang bertanding. Sebelum pilihan raya berlaku, *tuai rumah* akan mengadakan mesyuarat dengan penduduk rumah panjang bagi memastikan dalam pemilihan calon yang akan diundi. Namun begitu, setiap individu mempunyai hak dalam membuat keputusan.

Jelas bahawa corak politik di rumah panjang tidak berlandaskan kepada personaliti atau kredibiliti wakil rakyat namun masyarakat rumah panjang memilih calon tersebut disebabkan oleh nama parti yang dibawa oleh wakil rakyat tersebut. Meskipun seringkali mereka menyuarakan tentang kesenjangan penyaluran pembangunan oleh wakil rakyat yang sama, yang mana setelah hampir 50 tahun

memimpin namun tidak ada pembangunan secara drastik dan konsisten yang dilakukan sepanjang beliau memimpin daerah tersebut, tetapi masyarakat Iban di kawasan kajian masih memilih calon yang sama setiap kali pilihan raya dengan harapan bahawa wakil rakyat tersebut dapat membawa perubahan kepada kehidupan mereka ke arah yang lebih baik iaitu berdasarkan janji pembangunan yang telah diberikan semasa pilihan raya.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat Iban di kawasan kajian mempunyai definisi pembangunan tersendiri. Pembangunan menurut mereka ialah pendidikan yang membawa perubahan khususnya kepada kehidupan anak-anak mereka. Pembangunan menurut mereka adalah jaminan dalam mendapatkan sumber pendapatan dan pembangunan menurut mereka ialah dapat menikmati kemudahan infrastruktur asas yang lengkap. Malah, mereka turut mengertikan pembangunan dari sudut yang negatif. Pembangunan yang membebankan bermaksud apabila kerajaan menggubal polisi yang membebankan. Contohnya ialah menyebabkan peningkatan kos sara hidup dan ketinggalan daripada mendapatkan kemudahan asas pembangunan seperti kemudahan elektrik dan jalan raya berturap.

Oleh itu, masyarakat Iban mempunyai aspirasi pembangunan sendiri bagi mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Antaranya ialah mereka mahukan jaminan dalam memperolehi sumber pendapatan berdasarkan aktiviti pertanian kerana aktiviti pertanian merupakan antara kegiatan ekonomi utama di rumah panjang. Dalam erti kata lain, selain daripada bertani mereka tidak ada pekerjaan lain yang boleh dilakukan bagi mengisi masa lapang. Meskipun mereka mendapatkan sumber pendapatan daripada sumber alam seperti memburu, menangkap ikan dan sebagainya, ia tidak menjamin perolehan sumber pendapatan tetap kepada mereka kerana perolehan kepada sumber tersebut tidak menentu. Di samping itu juga, mereka mengharapkan agar kegiatan perusahaan kraf tangan dapat menjadi tumpuan kepada perancangan ekonomi

yang boleh menambahkan sumber pendapatan mereka sebagai masyarakat pedalaman yang terpisah dari kehidupan bandar.

Selain daripada jaminan pendapatan, masyarakat Iban di rumah panjang juga mahukan penyaluran kemudahan infrastruktur asas oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah pembinaan jalan raya berturap yang sangat dinantikan oleh masyarakat Iban di rumah panjang sekian lama. Mereka yakin bahawa pembinaan jalan raya merupakan kunci kepada saluran kemudahan infrastrukturnya seperti kemudahan elektrik 24 jam selain daripada dapat memudahkan kegiatan harian mereka. Disamping itu juga, mereka mahukan aspek pendidikan khususnya bagi generasi muda di rumah panjang diperkukuhkan iaitu melalui kesedaran golongan yang telah berjaya dan berpengalaman dalam bidang masing-masing mengambil beban dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang tentang kepentingan ilmu dalam mengubah nasib mereka. Ia juga bertujuan mengurangkan masalah keciciran pelajaran dalam kalangan generasi muda yang masih bersekolah di rumah panjang.

Penemuan baru kajian daripada aspek yang dibangkitkan di atas, salah satu aspek terpenting dalam aspirasi masyarakat Iban di kawasan kajian ialah aspirasi mereka tentang tanah adat. Meskipun mereka menerima pembangunan sebagai satu perkara yang boleh mengubah kehidupan mereka, mereka tetap memandangkan tanah sebagai satu hak yang mereka pertahankan. Mereka menolak penerokaan tanah adat mereka oleh pihak peneroka yang meneroka tanah adat tanpa mendapatkan keizinan daripada mereka. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, mereka menuntut agar geran tanah yang djanjikan apabila menjelang pilihan raya oleh pihak kerajaan diberikan kepada mereka. Aspirasi yang seterusnya ialah aspirasi politik masyarakat Iban yang masih bergantung kepada politik berdasarkan parti yang memimpin. Masyarakat Iban di rumah panjang di kawasan kajian lebih memandangkan kepada parti daripada personaliti wakil rakyat yang berkhidmat untuk mereka. Oleh itu, setelah hampir 50 tahun wakil

rakyat yang sama masih memegang pucuk kepimpinan meskipun pembangunan yang disalurkan bergerak dalam rentak yang sangat lambat.

Universiti Malaya

BAB 6: KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Perancangan dan program pembangunan yang disalurkan oleh pihak kerajaan peringkat persekutuan mahupun kerajaan negeri selari dengan kehendak masyarakat Iban di rumah panjang tetapi kurang berjaya pada peringkat pelaksanaan. Antaranya ialah program yang bertujuan menambahkan sumber pendapatan yang tidak dilaksanakan secara efektif dan konsisten. Contohnya selepas tahun 2005 sepertimana yang dikongsikan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian, pihak kerajaan tidak lagi memfokus kepada usaha yang berkonsepkan pertanian secara kecil-kecilan seperti yang diusahakan oleh masyarakat Iban di rumah panjang. Wahal, perusahaan pertanian dengan galakkan dan sokongan daripada pihak kerajaan sebelum itu sebenarnya membantu masyarakat Iban di rumah panjang untuk menambahkan sumber pendapatan mereka.

Selain itu, program pembangunan yang berasaskan pertanian seperti Program 1Azam dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang dianggap boleh membantu menjana sumber pendapatan kepada masyarakat Iban di rumah panjang juga tidak berjaya dari segi pelaksanaan. Menurut penduduk rumah panjang, mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan tersebut kerana kelayakan mereka tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, padahal mereka mengatakan bahawa program tersebut sangat mereka perlukan. Hal ini kerana, kegiatan pertanian merupakan antara salah satu kegiatan ekonomi utama di rumah panjang. Berikutan daripada itu, mereka sangat memerlukan insentif seperti ini sebagai satu pilihan dalam kegiatan ekonomi mereka di rumah panjang. Contohnya, seorang individu yang dikenali sebagai *Aya S* berusia 50 tahun telah mendapatkan bantuan melalui program 1Azam ini iaitu bantuan ternakan ayam. Menurut beliau, perusahaan tersebut sebenarnya telah menyokong sumber pendapatan beliau dalam tempoh masa tertentu.

Scott (1998) dalam bukunya *Seeing like a State* menerangkan tentang bahasa pentadbiran moden iaitu memperkenalkan satu kaedah kawalan yang menyusun dan mentadbir setiap aspek masyarakat. Beliau melakarkan perubahan yang berlaku dalam penyusunan ini melihat kepada pengurusan sumber semulajadi dan tanah di Eropah merentasi beberapa kurun. Meminjam dari konsep *governmentality*, Scott melihat kuasa sebagai suatu *social construct* dimana ia adalah suatu proses. Proses memperkasakan pengurusan kerajaan dilakukan melalui proses yang Scott namakan *legibility*. Konsep *legibility* memberi keupayaan melalui penyusunan, menghasilkan kategori-kategori pengurusan dan kegiatan pemetaan yang membolehkan pentadbiran mengurus sumber dengan lebih rapi dan teratur.

Dalam kajian ini dapat difahami bahasa atau cara pihak kerajaan melihat keperluan masyarakat Iban di kawasan kajian masih lagi berbeza dengan aspirasi tempatan. Perkara ini terbukti melalui kelemahan pelaksanaan program pembangunan yang diberikan. Perubahan polisi dan fokus pembangunan pihak kerajaan yang sentiasa berubah menghalang kepada kejayaan setiap program pembangunan. Contohnya ialah perangkaan program pembangunan yang bertujuan menambahkan sumber pendapatan tidak berjaya dan tidak ada kesimbangan dalam pelaksanaannya. Penyaluran infrastruktur asas pembangunan seperti jalan raya berturap yang diimpikan oleh masyarakat Iban di kawasan kajian setelah sekian lama amat sukar diberikan meskipun sering dijanjikan. Kepincangan ini menjadikan masyarakat Iban di kawasan kajian ketinggalan dalam pembangunan.

Memandang kepada kepentingan tersebut, mengenal aspirasi pembangunan menurut kehendak masyarakat Iban di rumah panjang itu sendiri merupakan salah satu proses penting yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum melakukan proses perancangan (*planning*), pelaksanaan (*implemantation*) dan pengawasan (*monitoring*), supaya faedah pembangunan dapat dikongsikan bersama (*benefit sharing*). Perkara ini

bertujuan mempelengkapkan tindakan dalam pembangunan mapan (lestari) yang mengambilkira pendekatan bersifat bawah atas (*bottom-up*) yang juga salah satu hukum pembangunan turut serta (*participatory development*) dan inklusif.

6.2 Aspirasi pembangunan masyarakat Iban

Pembangunan merupakan salah satu proses evolusi yang akan membawa perubahan terhadap struktur masyarakat. Bagi masyarakat Iban di kawasan kajian, mereka menerima perubahan kehidupan yang dibawa oleh pembangunan kerana ia disifatkan telah membawa kehidupan yang lebih baik kepada mereka. Meskipun mereka menerima perubahan dari segi ekonomi, pendidikan, sosial, keagamaan dan kebudayaan, namun terdapat aspek yang masih mereka pertahankan kerana ia adalah lambang identiti dan jati diri mereka. Salah satu daripadanya ialah hak ke atas tanah yang amat jelas dinyatakan dan dipertahankan oleh mereka.

Kebebasan dalam pembangunan merangkumi kebebasan untuk mendapatkan peluang ekonomi yang merujuk kepada setiap individu ada hak untuk menggunakan sumber bahan mentah bagi keperluan dan peningkatan tahap ekonomi yang akan menyumbang kepada pemerikasaan taraf hidup. Indikator kedua ialah jaminan sosial yang merujuk kepada cara masyarakat menyusun kehidupan sosial dalam mendapatkan pendidikan, kesihatan dan lain-lain bagi membolehkan mereka menikmati serta memenuhi keperluan setiap aspek kehidupan. Indikator ketiga ialah hak perlindungan hidup. Indikator ini tercapai sekiranya masyarakat merasakan diri mereka berada di lingkungan sosial yang selamat sepanjang masa, lebih-lebih nyawa mereka tidak diperjudikan dalam menangani tuntutan dunia. Indikator terakhir ialah kebebasan politik merujuk kepada kebebasan masyarakat untuk memilih pemimpin serta menentukan corak politik yang dikehendaki. Dari empat aspek kebebasan pembangunan ini, beliau menegaskan bahawa keempat-empat aspek tidak berdiri sendiri, sebaliknya saling berkait rapat antara satu sama lain. Aspek keselamatan adalah menjadi keutamaan

kerana setiap kelompok masyarakat dan individu mahukan hidup dalam keadaan serta persekitaran yang selamat. Dari keinginan itu, masyarakat cenderung untuk menuntut hak dan kebebasan untuk memilih aspek-aspek yang sesuai dan diperlukan dalam menentukan pembangunan mereka.

Peluang ekonomi

Bagi masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang, aspirasi mereka ialah kebebasan untuk mendapatkan peluang ekonomi kerana peluang ekonomi di rumah panjang sangat terhad. Salah satu daripada sumber ekonomi mereka ialah bergantung kepada sumber alam seperti memungut hasil hutan, menangkap ikan dan memburu binatang dan mengamalkan kegiatan pertanian tradisional yang berskala kecil. Pilihan yang terhad ini bukan sahaja mengecilkan perolehan pendapatan bulanan mereka malah perolehan pendapatan mereka juga tidak menentu. Perkara ini menyebabkan mereka merasa tidak terjamin dalam aspek ini. Berikutan dengan itu, mereka mengimpikan agar aktiviti ekonomi seperti kegiatan pertanian di rumah panjang dapat diperkasakan melalui rancangan-rancangan pembangunan oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah pihak kerajaan sewajarnya memperkukuhkan pelaksanaan program pembangunan yang sedia ada serta mempelbagaikan lagi program-program pembangunan yang berasaskan pertanian untuk tujuan komersial bagi menghasilkan sumber pendapatan kepada mereka. Antaranya ialah aktiviti menanam lada dan juga mengusahakan tanaman sayur-sayuran. Menurut penduduk rumah panjang, dua aktiviti pertanian ini antara yang tidak memerlukan ramai tenaga kerja dan mampu dikerjakan oleh setiap peringkat umur yang masih tinggal di rumah panjang iaitu majoriti dalam lingkungan pertengahan dan lewat umur.

Apabila mereka mampu mengusahakan pertanian yang boleh menjana sumber pendapatan, mereka berhasrat agar terdapat kawalan keatas harga komuniti terutamanya terhadap hasil-hasil pertanian mereka. Hal ini merupakan antara aspek yang sangat

penting supaya harga komuniti yang tidak menentu baik pada peringkat global mahupun tempatan tidak memberi kesan yang sangat ketara sepertimana situasi yang sedang mereka hadapi pada masa sekarang. Menurut penduduk rumah panjang, satu kerugian yang amat memberi kesan kepada mereka yang mengusahakan aktiviti pertanian seperti tanaman lada dan getah ialah perubahan harga komuniti sering berubah dengan sangat ketara. Contohnya, harga komuniti itu turun dengan begitu drastik sehinggakan tidak mampu memulangkan modal usaha mereka. Oleh sebab itu, cabaran tersebut telah menghalang mereka untuk mengusahakan kegiatan pertanian itu meskipun sebenarnya kegiatan tersebut boleh menjana sumber pendapatan mereka.

Selain itu khususnya dalam kalangan kaum wanita, mereka berharap agak terdapat juga perancangan yang lebih baik dalam kegiatan membuat kraf tangan dan juga anyaman. Kegiatan itu juga dipandang sebagai kegiatan yang boleh menambahkan sumber pendapatan kepada mereka disamping juga dapat mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Antaranya ialah subsidi daripada peralatan yang diperlukan seperti perwarna baju dan benang untuk perusahaan tenunan. Mereka juga mahukan mesin-mesin yang boleh mempercepatan penghasilan mereka. Contohnya ialah mesin untuk meraut rotan. Mereka juga menuntut agar terdapat kursus yang ditawarkan agar kraf yang mereka hasilkan mengikut piawaian pasaran yang ditawarkan. Berikutan dengan itu, mereka berharap agar terdapat persatuan yang boleh menyelia mereka sepenuhnya untuk memberi khidmat nasihat dan sokongan yang diperlukan. Masyarakat Iban di rumah panjang khususnya kaum ibu dan wanita memandang bahawa aktiviti membuat kraf ini berpotensi besar dalam membantu mereka dalam melonjakkan ekonomi sekiranya terdapat perancangan pembangunan yang lebih telus daripada pihak kerajaan khususnya dalam pengusahaan aktiviti membuat kraf ini.

Di samping itu juga, masyarakat Iban di rumah panjang juga memandang bahawa sumber alam seperti hutan merupakan antara salah satu sumber ekonomi mereka. Maka dengan itu, mereka menerima bahawa alam yang mereka ada sekarang merupakan sumber pendapatan mereka. Kalau dahulu, mereka menjadikan hasil yang mereka perolehi dari alam sebagai salah satu sumber yang boleh berkongsi bersama tanpa perlu dijual terutama kepada sesama mereka yang tinggal di rumah panjang. Namun, dalam konteks kehidupan pada masa sekarang, mereka memandang itu sebagai satu nilai untuk memperoleh sumber kewangan mereka. Keperluan ini menyebabkan mereka sangat menghargai hutan kerana dari hutan datangnya sumber pendapatan mereka. Berikut dengan itu, masyarakat Iban di rumah panjang berharap agar sumber itu tidak diancam. Contohnya ialah oleh aktiviti-aktiviti pembalakan hutan yang telah berlaku di kawasan mereka pada masa sekarang. Perkara ini membawa kepada aspek aspirasi kedua iaitu jaminan sosial.

Jaminan sosial dan jaminan yang jelas

Jaminan sosial merujuk kepada cara masyarakat menyusun kehidupan sosial dengan mendapatkan kemudahan infrastruktur yang lengkap, pendidikan dan kesihatan bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik. Bagi masyarakat Iban yang tinggal di pedalaman, salah satu kemudahan asas pembangunan yang tidak ada ialah jalan raya berturap. Masyarakat Iban di rumah panjang memahami bahawa kemudahan jalan raya berturap merupakan salah satu syarat utama yang menjadi ukuran pembangunan. Sesebuah kawasan dan komuniti yang dianggap membangun sekiranya mereka dilengkapi dengan kemudahan yang dapat menghubungkan mereka dengan dunia luar. Jalan raya juga dapat memudahkan kegiatan seharian mereka untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Ciri pembangunan manusia terbahagi kepada dua bahagian. Pertama ialah pembentukan manusia melalui pembaikan kesihatan, pendidikan dan latihan. Kedua

ialah kemampuan setiap individu menggunakan kemampuan yang dimiliki untuk tujuan yang produktif, keselesaan dalam beriadah atau melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sosial, politik dan kebudayaan. Pembangunan manusia adalah pembentukan manusia melalui pembaikan kesihatan, pendidikan dan latihan. Namun, bagi keadaan masyarakat Iban di rumah panjang, mereka belum lagi menikmati pembangunan yang memberi jaminan sosial kepada mereka. Contohnya ialah dari segi kesihatan yang mana perkhidmatan klinik yang mereka ada sekarang hanya dinikmati dengan kadar yang minimum iaitu tidak ada bantuan kecemasan apabila diperlukan sepertimana yang diperkatakan oleh *Indai G* yang berusia 45 tahun:

Bisi kami klinik, tang semina alai berubat sakit sengapa dia enggau alai minta ubat, tang lebu ke pemendis ke raya, ukai nya ulih alai berubat klinik nya. Nadai lutur. (Temubual 20 Julai 2016)

Ada klinik kesihatan yang disediakan, namun perkhidmatannya sangat terhad iaitu hanya untuk rawatan kecil dan untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan sahaja. Tidak ada doktor. (Temubual 20 Julai 2016)

Perlindungan hidup

Indikator yang ketiga iaitu perlindungan hidup yang membawa maksud bahawa sesebuah masyarakat merasa selamat dalam lingkungan sosial mereka. Dalam aspek ini, tuntutan dari aspek perlindungan hidup bagi masyarakat Iban di kawasan kajian ialah jaminan ke atas hak tanah mereka. Tanah merupakan identiti dan jati diri yang mereka pertahankan. Hak ke atas tanah dipertahankan kerana kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang khususnya di kawasan pedalaman masih bergantung kepada sumber hutan yang juga dikenali sebagai tanah adat. Selain sebagai simbol kepada harta atau kekayaan, penggunaan tanah sangat sinonim dengan kebudayaan mereka. Contohnya ialah dalam kegiatan menanam padi yang mana mereka mempercayai ada semangat pada padi tersebut dan semangat itu harus dipelihara bagi mendapatkan hasil padi yang lumayan. Meskipun pada masa sekarang kebanyakan mereka telah beragama Kristian dan telah dikenalpasti berlaku asimilasi budaya seperti upacara lama digantikan dengan

upacara berdoa. Sepertimana menurut Seymour (1972) Kristianiti bagi masyarakat Iban ialah bukan penerimaan penuh iman. Mereka hanya menggunakan kepercayaan dan amalan yang dipilih dari amalan agama Kristan dan menyesuaikan dengan kehidupan mereka.

Dari segi kebudayaan dan kepercayaan juga, masyarakat Iban masih percaya kepada adat-adat seperti pantang-larang. Termasuk juga dalam kegiatan berhuma. Kitaran dalam penanaman padi mereka masih menggunakan kaedah yang lama. Masyarakat Iban memiliki kawasan berhuma yang dikenali sebagai *temuda* yang tersendiri yang digunakan secara bergilir-gilir setiap tahun tanpa menjejaskan kelestarian alam. Secara tidak langsung, cara atau konsep pemeliharaan tanah oleh masyarakat Iban ini sebenarnya telah menyahut cabaran yang The United Nations Development Program (UNDP, 2017). UNDP telah mengariskan beberapa panduan ke arah pembangunan yang mampan yang dikenali sebagai “Sustainable Development Goals” (UNDP, 2017) iaitu pemeliharaan dan penjagaan merangkumi aspek yang menyeluruh seperti perhubungan antara manusia dengan planet, sasaran kepada tanah serta lautan dan seisinya. Sasaran The United Nations Development Program (UNDP) dalam memelihara alam dan seluruhnya mendidik setiap komuniti yang tinggal di bumi untuk bertanggungjawab keatas kepenggunaan dan pengeluaran, tindakan ke atas perubahan iklim, bertanggungjawab ke atas kehidupan marin dan kehidupan di udara, institusi yang aman, adil dan kuat dan berkongsi matlamat yang sama. Uniknyanya, masyarakat Iban telah mempraktikan hukum itu sejak dahulu lagi dan sewajarnya tuntutan mereka dalam mempertahankan tanah adat harus disokong. Perkara ini membuktikan bahawa pengetahuan peribumi dalam pemeliharaan alam sewajarnya diberi penekanan sebagai satu solusi bagi mengurangkan krisis global yang melibatkan kesan rumah hijau.

Selain itu, aspirasi pembangunan masyarakat Iban masih bertulangkan dua identitas masyarakat Iban yaitu adat *bejalai* dan berdasarkan slogan *Agi Idup Agi Ngelaban*. *Bejalai* dalam konteks masyarakat Iban bagi generasi sekarang adalah sama dengan zaman dahulu. Mereka keluar daripada rumah panjang dan pergi ke bandar atas tuntutan tertentu dan masih sama yaitu tujuan mencari ilmu. Namun ia berdasarkan keperluan semasa. Contohnya ialah, belajar di pusat pengajian tinggi, atas tuntutan kerja dan sebagainya. Mereka berhijrah keluar dari rumah panjang dan ada yang menetap di bandar. Namun begitu, mereka masih merasakan diri ada hak ke atas harta mereka di rumah panjang. Antaranya ialah hak ke atas tanah mereka. Seorang informan yang dikenali sebagai *Aya M* berusia dalam lingkungan 50 tahun mengakui bahawa budaya *bejalai* sebenarnya masih menjadi satu tulang adat yang mengorientasikan kehidupan masyarakat Iban pada zaman sekarang. Masyarakat Iban yang telah keluar dari rumah panjang untuk tuntutan tertentu seperti belajar dan mencari peluang pekerjaan di bandar agar kehidupan mereka lebih terjamin. Tuntutan hidup membuatkan mereka harus membawa perubahan dalam kehidupan mereka sesuai dengan perubahan zaman yang telah berlaku. Meskipun mereka telah keluar dari kelompok kehidupan rumah panjang, tetapi mereka masih berpegang kepada identitas sebagai masyarakat Iban. Antaranya ialah bertutur dalam bahasa Iban dan mengetahui adat dan budaya masyarakat Iban. Namun begitu, menurut beliau terdapat kelemahan yang telah dikenalpasti terutamanya dari segi penguasaan budaya seperti adat main asal Iban terutama dalam seni kebudayaan masyarakat Iban seperti tarian *ngajat*, *berpantun* dan sebagainya yang kian dilupakan oleh generasi pada masa sekarang. Namun, sebagai generasi yang mewarisi budaya tersebut, beliau berpendapat bahawa generasi pada masa sekarang sewajarnya bertindak dalam memelihara budaya asal agar budaya Iban tidak pupus ditelan arus pembangunan.

Kebebasan Politik

Indikator terakhir iaitu kebebasan politik seperti mana yang difahami bahawa politik pembangunan telah mencorak mentaliti masyarakat Iban kepada penerimaan mereka terhadap perubahan dari aspek politik. Kebebasan politik merujuk kepada kebebasan masyarakat untuk memilih pemimpin serta menentukan corak politik yang dikehendaki. Mereka mempercayai bahawa setiap perkara yang dijanjikan dalam politik dapat menjamin keselamatan mereka. Contohnya janji kerajaan untuk membina jalan raya yang boleh mengubungkan mereka dengan pekan dan kawasan lain. Janji kerajaan yang mengkhusus kepada keperluan komuniti Iban di kawasan kajian iaitu akan membina jambatan gantung yang menghubungkan mereka dengan sekolah dan klinik yang terletak di seberang rumah. Janji tersebut dinyatakan setiap kali pilihan raya namun setelah bertahun janji tersebut tidak pernah ditunaikan. Masyarakat Iban di rumah panjang ada menuntut dan sentiasa berharap kepada apa yang dijanjikan oleh pihak kerajaan tanpa banyak bantahan. Perkara ini juga berakar dari nilai hidup masyarakat Iban yang menghormati ketua dan pemimpin mereka. Oleh itu, perkara ini telah menjadi nilai tambah kepada kukuhnya dominasi parti politik yang telah awal menapak di daerah tersebut. Parti politik yang memerintah di kawasan atau daerah tersebut tidak pernah berubah sejak pembentukan Malaysia meskipun pada hakikatnya janji pembangunan itu sangat lambat diterima oleh mereka.

Pembangunan berdasarkan tiga indeks aspirasi

Perancangan pembangunan yang mementingkan dan mengetegahkan aspirasi lokal merupakan tindakan pembangunan yang memperkukuhkan pembangunan mampan kerana ia melibatkan penyertaan lokal. Memberi peluang kepada masyarakat lokal menyuarakan aspirasi mereka dari aspek pandangan, pengetahuan dan kemahiran merupakan salah satu pengiktirafan dan sokongan pihak kerajaan terhadap masyarakat tempatan untuk terlibat dalam rancangan pembangunan. Tindakan ini juga merupakan

salah satu usaha untuk memperkasakan peranan masyarakat tempatan terlibat bersama dalam perancangan pembangunan agar setiap rancangan pembangunan bukan hanya hasil dari dorongan atau sokongan orang luar namun secara pantas dan diterima meluas oleh individu dan kedua-dua organisasi. Aspirasi yang bermaksud aspek sasaran atau goal yang ingin dicapai berdasarkan tiga keraguan yang berbeza (sikap ragu-ragu: ragu tentang kebenaran sesuatu) iaitu berkaitan dengan manusia mempunyai pelbagai pilihan dan nilai, manusia juga memiliki keupayaan untuk mendapatkan apa yang diinginkan dan menghormati kepelbagaian julat norma dan nilai serta sikap sesebuah masyarakat. Gabungan prinsip ini telah menyokong definisi pembangunan yang diutarakan oleh United Nations Development Programme (UNDP) iaitu perancangan pembangunan harus melibatkan pembangunan manusia yang bersifat pembangunan *bottom-up* (bawah atas).

Meskipun dalam usaha untuk memahami aspirasi sesebuah kelompok masyarakat semestinya akan berhadapan dengan pelbagai pilihan yang akan diutarakan. Tetapi perkara penting dalam aspek ini adalah proses interaksi yang melibatkan setiap individu dalam kelompok masyarakat akan memberi input yang berguna untuk mencapai kata sepakat dalam satu perkara. Begitu juga dengan konteks masyarakat Iban dan pihak kerajaan. Sekiranya prinsip seperti ini diterapkan, objektif dalam setiap perancangan pembangunan akan dapat dicapai kerana masing-masing dua belah belah pihak mempunyai rasa kepunyaan untuk mencapai sasaran pembangunan yang dirancang dan dicitakan. Bagi masyarakat Iban, salah satu aspek pilihan utama mereka ialah ada jaminan dalam pendapat bulanan mereka. Masyarakat Iban di rumah panjang khususnya yang tinggal mahukan aktiviti pertanian yang dapat memberi pulangan pendapatan yang konsisten kepada mereka setiap bulan. Oleh hal demikian, sokongan moral daripada pihak kerajaan sangat mereka perlukan agar hasrat mereka dapat dicapai. Contohnya memberi khidmat nasihat dan sokongan yang berterusan dalam

aktiviti menanam lada dan menoreh getah sepertimana yang pernah dilakukan oleh pihak kerajaan sebelum ini. Mereka menuntut agar fokus pembangunan pihak kerajaan tidak meminggirkan keperluan mereka yang tinggal di pedalaman.

Indeks apirasi kedua ialah manusia juga memiliki keupayaan untuk mendapatkan apa yang diinginkan. Meskipun manusia memiliki keinginan berbeza dan pelbagai, tetapi ia akan menyediakan input untuk penggubalan dasar masa depan. Contohnya ialah keinginan memperolehi sumber yang boleh mengubah kehidupan yang lebih selesa merupakan jaminan hak asasi manusia. Bagi masyarakat Iban di kawasan kajian, keinginan mereka yang sangat jelas ialah untuk mendapatkan kemudahan infrastruktur pembangunan sepertimana yang dinikmati oleh masyarakat bandar seperti jalan raya berturap, kemudahan elektrik dan komunikasi kerana ia dilihat boleh mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Sekiranya pihak kerajaan dengan jelas mengetahui dan memahami keinginan masyarakat Iban di pedalaman mengenai hasrat pembangunan mereka, ia akan memudahkan pihak kerajaan untuk membuat penggubalan dasar seperti perancangan pembangunan yang fokus kepada kehendak masyarakat itu sendiri. Apabila perancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan fokus kepada kehendak masyarakat itu sendiri, ia dapat mewujudkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak untuk menjayakan setiap perancangan pembangunan.

Indeks aspirasi yang ketiga pula menuntut untuk menghormati kepelbagaian julat norma dan nilai serta sikap sesebuah masyarakat. Bagi masyarakat Iban, tanah merupakan satu nilai yang penting dalam kehidupan mereka. Meskipun orang luar melihat bahawa sumber dalam tanah adat mereka berpotensi dalam menyalurkan sumber ekonomi yang menguntungkan kepada pendapatan negeri. Namun, bagi masyarakat Iban, tanah adat merupakan sebahagian daripada norma nilai mereka yang mereka pertahankan. Tanah merupakan nilai jati diri yang dipertahankan kerana ia

adalah warisan dan amanah yang perlu dijaga. Meskipun mereka menerima perubahan yang akan berlaku, namun mereka mahukan aspek identiti dan jati diri mereka dihormati terutamanya dalam isu tanah. Masyarakat Iban tidak bermaksud untuk menolak pembangunan, namun mereka mahu hak mereka sebagai masyarakat asal harus dihormati di samping tidak menghakis nilai dan budaya kehidupan berk komuniti mereka di rumah panjang. Oleh itu, menghormati aspirasi peribumi dari aspek norma dan nilai mereka penting kerana mereka juga mempunyai hak yang sama seperti masyarakat lain di muka bumi ini.

6.3 Perubahan

Pembangunan telah memberi kesan positif ataupun negatif kepada kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Antaranya ialah perubahan dalam peranan sistem kekeluargaan bagi masyarakat Iban di rumah panjang. Terdapat dalam kalangan warga emas yang terutamanya tinggal bersendirian iaitu tidak ada penjagaan daripada anak-anak mereka. Kebanyakan anak-anak mereka telah berhijrah ke bandar bagi memenuhi tuntutan hidup. Mereka pergi ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang boleh menampung perbelanjaan bagi menjamin kehidupan mereka. Sementara pula, kebanyakan warga emas yang tinggal bersendirian ini memilih untuk tinggal di rumah panjang atas kehendak mereka sendiri. Hal ini kerana kehidupan di bandar bukan citarasa mereka. Mereka mengatakan bahawa kehidupan di bandar banyak tekanan dan mengongkong kebebasan. Oleh sebab itu, mereka memilih untuk tinggal di rumah panjang meskipun harus tinggal berseorangan. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan yang tidak baik kepada sistem kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Iban di pedalaman lebih-lebih lagi kepada warga emas yang tidak ada penjaga.

Selain daripada itu, pembangunan juga telah mengubah sistem sosial dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang. Antaranya ialah dalam aktiviti pertanian iaitu sistem berderau dan gotong-royong yang semakin sukar dilaksanakan. Hal ini

disebabkan oleh bilangan masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang semakin berkurang ekoran daripada perpindahan masyarakat Iban ke bandar secara beramai-ramai atas tuntutan hidup. Bilangan penduduk yang semakin berkurang ini telah menghalang pelaksanaan sistem sosial yang telah dipraktikan oleh masyarakat Iban sebagai satu masyarakat yang hidup secara berk komuniti iaitu sistem berderau. Bagi masyarakat Iban yang hidup secara berk komuniti, sistem berderau merupakan salah satu platform yang menyatukan mereka kerana konsep asas sistem ini adalah melakukan aktiviti bersama-sama atau bergotong-royong. Apabila bilangan penduduk di rumah panjang semakin sedikit, maka tenaga kerja juga menjadi semakin berkurang. Oleh itu, mereka kekurangan tenaga kerja untuk mengusahakan huma mereka yang berskala besar bagi menampung keperluan beras mereka sepanjang tahun. Perubahan ini menyebabkan ramai dalam kalangan penduduk rumah panjang tidak lagi berhuma.

Selain daripada faktor kekurangan tenaga kerja, terdapat faktor lain yang turut menyebabkan mereka tidak mahu berhuma. Antaranya ialah faktor kesihatan kerana sebilangan mereka terdiri daripada warga emas. Mereka memikirkan bahawa sekiranya mereka masih berhuma, ia tidak akan membawa keuntungan kepada mereka kerana kemampuan mereka untuk berhuma hanya bersaiz kecil sahaja. Huma yang saiz kecil tidak mampu untuk menampung keperluan beras mereka sepanjang tahun. Maka aktiviti berhuma telah dipandang sebagai satu aktiviti yang mendatangkan kerugian kepada mereka. Tambah-tambah lagi tanaman padi mereka sering diancam oleh haiwan liar seperti babi hutan dan ancaman kera akibat daripada pencerobohan kepada habitat haiwan liar ini ekoran daripada pencerobohan hutan iaitu aktiviti pembalakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Apabila mereka tidak lagi berhuma, secara tidak langsung mereka kehilangan aktiviti yang dapat mengisi masa lapang mereka dengan kegiatan berfaedah. Oleh itu, perubahan ini menuntut mereka untuk mencari sesuatu

pekerjaan yang boleh mengisi masa lapang mereka di samping dapat menjaga sumber ekonomi mereka.

Kajian juga mendapati bahawa kemunduran pembangunan di kawasan kajian turut mempengaruhi aspirasi masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Antara ialah tentang pendapat atau pandangan warga emas yang sudah berumur mengatakan bahawa tidak tahu bagaimana cara untuk hidup di rumah panjang. “ *nadai cara idup, malam tawas ga ari, nganti ari siti, nganti ari silih berganti*” bermaksud “*tidak ada cara hidup, siang dan malam yang silih berganti*”. Perkara ini menyumbang kepada pembangunan psikologi masyarakat Iban di rumah panjang ke arah pembangunan. Mereka tidak menginginkan pembangunan kerana bagi mereka tidak ada harapan dalam pembangunan yang pada awalnya dilihat dapat mengubah kehidupan mereka arah yang lebih baik. Sementara pula, realitinya pembangunan itu sangat lambat dan menjadi satu penantian yang sangat panjang kepada mereka. Oleh sebab itu, harapan dan hasrat mereka terhadap pembangunan menjadi kabur.

6.4 Cadangan pembangunan

Pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial yang lebih menyeluruh sifatnya. Ia adalah terbahagi kepada dua, iaitu pembangunan dirancang dan pembangunan yang tidak dirancang. Dua aspek pembangunan ini ialah pembangunan yang melibatkan usaha sadar manusia merancang perubahan dalam hidup mereka. Selain itu, tindakan akan sering diungkapkan sebagai *social engineering* yang melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya seperti perencanaan, pelaksanaan, penerimaan dan pembiayaan. Terdapat tiga aspek penting di dalam memahami aspirasi iaitu kepentingan dan keupayaan untuk memilih secara bebas, keupayaan untuk memiliki atau hasrat untuk memiliki dan memahami tentang norma dan nilai sesebuah masyarakat. Indikator kepentingan dan keupayaan untuk memilih secara bebas merupakan salah satu aspek yang penting di dalam pelaksanaan pembangunan kepada

masyarakat Iban di rumah panjang. Memberi kebebasan kepada penduduk rumah panjang dalam menentukan pembangunan yang sesuai kepada kehidupan mereka atau menurut kepada aspirasi pembangunan mereka akan membolehkan pihak pentadbiran memahami kehendak pembangunan masyarakat Iban yang sebenar. Dengan itu, percanggahan di dalam pelaksanaan pembangunan antara masyarakat Iban di rumah panjang dan pihak kerajaan dapat diatasi.

Pembangunan menurut aspirasi mereka adalah merupakan satu hasrat yang mereka impikan. Hasrat itu dimotivasikan dari keinginan untuk mencapai sesuatu impian. Cuma hasrat itu harus disokong bersama oleh sesebuah institusi yang bertanggung dalam sesebuah pelaksanaan. Begitu juga dengan masyarakat Iban di rumah panjang. Sekiranya program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran selaras dengan hasrat penduduk rumah panjang maka masalah percanggahan pendapat dapat dikurangkan. Contohnya ialah aktiviti ekonomi yang mampu menjana sumber ekonomi merupakan antara aspirasi masyarakat Iban di rumah panjang. Oleh hal demikian, dalam mencapai kata melalui perbincangan secara berterusan dengan penduduk rumah panjang sangat diperlukan. Antaranya melibatkan masyarakat Iban di rumah panjang dalam setiap perbincangan program pembangunan yang ingin dilaksanakan agar suara pembangunan menurut kehendak mereka sendiri dapat didengar oleh pihak pelaksana atau pihak kerajaan. Aspek ini sangat penting agar program pembangunan yang dirancang adalah condong kepada aspirasi masyarakat Iban itu sendiri.

Disamping itu juga, pihak kerajaan harus mempertimbangkan beberapa hal berbangkit yang menjadi halangan kepada mereka. Salah satu daripadanya ialah, seperti yang sedia kita maklumi, majoriti dalam kalangan masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang adalah antara golongan yang tidak bersekolah. Cabaran yang mereka hadapi ialah apabila mereka perlu membuat permohonan untuk program pembangunan

wahal mereka tidak tahu bagaimana menulis atau membaca. Oleh sebab itu, mereka sangat memerlukan penyeliaan penuh daripada pihak kerajaan bersama dengan mereka dalam setiap proses permohonan iaitu mengisi borang sehingga ke proses praktikal iaitu pemantauan dan penyeliaan ke rumah panjang seperti memberi khidmat nasihat kepada mereka dalam setiap permasalahan yang mereka hadapi. Sememangnya, perkara ini telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan ia terbukti berkesan. Contohnya ialah sekitar tahun 1995 sampai 2005, masyarakat Iban di kawasan kajian mengakui bahawa pada tempoh masa tersebut merupakan tempoh masa yang sangat makmur bagi mereka apabila pegawai pertanian sering datang ke rumah panjang bagi memberi khidmat nasihat khususnya mengenai aktiviti pertanian yang mereka usahakan dan kaedah ini membolehkan interaksi secara terus antara mereka dengan pihak kerajaan.

Penduduk rumah panjang memberitahu bahawa kekerapan pegawai pertanian ke rumah panjang sangat memudahkan mereka untuk menerima nasihat di atas masalah dalam pertanian yang mereka hadapi. Perkara ini mencerminkan bahawa, masyarakat Iban di rumah panjang mahukan ada proses interaksi antara mereka dengan pegawai pertanian. Interaksi tersebut dilihat sebagai salah satu perkara yang penting bagi masyarakat Iban di rumah panjang kerana ia dapat menimbulkan rasa kepercayaan mereka kepada pihak kerajaan. Meskipun pada ketika itu mereka membuat tuntutan ke atas kemudahan infrastruktur, namun usaha kerajaan dalam membantu mereka dari segi kegiatan pertanian bagi menyokong sumber pendapatan mereka merupakan salah satu perkara yang telah membuktikan bahawa kerajaan tidak mengabaikan kebajikan mereka kepada masyarakat Iban di rumah panjang.

Di dalam proses perbincangan pula akan membawa kepada pemahaman tentang sikap dan nilai variasi dan kebolehubahan idea atau hasrat setiap individu. Melalui proses perbincangan ini, ia memberi maklumat yang pelbagai bagi mencapai polisi yang adil. Walaupun sikap dan nilai setiap individu adalah berbeza dan sukar untuk

mendapatkan kata sepakat di dalam perbincangan. Namun ia merupakan salah satu proses di dalam kita menerima pendapat setiap individu. Maka dari situ, perbincangan itu berupaya untuk mengumpulkan idea-idea yang banyak dan pelbagai. Perkara ini penting dalam memastikan ketelusan setiap keputusan yang diambil kerana kepelbagaian idea yang diperoleh ini dapat mencapai atau menghasil satu polisi adil yang mana ia berlandaskan kepada idea tanpa mengabaikan hak semua individu dalam menyuarakan kehendak mereka. Oleh itu, dengan memahami sikap dan nilai serta menerima idea setiap individu adalah merupakan salah satu cara yang penting kerana setiap individu ada hak di dalam bersuara. Proses perbincangan bersama dengan masyarakat Iban di rumah panjang wajar dilakukan agar tidak ada satupun suara khususnya dalam aspek pembangunan dipinggirkan.

Dalam kajian ini, masyarakat Iban di rumah panjang mendapati bahawa penyaluran pembangunan kepada mereka di rumah panjang agak ketinggalan. Antaranya ialah dari segi infrastruktur seperti jalan raya, kemudahan elektrik sepanjang masa dan juga kemudahan komunikasi. Bagi mengetahui pembangunan dapat meningkatkan kemajuan sesebuah masyarakat, pihak kerajaan akan berhadapan dengan banyak cabaran. Namun cabaran itu harus dikenalpasti untuk mendapatkan solusinya. Lebih-lebih lagi untuk mendapatkan satu ukuran pembangunan yang berlandaskan kepada latarbelakang masyarakat, kerana setiap masyarakat ada standard atau pandangan sendiri dalam melihat pembangunannya. Model pembangunan sebagai satu kebebasan yang cuba diketengahkan di dalam kajian ini adalah sebagai garis panduan untuk melihat dan mencari satu formula pembangunan yang berkesan bagi masyarakat Iban secara amnya dan khusus kepada masyarakat Iban yang tinggal jauh di pedalaman tanpa akses kepada jalan raya seperti di Nanga Engkuah. Oleh itu, masyarakat Iban di rumah panjang mengimpikan agar penyaluran pembangunan itu disegerakan. Contohnya, masyarakat Iban di rumah panjang sedang berhadapan dengan masalah

untuk mendapatkan sumber pendapatan yang konsisten pada setiap bulan. Oleh itu, pihak kerajaan sewajarnya menjadikan ini sebagai isu penting dan bersama dengan rakyat di dalam menyelesaikannya dan sewajarnya jalan penyelesaian itu adalah menurut persetujuan bersama.

Selain itu, menghormati aspek yang sangat dijaga oleh mereka merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Bagi masyarakat Iban, salah satu daripadanya ialah hak mereka kepada tanah mereka. Mereka melihat tanah sebagai salah satu warisan penting yang diberikan oleh nenek moyang mereka dan tanah juga merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka kerana mereka bergantung kepada tanah sebagai salah satu sumber interaksi mereka. Namun begitu, mereka belum lagi mendapatkan hak yang sah ke atas pemilikan tanah mereka iaitu geran tanah yang diakui sebagai satu dokumen rasmi bagi setiap pemilik tanah. Oleh sebab itu, sehingga kini mereka masih menuntut agar pihak kerajaan memberi pemilikan yang sah kepada mereka. Dokumen tersebut dianggap penting untuk tujuan tertentu, antaranya ialah sebagai bukti pemilikan secara sah apabila berlakunya penindasan ke atas hak terhadap tanah mereka sendiri. Oleh itu, pemilikan geran tanah merupakan salah satu aspirasi yang jelas bagi masyarakat Iban di rumah panjang kepada kerajaan Sarawak khususnya yang mempunyai autoriti bagi meluluskan perkara tersebut.

6.5 Batasan kajian

Pengkaji memahami bahawa skop kajian sangat luas iaitu merangkumi beberapa aspek yang besar seperti aspek sosial, ekonomi dan politik. Namun begitu, pengkaji memahami bahawa untuk mendapatkan aspirasi utama masyarakat Iban rumah panjang mahu, kajian perlu untuk melibatkan semua aspek yang besar ini. Kajian mendapati bahawa, aspek ekonomi merupakan aspirasi utama masyarakat Iban di rumah panjang iaitu jaminan mereka dari segi aspek ekonomi. Tetapi dari aspek utama ini, mereka juga

mahu agar aspek sosial dan politik malah kebudayaan dan identiti mereka sebagai masyarakat Iban juga turut dipelihara.

Skop kajian ini juga hanya terbatas atau melibatkan informan dalam kalangan masyarakat Iban di kawasan kajian. Oleh itu, segala aspek yang diluar kajian tidak akan dibicarakan meskipun ia berkaitan. Antaranya ialah kesan migrasi masyarakat Iban ke bandar. Pandangan dan aspirasi pembangunan generasi yang sudah keluar terutama generasi muda tidak akan dibicarakan dalam kajian ini kerana pengkaji memahami bahawa ia melibatkan dua informan dari latarbelakang yang berbeza. Sementara fokus kajian hanya kepada masyarakat Iban yang hidup dan menetap di kawasan kajian, bukannya dari kategori yang telah keluar dan berhijrah ke bandar. Pengkaji hanya menemubual seorang individu dari generasi yang telah berhijrah ke bandar untuk mengetahui pandangan beliau tentang adat *bejalai* dan relevan slogan *Agi Idup Agi Ngelaban* yang masih menjadi satu wadah identiti masyarakat Iban pada masa sekarang.

Termasuk juga kupasan secara menyeluruh tentang perkembangan dan aspek politik negeri Sarawak. Fokus kajian ingin mengetahui pandangan dan pendapat dan suara politik dalam kalangan masyarakat Iban di kawasan kajian sahaja. Pengkaji sendiri mengerti bahawa kupasan aspek politik bagi masyarakat Iban di kawasan kajian dan perkembangan politik negeri Sarawak secara keseluruhan boleh menjadi satu kajian pada masa akan datang atau bagi pengkaji luar yang berminat tentang aspek ini. Oleh itu, terdapat beberapa usulan untuk kajian yang akan datang.

6.6 Cadangan kajian susulan

Berikut merupakan cadangan kajian yang boleh dibuat untuk kajian yang seterusnya. Antaranya ialah cabaran ekonomi dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang. Kajian boleh dibuat dengan memfokus khusus kepada aspek ekonomi. Antaranya ialah jenis-jenis ekonomi penduduk Iban di rumah panjang dulu dan kini, perubahan kegiatan ekonomi serta kesan perubahan kegiatan ekonomi tersebut kepada

keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Kajian boleh mengaitkan lagi dengan tindak balas masyarakat Iban di dalam berhadapan dengan perubahan ekonomi tersebut.

Seterusnya ialah aspek politik iaitu mengenai keteguhan pucuk kepimpinan Barisan Nasional di kawasan kajian yang tidak pernah berubah dalam tempoh lebih daripada lima puluh tahun ini. Kajian boleh dimulakan tentang pandangan masyarakat Iban terhadap seorang pemimpin. Selain itu, kajian juga boleh mengupas mengenai pembangunan yang telah dibawa oleh pihak pentadbiran Barisan Nasional sepanjang lebih lima puluh tahun memerintah dan pendapat masyarakat Iban di daerah ini terhadap wakil politik mereka.

Selain itu, kajian terhadap kepentingan tanah kepada masyarakat Iban merupakan salah satu kajian yang sangat menarik dan sangat penting untuk dikupas. Bagi masyarakat Iban, tanah merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka kerana dari tanah mereka bergantung hidup. Di kawasan kajian, semua tanah mereka masih berstatus tanah *Native Customary Right* (NCR). Mereka tidak ada geran tanah yang diakui secara sah iaitu dalam bentuk dokumen. Kajian terhadap tindak balas masyarakat Iban terhadap penerokaan tanah mereka merupakan satu kajian yang sangat penting. Pada akhir kajian nanti, ia akan menjadi satu dokumentasi penting sebagai rujukan dan panduan dalam mengetahui pendapat masyarakat Iban mengenai tanah dan penerimaan mereka terhadap penerokaan tanah mereka dan tindakan pihak pentadbiran di dalam memahami nilai tanah itu menurut konteks masyarakat Iban terutama bagi masyarakat di pedalaman.

Cadangan kajian seterusnya ialah mengkaji secara spesifik terhadap cabaran pihak pelaksanaan pembangunan infrastruktur khususnya pembinaan jalan raya. Antaranya ialah, cabaran mereka apabila berurusan dengan komuniti rumah panjang bagi mendapatkan persetujuan meneroka tanah mereka untuk tujuan membina jalan

raya. Dalam kajian ini boleh meneliti mengenai harga pembangunan yang perlu dibayar oleh masyarakat Iban seperti merelakan tanah pusaka mereka diteroka. Hal ini penting untuk keperluan jangka masa panjang khususnya untuk generasi akan datang serta mereka sendiri bagi tujuan perubahan hidup yang lebih baik seperti yang diimpikan. Kajian ini nanti akan memperolehi luahan mereka terhadap perkara-perkara ini.

Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

- Abeyrama, T. (1983). *Local participation in rural development planning: a case study of settlements established by FELDA in West Malaysia*. Bangkok: Asian Institute Of Technology:
- Alkire, S. & Foster, J (2009). *Counting and Multidimensional Poverty Measurement, OPHI Working paper 32*. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development initiative.
- Amir Zal & Ma'rof Redzuan (2015). Pembangunan Program Inap Desa Dalam Komuniti Bario Sarawak Dari Pendekatan Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Electronic version). *Manusia dan Masyarakat (Man and Society)*, 20(20).
- Azizah Hamzah. (2010). Malaysia's Role in National Development: Media Policy and National Stability. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 11(1).
- Bejalai enggau Iban Diaspora (2012). *Berita Iban*. Retrieved from <http://ir.unimas.my/id/eprint/5981>
- Bian, B. (2000). *Persepectives: Proposed Amendments to the Land Code (Land Code Amendment Bill 2000)*. Unpublished report.
- Boyatzis, R.E. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Brookfield, H. (2008). Land and longhouse; Agrarian transformation in the uplands of Sarawak, R.A. Cramb. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 164(2/3), 299-301.
- Bulan, R. (2006). Native Customary Land: The Trust as a Device for Land Development in Sarawak. In Cooke F. (Ed.), *State, Communities and Forests In Contemporary Borneo* (pp. 45-64). ANU Press. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/j.ctt2jbjv2.11>

- Carter, V.G. (1945). *Dictionary of Education*. New York: McGraw Hillbook Company.
- Chamber, R. (2007). *Ideas for development*. London: Earthscan.
- Chan, S. C. (2008). The Dayak dilemma. *Malaysian Business*, 15. Retrieved from <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=http://search.proquest.com/docview/229709778?accountid=28930>
- Chee, B. T. (1997). Indigenous People, the State and Ethnogenesis: A Study of the Communal Associations of the "Dayak" Communities in Sarawak, Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 28(2), 263-284.
- Chin, J. (2004). Sabah and Sarawak: The More Things Change the More They Remain the Same. *Southeast Asian Affairs*, 156-168.
- Chin, J. (2010). MALAYSIA: The Rise of Najib and 1Malaysia. *Southeast Asian Affairs*, 165-179.
- Clarke, H. H., & Stratton, S. T. (1962). A Level of Aspiration Test Based on the Grip Strength Efforts of Nine-Year-Old Boys. *Child Development*, 33(4), 897-905. doi: 10.2307/1126900
- Cobb, D. D. (1988). *Iban shifting cultivation : a bioregional perspective*. Ann Arbor: Arizona State University.
- Cortez, M.C, Barieng, A, Safri Othman,... Luka, A. (2017, April – Jun). Daerah Song tidak lagi terpisah dengan pembangunan: Akses jalan beri harapan kepada penduduknya. *Rakan Sarawak*, 30-33.
- Cramb, R.A. (2007). *Land and Longhouse: Agrarian Transformation in the Uplands of Sarawak*. Denmark: NIAS (Nordic Institute of Asian Studies) Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4*. Kuala Lumpur: Selangor.
- Dimbab, D. Sanggin, S.E & Saleh, R.M (2000). *Iban culture and development in the new reality*. Kuching: Dayak Cultural Foundation.

- Dove, M. R. (2006). Indigenous People and Environmental Politics. *Annual Review of Anthropology*, 35, 191-208.
- Endang Dom & Rabiatul Ahmad. (1996). *Pembangunan masyarakat desa: Satu agenda prioriti*. Kuala Lumpur: Institut Pembangunan Minda.
- Egay, K. (2008). The Significance of Ethnic Identity Among the Penan Belangan Community in the Sungai Asap Resettlement Scheme. *In Representation, identity and multiculturalism in Sarawak*, ed. Zawawi Ibrahim, 239-255. Kuching: Dayak Cultural Foundation and Kuching: Dayak Cultural Foundation and Kajang: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari pengajian ilmu penterjemahan dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.
- Fernando, S. G. J. M. (2015). *Donald Stephens dan peranannya dalam pembentukan Malaysia*. *Jurnal Sejarah*, 22(1).
- Freeman, D. (1992). *The Iban Borneo*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed.
- Fredericks, L. J. (2012). Exploring the Spatial Dimensions of Rural Development Models in Malaysia 1957-2007. *Institutions and Economies*, 4(1).
- Freilich, M. (1970). *Marginal natives: anthropologist at work*. New York: Harper & Row.
- Fuad Jali, Junaidi Besar, Abdul Sidek,... Khaidzir Ismail. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 10 (2), (88-97). Retrieved Januari 2015, from <http://www.ukm.my/geografia/v1/?cont=v&item=2&art=458&ver=loc>
- Greve, H. R. (1998). Performance, Aspirations, and Risky Organizational Change. *Administrative Science Quarterly*, 43(1), 58-86. doi: 10.2307/2393591

- Hashim Awang. (1996). *Menangani data ethnografi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Haris Wahab & Abdul Zakaria. (2012). *Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Harrison, T. (1959). *The peoples of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum.
- Her Highness The Ranee of, S. (1914). SARAWAK. *Journal of the Royal Society of Arts*, 62(3202), 428-434.
- Hidalgo, C. A. (2015). The Development of Translation Theory. *Journal of Modern Languages*, 5(1).
- Hill, H. (2015). Is There a Southeast Asian Development Model. *Malaysian Journal of Economic Studies (MJES)*, 51(0).
- Hurlock, E.B. (1898). *Adolescent Development*. New York: McGraw-Hill.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Buku Tahunan Perangkaan: Year book of statistic Sarawak 2012*. Kuching, Sarawak.
- Jasin, A. K. (2009). Maintaining the faith in Bumiputera trust agencies. *Malaysian Business*, 6-n/a.
- Jawan, J. (1991). *Political change and economic development among the Ibans of Sarawak, East Malaysia*. Hull: University of Hull.
- Jawan, J. (1994). *Iban politics and economic Development: their patterns and changes*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan. Retrieved from <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=http://search.proquest.com/docview/29709778?accountid=28930>
- Jawan, J. (1991). *The Ethnic Factor in modern politics: The Case of Sarawak, East Malaysia*. Hull: Center for South-East Asian Studies at University of Hull.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Oxford: Clarendon Press.

- Jim, F. & Frank, S. (1985). *Studies in World Development*. London: Edward Arnold Ltd.
- Jumingan, M. F. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Justus, M. v. d. K. (1967). Ceylon's Political Left: Its Development and Aspirations. *Pacific Affairs*, 40(3/4), 250-278. doi: 10.2307/2754443
- Kedit, P. M. (1993). *Iban bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Kedit, P.M. (1980). *Modernization among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keya Chakraborty, J. S. (2012). Utility assessment of human development indicators: case of Kolkata Urban agglomeration. *Journal of Design and Built Environment*, 8(1).
- Kothari, U & Minogue, M. (2002). *Development theory and practice: critical perspectives*. Houndmills: Palgrave.
- King, V. T. (1988). Models and Realities: Malaysian National Planning and East Malaysian Development Problems. *Modern Asian Studies*, 22(2), 263-298.
- King, V. T. (1994). Fair Land Sarawak; Some Recollections of an Expatriate Official. Southeast Asia Program, Studies on Southeast Asia 13, Alastair Morrison. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 150(2), 433-435.
- Kwok, C. H. (2014). *Penglibatan masyarakat Iban dalam program pembasmian kemiskinan: Kajian kes di Daerah Song*, (M.A). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kwok, C. H. & Haris Wahab. (2014). Pengetahuan masyarakat Iban tentang program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di Daerah Song, Sarawak (Electronic version). *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(1), 87-93.

- Kwok, C.H & Haris Wahab. (2014). Kesan persekitaran fizikal ke atas keterlibatan komuniti Iban dalam program pembangunan di rumah panjang: Satu pemerhatian awal (Electronic version). *GEOGRAFIAN Online tm Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 127-132.
- Kwok, C.H & Haris Wahab. (2013). Tahap penglibatan masyarakat Rumah Panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak (Electronic version). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8 (No.1), 73-84.
- Kheung, L.C. (2014). *Pattern and Trends of the Iban, Chinese and Malay Population of Sarawak, 1947-2010*. Kota Samarahan:Universiti Malaysia Sarawak.
- Leng, Y. L. (1981). *Penduduk dan petempatan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levi-Strauss, C. (1967). *Structural Antropology*. New York: A Doubleday Anchor Book.
- Lopez, G. P. (2014). Book Review- Malaysia's Development Challenges : Graduating from the Middle. *Institutions and Economies*, 6(2).
- Lucy, S. (2009). *Iban bejalai: Its effects on Iban women in contemporary Sarawak*. Working Paper. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Lyndon, N., Selvadurai, S., Er, A.C, Ramli Zaimah, R., Mohd Fuad Jali,... Mohd Yusof Hussain. (2012). Makna penyertaan dalam program pembangunan komuniti: saturakan tinjauan dari sudut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar. *Geografia: MalaysianJournal of Society and Space*, 8(6), 24-31.
- Madeline, B. (2001). Constraints to rural community involvement and "success" in non-agricultural activities: Some evidence from Sarawak, Malaysia. *Humanomics*, 17(1/2), 99-115.

- Malinowski, B. (1922). *Argonauts of the Western Pacific: an account of native enterprise and adventure in the archipelagoes of Melanesian New Guinea/ With a preface by Sir James George Frazer*. New York: b E.P. Dutton.
- Malinowski, B. (1954). *Magic, science and religion and other essays*. New York: Doubleday.
- Manser, B. (1996). *Voices from the rainforest: Testimonies of a Threatened People*. Petaling Jaya: INSAN.
- Mark, C. & Peter, E. (1992). *Borneo: Change and development*. New York, NY: Oxford University Press.
- Marx, K (1964). *Pre-capitalist economic formations/ Karl Marx; translated by Jack Cohen; edited and with an introduction by E.J. Hobsbawn*. London: Lawrence & Wishart.
- Maskun, S. (1993). *Pembangunan masyarakat desa: asas, kebijaksanaan, dan manajemen*. Yogyakarta: Media Widya Mandala.
- Metcalf, P. (2002). *They Lie, We Lie: Getting on with Anthropology*. London: Routledge.
- Mitchell, C. L. (2004). The Encyclopaedia of Iban Studies: Iban History, Society, and Culture. *The Journal of Asian Studies*, 63(1), 260-262.
- Mokhtar & Nor Asmah. (1996). RM10m to be spent on erasing urban poverty, *Business Times*, p. 02. Retrieved from <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=http://search.proquest.com/docview/266744652?accountid=28930>
- Myron, W. (1975). *Modenisasi dinamika pertumbuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat. (1993). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Idris & Razak Dan. (2002). *Teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ooi, K.G.(1999). *Rising sun over Borneo: the Japanese occupation of Sarawak, 1941-1945*. New York, N.Y: St. Martin's Press.
- Patrick, H. (1976). A Dynamic Model of Japanese Economic Development, 1887-1915. *The Journal of Asian Studies (pre-1986)*, 35(3), 475.
- Paulus, F., Stepanus. D., John, B. & Nice, A. (1994). *Kebudayaan Dayak: Aktualisasi dan Transformasi*. Indonesia: PT Gramedia Widiasarana.
- Power, J. (1971). *Development economics*. London: Longman.
- PR Newswire. (2011). Chief Minister Pehin Sri Abdul Taib Mahmud Realising Dream of a Developed Sarawak, *PR Newswire*. Retrieved from <http://ezproxy.um.edu.my:2048/login?url=http://search.proquest.com/docview/830401169?accountid=28930>
- Reece, R.H.W. (1982). *The name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur:Oxford University Press.
- Reece, B. (2004). *The white rajahs of sarawak : A borneo dynasty*. Singapore: Archipelago Press.
- Richard, A.J.N. (1981). *An Iban-English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press.
- Rostow, W.W. (1960). *The Process Of Economic Growth*. Oxford: Clarendon Press.
- Rusaslina Idrus. (2010). From wards to citizens: Indigenous rights and citizenship in Malaysia. *PoLAR: Political and Legal Anthropology Review*, 33(1), 89-108.
- Rock, M. T. (2015). Southeast Asia's Democratic Developmental States and Economic Growth. *Institutions and Economies*, 7(1).
- Roth, H.L. (1896). *The Natives of Sarawak and British North Borneo: based chiefly on the Mass. of the late Hugh Brooke Low*. London: Truslove & Hanson.

- Roth, H. L. (1980). *The Natives of Sarawak and British North Borneo*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sabibah Osman. (2000). Globalization and Democratization: The Response of the Indigenous People of Sarawak. *Third World Quarterly*, 21(6), 977-988.
- Sachs, W. (1998). *The Development Dictionary: A Guide to Knowledge as Power*. London & New York: Witwatersrand University Press.
- Sadono Sukirno. (1993). *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
- Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah Rule*. London: Macmillan.
- Sandin, B. (1980). *Adat Iban and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia for School of Comparative Social Sciences.
- SARDA. (1976). *Strategies of rural development in Asia: a discussion: summary of discussion, research studies, and country statements presented to Seminar on Approaches to Rural Development in Asia held in May-June, 1975*. Kuala Lumpur: Asian Centre for Development Administration.
- Sarawak Information Service. (1960). *Information on Sarawak/ compiled and prepared by the Sarawak Information Service*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Scott, C.J (1976). *The moral economy of the peasant: rebellion and subsistence in Southeast Asia*. New Haven: Yale University Press.
- Scott, C.J (1985). *Weapons of the weak: everyday forms of peasant resistance*. New Haven: Yale University Press.
- Scott, C.J (1998). *Seeing like a State*. New Haven: Yale University Press.
- Sen, A. (1999). *Development as freedom*. New York, NY: A.A.Knopf.
- Seymour, J. M. (1972). *The rural school and rural development among the Iban of Sarawak*. Tesis PhD. Stanford University.

- Shamsul Baharuddin . (1953). *From British to Bumiputera Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.
- Shamsul Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia yang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hadijah, Roslan & Siti Norliza. (2012). *Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII). Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.
- Siti Hadijah, Fauzi Hussin & Razali Jali. (2003). *Ekonomi Malaysia*. Pahang: PTS Publications.
- Somjee, A. (1991). *Development theory: critiques and explorations*. Hampshire, NY: Macmillan Academic and Professional.
- Songan, P. (1992). *Perceived motivations and deterrents associated with participation of peasants in rural development programs in Sarawak, Malaysia*. Thesis (Ph.D), Cornell University. Ann Arbor, Mich: University Microfilms International
- Spradley, J. P. (1980). *Participant observation*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- State Implementation Monitoring Unit (2006). *Development in Sarawak: An Aerial Perspective*. Chief Minister Department Sarawak.
- SUARAM (n.d.). *Agi Idup, Agi Ngelaban: pepatah Iban yang bererti "Berjuang selagi nafas masih ada"*. Petaling Jaya: Suara Rakyat Malaysia (SUARAM).
- Sultive, V.H. (1978). *The Iban of Sarawak*. Arlington Height, III: AHM Pub.Corp.
- Syed Ali. (1979). *Apa erti pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Todaro, M. P. (1977). *Economic for developing world: an introduction to principles, problems and policies for development*. London: Longman.
- Uchibori, M. (1984). "Transformations of Iban social consciousness". In A. Turton and S. Tanabe (eds) *History and Peasant Consciousness in South East Asia*. Osaka: National Museum of Ethnology, pp. 211-234.
- Unit Perancangan Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- United Nation Development Programme. (2017). *Sustainable Development Goals*. Retrieved Januari 2017 from <http://www.undp.org/content/undp/en/home/sustainable-development-goals.html>
- United Nation Development Programme. (2017). *The Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*. Retrieved September 2017 <https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/declaration-on-the-rights-of-indigenous-peoples.html>
- Werner, O. & Schoepfle, G. M. (1987). *Systematic fieldwork*. Newbury Park, California: Sage Publications.
- Windle, J. (2002). Envelopment or development? The role of roads as conductors of change in upland areas of Sarawak, Malaysia. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 158(4), 821-835.
- Woon, W. (2012). *Single Party Dominance in Sarawak and the Prospects for Change*. *Contemporary Southeast Asia*, 34(2), 274-295. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41756344>
- Ragayah Zin. (2014). Malaysian Development Experience: Lessons for Developing Countries. *Institutions and Economies*, 6(1).
- Zawawi Ibrahim. (2000). Regional Development in Rural Malaysia and the 'Tribal Question'. *Modern Asian Studies*, 34(1), 99-137.

Senarai Rujukan Video Rakaman

Gravesignal (Producer). Published on 20 October 2012. Baru Bian explaining the NCR. Youtube.

KLXpress (Producer). Published on 17 September 2015. Soal Jawab Bersama Ketua Menteri Sarawak 16 September 2015. Youtube.

Beritanasionalrtm rasmi (Producer). Published on 2 Mei 2016. Randau Sejiwa Sedana: Transformasi Luar Bandar Sarawak (2 Mei 2016). Youtube.

Senarai Rujukan Laman Web

BRIM (2016). *E-Kasih*. Retrieved on 1/2/2017 from <https://www.brim.info/ekasih/>

BRIMAS (1999). *Tanah Adat Hak Milik Kami*. Retrieved from <http://brimas.www1.50megs.com/>

Jabatan Pertanian Sarawak (2018). *IAZAM*. Retrieved 2/2/2018 from <http://www.doa.sarawak.gov.my/page-0-0-481-1AZAM.html>

Portal Pembasmian Kemiskinan E-Kasih (2018). Retrieved 2/2/2018 from <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/default.aspx>

Portal Rasmi Pejabat Daerah Song (2016). Retrieved 13/10/2017 from <http://song.pilm.my/index.php/warga-pilm/maklumat-pilm/maklumat-am/191-pejabat-daerah-song>

Portal Rasmi Pusat Maklumat Rakyat (2017). Retrieved 13/10/2017 from <http://pmr.penerangan.gov.my/>

Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2018). Retrieved 13/10/2017 from <http://www.rurallink.gov.my/en/>

Rancangan Malaysia Kelapan (2001). Retrieved 13/10/2017 from <http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM8.pdf>

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006). Retrieved 13/10/2017 from
<http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesembilan>

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2010). Retrieved 13/10/2017 from
www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pdf

Rancangan Malaysia Kesebelas (2016). Retrieved 13/10/2017 from
<http://epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>

Rakan Sarawak (2006). Retrieved 13/10/2017 from
<http://www.myonestopsarawak.com.my/info/rakansarawak/032006/index.shtml>

Universiti Malaysia